

PERSPEKTIF MENGENAI KEGANASAN RUMAH TANGGA

Peyelarasan
Gerak Balas
Komuniti
Terhadap Isu
Komuniti

Laporan 2017 oleh
Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO)

Dengan sokongan



WOMEN'S AID ORGANISATION
PERTUBUHAN PERTOLONGAN WANITA



Diterbitkan oleh:

Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO)

P.O. Box 493, Jalan Sultan
46760 Petaling Jaya, Selangor
Malaysia

Tel: +603 7957 5636 / 7957 0636

Faks: +603 7956 3237

Emel: womensaidorg@gmail.com

Laman web: www.wao.org.my

Facebook: www.facebook.com/womens.aid.org

Twitter / Instagram: @womensaidorg

ISBN: 978-967-14799-02

Hak cipta © 2017 Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO)

Hak cipta terpelihara.

Ditulis oleh Natasha Dandavati, Pegawai Advokasi WAO.

Pertubuhan Pertolongan Wanita ingin memberi penghargaan ke atas sumbangan ahli EXCO WAO Tashia Peterson, kakitangan WAO iaitu Jessie Ang, Pei Wey Koh, Vaneezha Muniandi, Ann Nunis, Sumitra Visvanathan, dan Yu Ren Chung, serta pelatih-pelatih WAO iaitu Melissa Chong, Hannah Jambunathan, Sagita Paramalingam, Chelsea Saelee, Christy Tan, dan Aida Ylanan.

Sejak 1982, Pertubuhan Pertolongan Wanita menyediakan rumah perlindungan, kaunseling, dan sokongan krisis secara percuma kepada wanita dan kanak-kanak yang mengalami keganasan rumah tangga. Kami membantu wanita dan anak-anak mereka membina semula kehidupan selepas mereka mengalami keganasan rumah tangga, diperkosa, diseludup dan kekejaman lain. Berdasarkan pengalaman wanita-wanita ini, kami berusaha untuk meningkatkan lagi dasar dan mengubah pemikiran masyarakat. Bersama-sama kita boleh mengubah kehidupan.

Penglibatan kami bersama pemandiri membolehkan kami memantau tahap keberkesanan undang-undang dan dasar keganasan rumah tangga yang dilaksanakan. Kami belajar daripada kehidupan realiti pemandiri dan berkongsi pemerhatian kami – melalui laporan seumpama ini – untuk memaklumkan tentang perkhidmatan pelbagai pihak berkepentingan dan gerak balas komuniti kepada semua pemandiri wanita keganasan rumah tangga dan anak-anak mereka.

Ini merupakan laporan kelima dihasilkan oleh WAO tentang gerak balas terhadap keganasan rumah tangga sejak 1997. Tujuan laporan ini adalah seperti berikut:

- (1) Untuk membantu pembaca memahami bahawa keganasan rumah tangga merupakan perbuatan jenayah yang menghancurkan kehidupan, menerusi kisah benar pemandiri. (lihat Kajian Kes dan Penekanan);
- (2) Untuk membantu pembaca (penggubal polisi, pegawai polis, pegawai kebajikan, hospital, penyedia perkhidmatan NGO, atau pelbagai pihak berkepentingan yang lain) mempertimbangkan tindakan yang mereka boleh lakukan bagi menghentikan keganasan rumah tangga (lihat Cadangan); dan
- (3) Sebagai suatu kaedah pembelajaran dan memberi kesedaran (lihat Pengalaman Tina) kepada pembaca.

Laporan ini telah dihasilkan mengikut data terkumpul dan dianalisa oleh WAO sepanjang tahun 2015 sehingga 2016, beserta pengalaman sebenar pemandiri wanita yang direkodkan oleh WAO dan dua lagi penyedia perkhidmatan NGO: The Women's Centre for Change (WCC Penang) dan Rose Virginie Good Shepherd Centre. WAO amat menghargai sumbangan organisasi-organisasi ini.

Kami juga ingin berterima kasih kepada Y.B. Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri di atas sokongan terhadap penerbitan laporan ini.

Akhir sekali, kami menghargai keberanian wanita-wanita dan kanak-kanak yang telah terselamat dari keganasan rumah tangga dan masih meneruskan kehidupan mereka. Pemandiri wanita ini dengan rela berkongsi kisah mereka demi membantu kami memahami risiko dan pergelutan yang mereka selami secara berterusan walaupun ketika menggagahkan diri untuk meninggalkan rumah keganasan itu demi menjamin masa depan yang selamat dan aman. Pihak kami akan terus memastikan suara, keselamatan dan pemerkasaan mereka menjadi keutamaan dalam bidang kerja ini.

Jika anda merupakan pemandiri, atau jika terlibat dengan isu-isu keganasan rumah tangga dalam sektor awam (polis, perubatan atau kebajikan), WAO berbesar hati untuk mendengar pandangan anda tentang isu yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sila hubungi kami melalui emel: womensaidorg@gmail.com.

Hubungi Talian Bantuan WAO di +603 7956 3488 atau SMS/WhatsApp TINA di +6018 988 8058 jika anda atau seseorang yang anda kenali mengalami penderaan di rumah.

PENDAHULUAN

CAROL CHIN

*Pertubuhan Pertolongan Wanita
Presiden 2015–2017*

Laporan ini menekankan kes-kes keganasan rumah tangga yang dikendalikan oleh Pertubuhan Pertolongan Wanita dan NGO sekutu kami, bagi memberi pembaca meneroka cabaran yang dihadapi oleh pemandiri keganasan rumah tangga dalam perjalanan mereka mencari perlindungan ke atas hak dan keadilan untuk diri sendiri dan anak-anak mereka dan membina kehidupan mereka semula.



Pada Jun 1996, Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) akhirnya dilaksanakan setelah lebih satu dekad kempen dilakukan oleh gabungan wanita-wanita badan NGO, termasuk WAO, bersama dengan pihak kerajaan. Akta ini menjenayahkan keganasan rumah tangga, melindungi hak dan keselamatan pemandiri keganasan rumah tangga, dan memerlukan pihak polis dan mahkamah untuk mengambil tindakan ke atas pelaku. Walau bagaimanapun, selepas lebih 20 tahun, masih terdapat banyak perkara yang perlu diperbaiki.

Walaupun undang-undang perlindungan terhadap keganasan rumah tangga menunjukkan progres, namun masih sukar bagi kami memberi kepastian sepenuhnya kepada setiap pemandiri untuk mengakses keadilan yang berhak dia miliki. Sebelum pemandiri berfikir untuk mengakses keadilan, mereka juga perlu mengakses sokongan kritikal dan sumber bantuan untuk melepaskan diri dari situasi keganasan, seperti tempat perlindungan, kaunseling, dan program-program keyakinan diri, penguasaan ekonomi, dan kesejahteraan psiko-sosial. Sebagai sebuah komuniti, kita mestilah menyediakan sumber bantuan dan sokongan ini supaya setiap wanita yang mengalami keganasan rumah tangga tahu bahawa dia mempunyai pilihan untuk meninggalkan keganasan tersebut dan tahu bahawa mereka tidak keseorangan.

Sebaik sahaja pemandiri keluar dari krisis keganasan rumah tangga, keupayaan untuk mengakses keadilan menjadi kunci bagi mangsa untuk meneruskan kehidupannya. Akses keadilan ini – sama ada dari segi mendapatkan wakil undang-undang untuk mendapatkan perceraian daripada pelaku, atau melihat pelaku keganasan didakwa dan disabitkan kesalahan di Mahkamah – adalah sangat kritikal untuk proses pemulihan pemandiri. Ini bukan sahaja mengesahkan kelayakan hak undang-undang ke atas mereka, malah membantu dari segi emosi, dan berkemungkinan menjadi penutup bagi meninggalkan kehidupan keganasan yang lampau.

Laporan ini mengandungi pelbagai kisah wanita yang berani melepaskan diri dari situasi keganasan dan menghuraikan sesetengah halangan yang mereka hadapi demi mendapatkan sokongan dan keadilan. Naratif ini juga menggalakkan refleksi diri – oleh NGO, penggerak balas kerajaan terhadap keganasan rumah tangga, keluarga, dan ahli komuniti – untuk mengkaji tahap kejayaan dan seterusnya langkah-langkah untuk memastikan setiap wanita yang menghadapi keganasan rumah tangga menerima sokongan dan keadilan yang layak diterima.

Y.B. DATUK PAUL LOW SENG KUAN

Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri – Tadbir Urus, Integriti dan Hak Asasi Manusia

Laporan ini mengandungi kisah-kisah yang dikongsi oleh pemandiri-pemandiri keganasan rumah tangga yang mendapatkan bantuan daripada Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO). Laporan ini menggambarkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pemandiri-pemandiri dalam mengatasi penderaan dan semasa cuba mengakses keadilan. Laporan ini juga memberikan cadangan-cadangan tentang bagaimana cabaran-cabaran ini boleh diharungi.



Keganasan rumah tangga masih lagi dianggap sebagai suatu perkara peribadi keluarga. Stigma serta kurang pemahaman tentang keganasan rumah tangga menyebabkan ramai individu mengambil pendekatan yang pasif terhadap isu ini kerana percaya ia 'bukan masalah mereka'.

Namun sebenarnya, keganasan rumah tangga adalah masalah setiap orang.

Keganasan terhadap wanita dalam apa-apa bentuk menonjolkan satu wabak yang lebih besar dalam masyarakat – sama ada secara tersurat atau tersirat – iaitu sikap misogini yang meletak wanita pada taraf yang lebih rendah daripada lelaki. Bagi mengubah tanggapan ini dan menuju ke arah masyarakat tanpa keganasan di mana wanita dilayan sama rata, setiap ahli dalam komuniti termasuk keluarga dan rakan-rakan pemandiri, agensi-agensi kerajaan berkenaan, dan NGO-NGO perlu bekerjasama untuk membuat intervensi secara aktif.

Ini merupakan laporan WAO kedua mengenai keganasan rumah tangga yang disokong oleh pejabat saya. Laporan pertama, yang diterbitkan pada tahun 2015, mengandungi cadangan-cadangan yang bermanfaat untuk mempertingkatkan dasar-dasar awam. Antaranya, salah satu cadangan penting telahpun dilaksanakan: *Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga*, yang memperincikan peranan setiap agensi kerajaan yang berkenaan telahpun digunapakai. Saya amat gembira untuk menyokong sekali lagi laporan yang penting ini.

Keganasan rumah tangga merupakan kesalahan yang serius, dan satu pencabulan hak asasi seorang wanita. Saya berharap sebagai sebuah komuniti, kita boleh bekerjasama untuk menamatkan semua bentuk keganasan terhadap wanita, dan berusaha mewujudkan masyarakat di mana setiap individu menikmati hak samarata.

ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN	4
Carol Chin	4
Y.B. Datuk Paul Low Seng Kuan.....	5
ISI KANDUNGAN	6
PENGENALAN.....	9
Laporan ini.....	9
Siapakah yang terlibat dalam gerak balas komuniti dalam KRT?.....	9
Apakah keganasan rumah tangga?	10
Keganasan rumah tangga di Malaysia.....	11
Rangka kerja undang-undang	12
PENEKANAN BERDASARKAN STATISTIK WAO	15
Penekanan 1: Terdapat permintaan konsisten untuk perkhidmatan NGO	15
Penekanan 2: Ramai pemandiri membuat aduan polis sebelum datang ke WAO, tetapi dalam kebanyakan kes tiada tindakan diambil	16
Penekanan 3: Penyelarasan gerak balas komuniti penting untuk memastikan pemandiri yang meninggalkan situasi keganasan diperkasakan	17
Penekanan 4: Bertentangan tanggapan umum, majoriti pemandiri bekerja atau tidak dibenarkan bekerja sebelum datang ke WAO	18
Penekanan 5: Penderaan psikologi adalah jenis penderaan utama	19
Penekanan daripada laporan WAO 2015 "Working Together: Case Studies in Domestic Violence Response"	21
PENEKANAN BERDASARKAN KAJIAN KES.....	24
Penekanan 6: Gerak balas pelbagai pihak berkepentingan yang diinstitusikan adalah kritikal untuk memastikan pemandiri mendapat perkhidmatan sokongan yang diperlukan.....	24
Penekanan 7: Intervensi majikan dalam keganasan rumah tangga dan menyokong pemandiri, dengan dasar sensitif gender di tempat kerja	25
Penekanan 8: Memasukkan pengecualian keganasan rumah tangga ke dalam undang-undang dan dasar relevan bagi meningkatkan akses terhadap keadilan untuk pemandiri	26
Penekanan 9: Prosiding tribunal perkahwinan JPN meletakkan pemandiri dalam risiko	27
Penekanan 10: Dasar berbaur diskriminasi terhadap gender menimbulkan kerumitan untuk pemindahan sekolah bagi pemandiri dan anak-anak mereka.	29

Penekanan 11: Penggerak balas kurang kesedaran tentang peruntukan dan tanggungjawab di bawah AKRT menyebabkan pemandiri terdedah kepada bahaya selanjutnya.....	30
Penekanan 12: Menerima pakai piawaian rumah perlindungan seragam boleh membaikpulih dan meningkatkan perkhidmatan tempat perlindungan di seluruh negara	34
Penekanan 13: Komuniti-komuniti wanita terpinggir lebih cenderung terdedah kepada keganasan rumah tangga dan menghadapi lebih banyak halangan untuk melarikan diri.....	35
Penekanan 14: Trauma berkaitan dengan keganasan rumah tangga menunjukkan keperluan untuk gerak balas berpusatkan pemandiri.....	38
CADANGAN-CADANGAN	40
Untuk Parlimen	41
Untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	41
Untuk Polis Diraja Malaysia (PDRM)	46
Untuk Kementerian Dalam Negeri	49
Untuk Kementerian Pendidikan dan semua sekolah	49
Untuk Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).....	49
Untuk Biro Bantuan Guaman (Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan PM)	50
Untuk Menteri Undang-Undang (Jabatan Perdana Menteri).....	51
KAJIAN KES OLEH PERTUBUHAN PERTOLONGAN WANITA (WAO)	53
Kes 1 – Wakil 999 merujuk kes kepada NGO; pegawai polis mengendalikan kes dengan sensitif	53
Kes 2 – Tarik balik laporan polis; keperluan kediaman terakhir untuk tribunal JPN. 54	
Kes 3 – Tribunal JPN mengakibatkan risiko serius kepada keselamatan pemandiri	56
Kes 4 – Keadilan untuk pemandiri lebih mudah dicapai melalui bantuan guaman dan apabila mengambil kira pengecualian KRT semasa tempoh menunggu ...	58
Kes 5 – KRT dan cubaan membunuh dijatuhkan dengan hukuman ringan	59
Kes 6 – Kertas siasatan tidak dibuka selepas 12 laporan polis; komen tidak sensitif oleh polis dan pegawai JPN.....	60
Kes 7 – Kurang pendekatan holistik di tempat perlindungan JKM.....	62
Kes 8 – Kesukaran tambahan dihadapi oleh pemandiri warga asing	65
Kes 9 – Polis tidak memaklumkan kepada pemandiri tentang IPO	66
Kes 10 – Penderaan sosial dan kewangan kepada pemandiri membawa kepada pengasingan.....	67

Kes 11 – Penderaan kewangan terhadap pemandiri memaksanya menyerahkan anak menjadi anak angkat	68
Kes 12 – Penculikan oleh bapa dan suami; pasport ditahan	69
Kes 13 – Maklumat salah mengenai kuasa polis menyiasat penderaan psikologi; pemindahan sekolah tanpa pengetahuan pemandiri	71
KAJIAN KES OLEH ROSE VIRGINE GOOD SHEPHERD (IPOH), PUSAT KEBAJIKAN GOOD SHEPHERD ...	73
Kes 14 – Pelarian dan pencari suaka lebih terdedah menjadi mangsa keganasan rumah tangga	73
Kes 15 – Keganasan rumah tangga antara adik-beradik	74
KAJIAN KES OLEH WOMEN'S CENTRE FOR CHANGE (WCC) PULAU PINANG	75
Kes 16 – Keganasan rumah tangga tidak diiktiraf sebagai satu jenayah, tetapi dianggap hal rumah tangga	75
Kes 17 – IO tidak memberikan maklumat terkini kepada pemandiri tentang progres kes	76
Kes 18 – IO tidak tahu prosedur permohonan po dan salah memohon IPO	77
Kes 19 – Penangguhan kes mahkamah KRT mengakibatkan keadilan tertangguh untuk pemandiri	78
Kes 20 – Penyedia perkhidmatan keliru akan peranan dan tanggungjawab mereka di bawah AKRT	79
Kes 21 – Pemandiri terperangkap dalam kitaran penderaan dan menarik balik aduan KRT	80
PENGALAMAN TINA	81
Panduan untuk menggunakan Pengalaman Tina	82
Pengalaman Tina	83
Pengalaman Tina – Soalan untuk perbincangan	97
Pengalaman Tina – Panduan untuk perbincangan	98
ISTILAH	103
MENGENAI PERKHIDMATAN WAO	104

PENGENALAN

LAPORAN INI


Penerbitan WAO tahun 2015, "*Working Together: Case Studies in Domestic Violence Response*," telah digunakan dalam latihan untuk pelbagai agensi kerajaan yang mengendalikan kes keganasan rumah tangga; oleh NGO-NGO dalam mengadvokasikan undang-undang dan dasar-dasar yang lebih kukuh; dan oleh WAO dan organisasi lain sebagai suatu kaedah untuk meningkatkan kesedaran awam tentang pengalaman pemandiri keganasan rumah tangga.

Walaupun laporan 2015 masih sumber yang relevan, dengan laporan 2017 ini, kami ingin menekankan isu-isu tambahan berkaitan pengalaman pemandiri dan situasi semasa berkenaan gerak balas kepada keganasan rumah tangga.

Sepertimana tajuk laporan ini gambarkan, keganasan rumah tangga merupakan isu seluruh komuniti yang memerlukan respons yang dikoordinasi dan diinstitusikan. Respons ini bukan sahaja melibatkan NGO dan polis, jabatan kebajikan dan pihak kepentingan kerajaan, tetapi juga melibatkan setiap ahli komuniti, termasuklah ahli keluarga pemandiri, ahli keluarga pelaku, dan jiran serta saksi di tempat kejadian. Pemandiri mestilah sentiasa diutamakan dalam penyelerasan gerak balas komuniti.

SIAPAKAH YANG TERLIBAT DALAM GERAK BALAS KOMUNITI DALAM KRT?

Isu-isu yang dihadapi oleh pemandiri keganasan rumah tangga adalah kompleks dan mendalam. Walaupun seseorang wanita berjaya melarikan diri dan mendapatkan bantuan, mereka masih perlu berdepan dengan isu-isu seperti menjamin kestabilan kewangan, mengakses sistem keadilan, mendapatkan perceraian daripada pelaku, menyelaras logistik untuk memindahkan anak ke lokasi baru, menyelesaikan isu-isu imigresen dan pelbagai perkara lain. Setiap isu ini menambahkan lagi beban ke atas diri pemandiri — yang turut berdepan dengan trauma emosi dan psikologi oleh pelaku mereka. Namun, setiap isu ini juga membuka peluang kepada ahli-ahli komuniti untuk bergerak balas terhadap pemandiri dengan mengakui hak-hak mereka sebagai seorang individu, memahami pengalamannya, dan bertindak secara sensitif terhadap keperluan mereka.




Selain daripada menggunakan kajian kes sebenar, laporan ini juga merangkumi kaedah pembelajaran tambahan, bertajuk "Pengalaman Tina".

"Pengalaman Tina" adalah naratif fiksi yang tidak mewakili pengalaman mana-mana pemandiri yang dibantu oleh WAO, tetapi sebaliknya dicipta untuk mencerminkan gabungan pengalaman pelbagai mangsa yang telah WAO perhatikan. Tina adalah suara pemandiri keganasan rumah tangga.

Menerusi laporan ini, kami berharap untuk berkongsi kisah pemandiri, belajar dari pengalaman mereka, dan memikirkan cara-cara di mana kita sebagai satu komuniti boleh tampil ke hadapan dengan memberikan gerak balas secara komprehensif dan selaras terhadap keganasan rumah tangga.

APAKAH KEGANASAN RUMAH TANGGA?

Keganasan rumah tangga adalah penggunaan tingkah laku yang menakutkan, manipulatif, atau memaksa oleh satu pasangan dengan tujuan untuk meraih atau mengekalkan kuasa dan kawalan¹ ke atas pasangan intimnya. Keganasan rumah tangga bersifat lazim, berulang dan rawak,² dan penderaan boleh dilakukan secara fizikal, psikologi, sosial, seksual atau penyalahgunaan kewangan.



Di WAO, kami memerhati keganasan rumah tangga secara meluas dalam konteks masyarakat Malaysia, dengan meneliti kedudukan wanita dan ketidaksetaraan gender. Istilah 'lazim' merujuk kepada fakta

¹ "Domestic Violence." The United States Department of Justice. N.p., 31 Oktober 2016. Web. Jan. 2017. Boleh didapati di laman web <https://www.justice.gov/oww/domestic-violence>

² <http://www.refuge.org.uk/about-domestic-violence/>

bahawa corak keganasan adalah sebatian dalam jiwa pendera. Dalam masyarakat patriarki ini, struktur institusi dan keluarga didominasi kaum lelaki, yang membawa kepada stereotaip gender dan seterusnya ketidakseimbangan kuasa antara lelaki dan wanita. Dalam konteks hubungan yang intim atau kekeluargaan, ini mewujudkan diskriminasi dengan menjatuhkan harga diri seorang wanita dan merendahkan sumbangan mereka. Ini akhirnya menjurus ke arah keganasan, sama ada fizikal atau psikologi.

'Berulang' merujuk kepada fakta bahawa keganasan adalah kitaran yang berputar antara peringkat ketegangan atau perkembangan, perletusan (kejadian ganas), pujukan oleh pelaku bahawa keganasan ini tidak akan berlaku lagi, dan akhir sekali, peringkat bulan madu, di mana situasi menjadi tenang dan pemandiri mungkin mula untuk mengurangkan atau menjustifikasikan keganasan tersebut.

Akhir sekali, 'rawak' merujuk kepada fakta bahawa tiada apa-apa justifikasi untuk keganasan rumah tangga. Walaupun penyalahgunaan dadah, masalah kewangan dan isu-isu lain mungkin menjadi faktor-faktor yang memburukkan lagi keadaan, sememangnya tiada alasan untuk keganasan rumah tangga.

Keganasan rumah tangga merupakan suatu pencabulan ke atas hak asasi seorang wanita dan boleh memberi kesan amat buruk dan mendalam seumur hidup wanita itu sendiri, termasuk kekangan ekonomi dan keganasan merentasi generasi. Keganasan merentasi generasi ini mungkin berlaku apabila seorang anak perempuan yang telah menyaksikan penderaan ibunya, seterusnya terjebak dalam hubungan dengan pendera di kemudian hari dalam hidupnya, ataupun seorang anak lelaki yang membesar dan meniru tingkah-laku ganas oleh bapanya.

KEGANASAN RUMAH TANGGA DI MALAYSIA

Menurut kajian 2014 yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA) di Universiti Sains Malaysia, sembilan peratus daripada wanita yang pernah berpasangan³ di Semenanjung Malaysia mengalami keganasan rumah tangga pada suatu ketika dalam hidup mereka⁴. Ini bermakna lebih lapan ratus ribu⁵ wanita di Malaysia yang berkemungkinan besar telah mengalami keganasan.

Kebelakangan ini, terdapat peningkatan dalam bilangan kes-kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada polis. Pada tahun 2010, hanya 3,173 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan⁶, namun bilangan ini meningkat kepada 4,123 kes pada tahun 2013,⁷ 4,807 kes pada tahun 2014⁸, dan 5,014 kes pada tahun 2015⁹.

³ Wanita yang pernah berpasangan merujuk kepada wanita yang berkahwin, tinggal dengan seorang lelaki tetapi tidak berkahwin, mempunyai pasangan intim tetapi tinggal berasingan dengan pasangan intimnya, atau tidak lagi berkahwin dan tidak mempunyai pasangan intim tetapi pernah berkahwin atau pernah mempunyai pasangan intim pada masa lepas.

⁴ Shuib, R., Ali, S. H., Abdullah, S., Ab Ghani, P., Osman, I., Endut, N.,...Shahrudin, S.S. (2014). Executive Report, Summary of Findings: A Country Level Study of Women's Well-being and Domestic Violence Against Women (AKRTW) Using WHO Multi-country Questionnaire. Pulau Pinang: Women's Development Research Centre (KANITA), University Sains Malaysia".

⁵ Anggaran berdasarkan Shuib et al. (2014) dan bancian data.

⁶ Yen, Ho Kit. "Teo: 'Conviction rate in domestic violence cases shocking.'" Free Malaysia Today. 10 Mac 2016. Boleh didapati di laman web <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2016/03/10/teo-conviction-rate-in-domestic-violence-cases-shocking/>

⁷ "3,343 kes keganasan rumah tangga dilaporkan dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini—Rohani" Borneo Post Online. 2 Oktober 2015. Boleh didapati di laman web <http://www.theborneopost.com/2015/10/02/3343-domestic-violence-cases-reported-in-first-eight-months-of-this-year-rohani/>

Peningkatan bilangan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada polis menunjukkan trend yang positif kerana lebih ramai wanita menyedari hak-hak mereka dan tampil untuk mendapatkan bantuan. Walaupun dengan peningkatan ini, keganasan rumah tangga masih sangat kurang dilaporkan berbanding ratusan ribu wanita di Malaysia berkemungkinan mengalami keganasan ini.

RANGKA KERJA UNDANG-UNDANG

Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara dalam dua dekad lepas dalam melindungi pemandiri-pemandiri keganasan rumah tangga menerusi undang-undang dan dasar-dasar awam.

- **Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.** Kelulusan Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) 1994 dan pelaksanaannya pada tahun 1996 memberi mesej yang jelas bahawa keganasan rumah tangga bukanlah hanya isu keluarga, tetapi adalah satu jenayah, justeru menunjukkan hasrat kerajaan untuk menangannya. AKRT juga dibaca bersama Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah.
- **Pindaan kepada AKRT.** Pindaan telah dibuat kepada AKRT pada tahun 2012, di mana cadangan WAO turut disertakan. Hasil usaha berterusan WAO sebagai sebahagian daripada Kumpulan Tindakan Bersama untuk Kesamarataan Gender (JAG), pindaan tambahan kepada Akta dijangka dilakukan bagi meningkatkan perlindungan akan dibentangkan di Parlimen pada Mac 2017. WAO menggesa Parlimen meluluskan rang undang-undang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk meluluskan pindaan-pindaan tersebut.
- **Konvensyen Berkaitan Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).** Malaysia meratifikasi CEDAW pada tahun 1995. Perjanjian tersebut mentakrifkan diskriminasi terhadap wanita dan menjelaskan obligasi negara untuk mengambil langkah-langkah bagi menghapuskan diskriminasi dan memastikan kesamarataan gender. Melalui Cadangan Am No. 19, CEDAW menghuraikan hubungan antara diskriminasi dan keganasan berasaskan gender, dan langkah-langkah proaktif yang mesti diambil untuk menangani keganasan terhadap wanita¹⁰. AKRT dan undang-undang negara lain masih belum selaras dengan CEDAW sepenuhnya.
- **Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga.** Selain menjalankan pemeriksaan berterusan undang-undang dan dasar-dasar yang sedia ada untuk memastikan ia mampu memberi perlindungan maksimum

⁸ Ibid.

⁹ Yen. "Teo: 'Conviction rate in domestic violence cases shocking.'"

¹⁰ Dalam Cadangan Umum No. 19, jawatankuasa CEDAW menjelaskan bahawa, "takrif diskriminasi merangkumi keganasan berasaskan gender, iaitu keganasan yang ditujukan terhadap wanita kerana dia ialah seorang wanita atau menjejaskan wanita secara tidak langsung. Ini termasuk perbuatan melibatkan fizikal, mental atau seksual atau penderitaan, ancaman terhadap perbuatan tersebut, paksaan dan pelucutan hak kebebasan lain. Keganasan berasaskan gender mungkin melanggar peruntukan tertentu Konvensyen, tanpa mengira sama ada peruntukan tersebut melibatkan keganasan." Jawatankuasa ini menghuraikan bahawa negara hendaklah mengambil langkah-langkah yang berkesan bagi menghapuskan keganasan berasaskan gender, termasuk menggubal undang-undang sewajarnya, menyediakan perkhidmatan sokongan bagi mangsa dan menjalankan latihan sensitif gender kepada badan kehakiman dan penguatkuasa undang-undang, serta pegawai awam yang lain.

.....

kepada pemandiri-pemandiri keganasan rumah tangga, undang-undang dan dasar-dasar ini harus dilaksanakan dengan komprehensif. Pelaksanaan komprehensif ini boleh dicapai sebaiknya melalui proses latihan dan perkongsian pengetahuan secara berterusan, menggunakan rangka kerja pelbagai pihak berkepentingan yang mengutamakan keperluan pemandiri. Rangka kerja tersebut telahpun diterapkan dalam Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga, (Garis Panduan) ¹¹, yang diterbitkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat pada tahun 2015. Garis Panduan ini memperincikan peranan dan tanggungjawab sembilan agensi kerajaan yang terlibat dalam mengendalikan kes-kes keganasan rumah tangga.

¹¹ Versi elektronik Garis Panduan ini sedia untuk dimuat-turun dari laman web rasmi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN), sebahagian daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Muat turun boleh didapati di laman web <http://www.lppkn.gov.my/index.php/en/garis-panduan-pengendalian-kes-keganasan-rumah-tangga/download/0-/33-smartstart.html>

Penekanan



PENEKANAN BERDASARKAN STATISTIK WAO


Kedudukan WAO sebagai penyedia perkhidmatan krisis, termasuk tempat perlindungan dan kaunseling, membolehkan kami menjalankan advokasi berdasarkan bukti. Penglibatan mendalam dengan pemandiri membantu kami dalam memantau keberkesanan pelaksanaan undang-undang dan dasar-dasar berkaitan keganasan rumah tangga. Menerusi pemerhatian kehidupan realiti pemandiri, kami dapat mengenal pasti mana-mana kelemahan dalam gerak balas pelbagai badan berkepentingan, serta mana-mana kelemahan dalam undang-undang dan dasar-dasar sedia ada yang harus diperkukuhkan.

Kami juga mengumpul statistik yang relevan untuk mengukur tahap semasa gerak balas keganasan rumah tangga dan menilai pengalaman pemandiri yang kami sokong. Ini seterusnya membolehkan analisa trend berkenaan keadaan yang membolehkan keganasan rumah tangga berlaku, serta berkenaan gerak balas komuniti terhadap keganasan rumah tangga.

Berdasarkan statistik ini, beberapa aspek daripada pengalaman pemandiri dan gerak balas terhadap keganasan rumah tangga akan ditekankan di bawah, untuk memberi pandangan kepada pembaca tentang cabaran-cabaran yang dihadapi pemandiri, untuk menambahkan kefahaman untuk semua agensi-agensi yang bertanggungjawab, dan untuk mempertingkatkan gerak balas komuniti.

PENEKANAN 1: TERDAPAT PERMINTAAN KONSISTEN UNTUK PERKHIDMATAN NGO

Penyediaan Perkhidmatan Talian Bantuan WAO daripada 2014-2016



Selain daripada perkhidmatan tempat perlindungan yang kami disediakan untuk wanita dan kanak-kanak, pada tahun 2015 dan 2016, kami juga telah meningkatkan waktu operasi Talian Bantuan WAO. Talian Bantuan WAO memberikan akses kepada maklumat kritikal dan perkhidmatan kaunseling kepada mangsa yang mungkin belum bersedia atau tidak mampu untuk meninggalkan situasi keganasan mereka, dan sekadar ingin mengambil tahu pilihan yang mereka ada atau bercakap dengan seseorang.

Jumlah pertanyaan melalui Talian Bantuan WAO telah meningkat daripada 1,982 pada tahun 2014 kepada 2,395 pada tahun 2016, menunjukkan keperluan konsisten bukan sahaja untuk kaunseling dan maklumat berkaitan dengan hak-hak individu dan pilihan sebagai pemandiri keganasan rumah tangga, tetapi juga perkhidmatan tempat perlindungan.

Berdasarkan bilangan wanita yang mungkin mengalami KRT, keperluan untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut. NGO, penggerak balas kerajaan dan ahli komuniti lain perlu berusaha untuk memastikan yang disediakan oleh Talian Bantuan WAO mengatasi jumlah perkhidmatan pemandiri keganasan rumah tangga mendapat akses perkhidmatan sokongan dan maklumat yang mereka perlukan untuk membebaskan diri daripada situasi keganasan.

PENEKANAN 2: RAMAI PEMANDIRI MEMBUAT ADUAN POLIS SEBELUM DATANG KE WAO, TETAPI DALAM KEBANYAKAN KES TIADA TINDAKAN DIAMBIL

Pada 2016, 41% daripada pemandiri yang datang ke WAO telahpun membuat laporan polis sebelum datang ke WAO. Ini adalah satu trend positif, kerana ia menunjukkan bahawa wanita tahu mereka mempunyai hak untuk bebas daripada keganasan dengan memohon bantuan daripada pihak polis.



41%
penghuni
WAO telah
membuat
laporan polis
sebelum
datang ke
WAO

.....

Walau bagaimanapun, kebanyakan laporan yang difailkan oleh penghuni WAO ini terdiri daripada laporan polis ringkas, yang dibuat oleh wanita untuk mendokumenkan insiden keganasan, tetapi — bukan seperti laporan tindakan (action) — tidak meminta pihak polis untuk mengambil tindakan atau campur tangan dalam siasatan. Memfailkan laporan polis ringkas dan bukannya laporan tindakan menandakan keengganan wanita untuk meneruskan kes yang mungkin menyebabkan pelaku berdepan dengan pertuduhan jenayah.

Walau bagaimanapun, terdapat perspektif lain menyatakan bahawa wanita mengambil pendekatan yang lebih proaktif dengan mengambil langkah untuk membuat rekod rasmi tentang penderaan apabila ia berlaku, dan sekiranya insiden keganasan mengambil tempat pada masa akan datang, tindakan selanjutnya akan diambil.

Malangnya, dalam kebanyakan kes di mana penghuni WAO pergi ke balai polis sebelum ke WAO, tiada tindakan diambil, walaupun laporan tindakan telah difailkan. Dalam kes-kes ini, tindakan polis hanya diambil selepas salah seorang pekerja sosial WAO terlibat dalam kes itu dan membantu klien mengikuti perkembangan dengan pihak polis. Kekurangan sokongan dan tindakan polis bertindak sebagai penghalang kepada wanita untuk membuat laporan tambahan atau susulan ke atas laporan-laporan terdahulu. Ketiadaan tindakan tersebut mungkin disebabkan oleh kekurangan pemahaman, pengetahuan, dan kepakaran oleh pihak polis berkaitan keganasan rumah tangga dan bagaimana undang-undang memerlukan pihak polis untuk bergerak balas dalam situasi tersebut, sepertimana dinyatakan dalam Garis Panduan.


PENEKANAN 3: PENYELARASAN GERAK BALAS KOMUNITI PENTING UNTUK MEMASTIKAN PEMANDIRI YANG MENINGGALKAN SITUASI KEGANASAN DIPERKASAKAN

Daripada 192 mangsa KRT yang berlandung di WAO pada tahun 2015 dan 2016, 114, atau 59%, telah cuba untuk meninggalkan situasi keganasan mereka sekurang-kurangnya sekali sebelum ini. Daripada 114 wanita ini, 44 (36%) mengatakan bahawa mereka telah kembali ke situasi keganasan apabila suami mereka menyatakan kesanggupan untuk berubah, sekaligus menunjukkan bahawa terdapat pelbagai sebab mengapa wanita memilih untuk tidak meninggalkan atau kembali kepada pelaku.

Walau bagaimanapun, perkara yang perlu kekal konsisten adalah penyelarasan gerak balas komuniti terhadap keganasan rumah tangga. Ini boleh bertindak untuk memperkasakan lebih ramai wanita bagi memilih untuk meninggalkan situasi keganasan selama-lamanya. Ini harus dikekalkan secara konsisten walaupun jika wanita akhirnya memilih untuk terus kekal dalam situasi keganasan.

Contohnya jika seorang wanita cuba untuk meninggalkan hubungan keganasan dan meminta bantuan daripada pihak polis, tetapi polis tidak mengambil sebarang tindakan atas laporan beliau atau memberitahunya bahawa 'ia adalah hal keluarga' – wanita itu berkemungkinan akan kembali kepada pelaku, dan tidak lagi cuba untuk mendapatkan sokongan daripada pihak polis pada masa akan datang. Begitu juga, seorang wanita yang didera dan cuba untuk mendapatkan bantuan daripada rakan-rakan atau ahli keluarga, tetapi diberitahu bahawa 'dia tidak seharusnya memalukan atau mencemarkan nama baik suaminya' mungkin membuat keputusan untuk tidak memberitahu sesiapa pun tentang apa yang dia lalui kerana berpendapat dia akan menerima respon yang sama.

Peratusan pemandiri yang pernah cuba meninggalkan situasi keganasan



Sebaliknya, wanita yang berjaya melarikan diri dari situasi keganasan dengan bantuan daripada jiran, dilayan dengan hormat dan sensitiviti apabila dia memfailkan laporan polis, menerima kaunseling dan maklumat daripada NGO, dan tahu bahawa keluarganya akan menyokongnya tanpa mengira apa-apa keputusan yang diambil, lebih cenderung untuk memperkasakan diri dalam meninggalkan situasi keganasan.

PENEKANAN 4: BERTENTANGAN TANGGAPAN UMUM, MAJORITI PEMANDIRI BEKERJA ATAU TIDAK DIBERNARKAN BEKERJA SEBELUM DATANG KE WAO

Kebanyakan orang ramai mempunyai anggapan salah tentang siapa yang boleh menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Sesetengah orang percaya bahawa keganasan rumah tangga hanya berlaku kepada wanita yang mempunyai etnik, agama dan latar belakang sosio-ekonomi tertentu, dan sebahagian besar lagi terdiri daripada suri rumah tangga. Walau bagaimanapun, realitinya keganasan rumah tangga boleh berlaku kepada

.....


semua wanita tanpa mengira etnik, agama, latar belakang sosio-ekonomi, dan juga tahap pendidikan serta status pekerjaan.

Walaupun benar bahawa pergantungan kewangan kepada pelaku sering membuat wanita lebih terdedah dengan keganasan rumah tangga kerana tidak mampu untuk meninggalkan keadaan ini, wanita yang bekerja juga boleh mengalami keganasan rumah tangga. Daripada 192 pemandiri KRT yang berlandung di WAO pada tahun 2015 dan 2016, hanya 73 orang (38%) adalah suri rumah tangga.

Daripada wanita-wanita ini, 52 wanita (71%) menjadi suri rumah tangga bukan atas pilihan mereka sendiri, tetapi kerana suami mereka memaksa mereka untuk tinggal di rumah. Mengawal seorang wanita dengan tidak membenarkan dia bekerja merupakan satu bentuk penderaan dari segi sosial dan kewangan, dan mungkin berpunca dari perasaan cemburu atau syak wasangka terhadap hubungan wanita dengan rakan sekerja atau didorong oleh keinginan pelaku untuk membuatkan wanita itu bergantung kepadanya dari segi kewangan. Selain itu, pelaku juga boleh mendera pasangannya dari segi kewangan dengan memaksanya untuk bekerja dan mencuri atau membazirkan pendapatan pasangan mereka supaya dia tidak mempunyai kebebasan ekonomi.

PENEKANAN 5: PENDERAAN PSIKOLOGI ADALAH JENIS PENDERAAN UTAMA

Pada tahun 2015 dan 2016, 93% daripada pemandiri KRT yang berlandung di bawah WAO melaporkan bahawa mereka pernah mengalami penderaan psikologi. Bagi majoriti wanita ini, penderaan psikologi diikuti dengan penderaan fizikal, dan, bagi kebanyakan wanita, penderaan dari segi sosial, kewangan dan seksual turut berlaku.



93% of WAO's residents in 2015 and 2016 experienced psychological abuse

Pada masa yang sama, ramai wanita mengalami penderaan psikologi yang dasyat bertahun-tahun tanpa mengalami penderaan fizikal. Wanita-wanita ini mungkin tidak pernah mendapatkan bantuan kerana mereka tidak tahu bahawa mereka boleh membuat aduan polis atau mendapatkan rawatan perubatan bagi kecederaan psikologi, dan tidak tahu bahawa bentuk penderaan ini mewajarkan mereka untuk meninggalkan pelaku. Kadang-kala, wanita yang meminta bantuan daripada pihak polis diberitahu bahawa tiada apa-apa yang boleh dilakukan kerana mereka tidak mempunyai kecederaan fizikal.

.....

Namun pindaan ke atas AKRT pada tahun 2012 ini memasukkan penambahan "menyebabkan penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi kepada mangsa" ke dalam takrif keganasan rumah tangga. Oleh itu, pemandiri yang mengalami penderaan psikologi tanpa penderaan fizikal boleh mengemukakan aduan polis untuk mendapatkan Perintah Perlindungan Sementara (IPO).

Mengikut Garis Panduan, sekiranya seorang wanita yang mengalami penderaan psikologi pergi ke polis terlebih dahulu, pihak polis perlu merujuk wanita itu kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dan pegawai JKM harus menemani wanita itu ke hospital untuk membuat penilaian keadaan mental (yang boleh dilakukan di hospital kerajaan). Kemudian, pihak JKM perlu memaklumkan kepada polis setelah penilaian keadaan mental dilakukan dan pihak polis perlu mengambil laporan penilaian tersebut dari hospital sebagai sebahagian daripada penyiasatan mereka kerana laporan penilaian keadaan mental itu akan menjadi ekshibit keterangan. Pihak polis juga boleh mengeluarkan surat rujukan untuk IPO walaupun sebelum penilaian keadaan mental lengkap, dan, melalui surat rujukan ini, JKM akan membantu pemandiri mendapatkan IPO.

Malangnya, bagi mangsa penderaan psikologi yang memilih untuk meninggalkan situasi keganasan mereka dan mengambil tindakan undang-undang ke atas pelaku mereka, Timbalan Pendakwa Raya (TPR) mungkin tidak sanggup untuk meneruskan tuntutan terhadap pelaku kerana ketiadaan bukti memandangkan tiada penderaan fizikal, walaupun penilaian keadaan mental membantu ke arah matlamat ini. Selain itu, apabila wanita tersebut berusaha untuk mendapatkan hak jagaan anaknya, pelaku mungkin akan menggunakan bukti tekanan psikologi dialami wanita tersebut dan mempertikaikan bahawa dia tidak layak menjadi ibu.

PENEKANAN DARIPADA LAPORAN WAO 2015 “*WORKING TOGETHER: CASE STUDIES IN DOMESTIC VIOLENCE RESPONSE*”

Laporan WAO 2015, “*Working Together: Case Studies in Domestic Violence Response*” menekankan beberapa isu-isu berdasarkan statistik WAO yang dikumpul pada 2014. Isu-isu ini kekal relevan dan dihuraikan di bawah:

Keganasan rumah tangga berlaku berulang kali dalam tempoh berpanjangan

- Data WAO 2014 menunjukkan bahawa empat puluh empat wanita (40%) daripada 110 pemandiri keganasan rumah tangga yang ditinjau melaporkan mengalami keganasan rumah tangga yang berlaku selama lebih daripada lima tahun; 45 wanita (41%) antara satu hingga lima tahun; dan 21 wanita (19%) kurang dari satu tahun. Ini bermakna sehingga 89 wanita (81%) boleh diklasifikasikan menghadapi keganasan yang berterusan dan berpanjangan di rumah (lebih daripada tempoh satu tahun). Berdasarkan Penekanan 2 di atas, data ini menekankan sekali lagi keperluan untuk penyelarasan gerak balas komuniti terhadap keganasan rumah tangga – yang dianggap sensitif dan membolehkan pemandiri tahu bahawa jika dia meninggalkan situasi keganasan, dia tidak akan keseorangan.

Polis adalah penggerak balas pertama dalam kebanyakan kes

- Kunci pembelajaran berdasarkan tinjauan ke atas 110 kes yang ditinjau adalah bahawa wanita bergantung kepada pihak polis sebagai penggerak balas pertama dalam situasi keganasan rumah tangga. Enam puluh lapan daripada 110 wanita ditinjau (62%) meminta bantuan daripada pihak polis sebelum mendapatkan bantuan perkhidmatan kerajaan atau NGO lain. Ini menunjukkan bahawa wanita mengiktiraf peranan penting pihak polis dalam menghalang pelaku dan percaya bahawa polis boleh menamatkan keganasan dengan memastikan pelaku bertanggungjawab ke atas tindakan mereka. Tindakan dan perlindungan segera tidak hanya menghentikan keganasan; malah menghantar mesej yang kuat dalam komuniti bahawa polis tidak akan bertoleransi terhadap keganasan ke atas wanita. Maka dengan sendirinya, ini bertindak sebagai halangan kepada pelaku keganasan di masa hadapan.

Kepelbagaian dimensi perkhidmatan kesihatan

- Perkhidmatan Kesihatan merupakan salah satu sektor perkhidmatan kritikal bagi pemandiri wanita dan anak-anak mereka. Bagi kebanyakan wanita yang pergi ke hospital sebagai langkah pertama, penyediaan pertolongan cemas dan rawatan perubatan bagi kecederaan fizikal berpunca daripada keganasan rumah tangga

membawa kepada perhubungan dengan pekerja sosial perubatan, yang boleh merujuk wanita tersebut kepada pelbagai bentuk perlindungan seperti polis, kebajikan, dan akses kepada tempat-tempat perlindungan NGO. Di hospital di mana Pusat Sehati Krisis (OSCC) beroperasi, mekanisma rujukan kritikal ini akan berfungsi. Walau bagaimanapun, penyelarasan perkhidmatan seperti ini belum boleh wujud secara meluas, dan tidak wujud dalam sektor kesihatan swasta — klinik swasta menjadi langkah pertama bagi kebanyakan wanita. Lima puluh satu daripada 110 wanita (46%) pergi ke klinik dan hospital untuk mendapatkan bantuan perubatan disebabkan kecederaan fizikal.

Kurang kesedaran tentang perkhidmatan kebajikan

- Satu trend yang membimbangkan ialah penggunaan perkhidmatan kebajikan yang rendah. Daripada 110 wanita yang ditinjau, 91 wanita (83%) tidak pergi ke Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mendapatkan bantuan sebelum dirujuk kepada Pegawai Kebajikan oleh WAO. Halangan utama yang dilaporkan adalah disebabkan wanita-wanita ini sememangnya tidak tahu peranan penting Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam memberi perlindungan daripada keganasan berterusan. Perkara ini amat mengecewakan memandangkan tahap kepuasan yang tinggi (90%) dicatatkan oleh 19 wanita yang berjumpa pegawai-pegawai kebajikan dengan sendiri.

Lebih banyak sokongan diperlukan untuk wanita mendapatkan peguam

- Akses kepada keadilan oleh seorang wanita boleh dipertingkatkan dengan adanya perkhidmatan perwakilan undang-undang. Pemandiri wanita sering berdepan dengan beberapa isu undang-undang termasuk perceraian dan hak penjagaan anak. Hanya 12 wanita (11%) di kalangan 110 wanita meminta bantuan guaman. Selebihnya seramai 98 wanita tidak mendapatkan bantuan guaman. Ini adalah kerana mereka tidak mampu membayar bayaran (32 wanita), serta tidak sedar tentang bantuan guaman (41 wanita). Menerusi intervensi WAO, 38 wanita mampu mengakses perkhidmatan undang-undang melalui bantuan guaman WAO, Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam, dan melalui cara berbeza lain.

Gerak balas dan tempat perlindungan NGO tidak mencukupi

- Adalah penting untuk mengkaji semula penyampaian perkhidmatan oleh NGO dan impak advokasi NGO dalam usaha kerajaan untuk menangani keganasan terhadap wanita dan khususnya keganasan rumah tangga. Penglibatan aktif pertubuhan masyarakat sivil khususnya kumpulan-kumpulan wanita memberi sumbangan penting untuk

membawa perubahan undang-undang, dasar dan elemen pelaksanaan keganasan rumah tangga. Kerjasama dengan kerajaan adalah kritikal bukan hanya untuk meningkatkan akauntabiliti penggerak balas kerajaan tetapi juga untuk melaporkan kepada penggubal dasar mengenai pengalaman wanita-wanita. Penglibatan berterusan oleh kumpulan-kumpulan wanita boleh memastikan kesamarataan gender dan penghapusan diskriminasi terhadap wanita menjadi teras penggubalan dasar dan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada pemandiri wanita dan anak-anak mereka.

- Perkhidmatan NGO kepada pemandiri keganasan rumah tangga sememangnya bermanfaat. Pada 2014, daripada 110 wanita ditinjau, 65 wanita (59%) melaporkan bahawa mereka tidak tahu akan kepelbagaian perkhidmatan yang ditawarkan oleh NGO yang boleh membantu mereka sebelum ini. Adalah jelas bahawa NGO harus melibatkan diri dalam inisiatif-inisiatif kesedaran awam dan berusaha untuk bekerjasama dengan struktur komuniti secara lebih dekat untuk merapatkan jurang maklumat ini.
- Perkhidmatan NGO amat terhad, terutamanya tempat perlindungan. Walaupun terdapat tempat perlindungan yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, hanya beberapa kemudahan disediakan di seluruh negara yang khusus untuk pemandiri keganasan rumah tangga wanita. Perkhidmatan ini kebiasaannya kerap dipenuhi.

PENEKANAN BERDASARKAN KAJIAN KES

Sebagai tambahan kepada statistik yang dikumpul dan dikemukakan oleh WAO untuk memberi penekanan kepada aspek-aspek pengalaman pemandiri dan keadaan semasa gerak balas keganasan rumah tangga, kami juga telah memilih beberapa kes yang memberikan pandangan kualitatif ke dalam isu ini. Penekanan dari kajian kes ini dikongsi seperti di bawah; kes-kes secara keseluruhan akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya dalam laporan ini.

Pemandiri-pemandiri yang terlibat dalam kajian kes yang dimasukkan dalam laporan ini dengan berani telah bersetuju untuk berkongsi kisah mereka, dengan harapan untuk mendidik masyarakat dan membawa kepada perubahan undang-undang dan dasar, perubahan sikap dan pelaksanaan gerak balas keganasan rumah tangga. Semua maklumat peribadi pemandiri tersebut telah disunting dan nama mereka ditukar bagi melindungi identiti mereka.

PENEKANAN 6: GERAK BALAS PELBAGAI PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIINSTITUSIKAN ADALAH KRITIKAL UNTUK MEMASTIKAN PEMANDIRI MENDAPAT PERKHIDMATAN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN

Rujukan kepada NGO

Gerak balas pelbagai pihak berkepentingan yang diinstitusikan dan terselaras adalah penting bagi intervensi dalam keganasan rumah tangga dan menyediakan pemandiri dengan sokongan komprehensif. Gerak balas pelbagai pihak berkepentingan ini adalah sebahagian daripada gerak balas komuniti yang lebih luas yang diperlukan dalam menangani keganasan rumah tangga dan memerlukan penglibatan pelbagai agensi seperti pihak polis, Jabatan Kebajikan, hospital, NGO dan Mahkamah.

Dalam kes 1, Alice dirujuk ke WAO apabila dia menghubungi talian kecemasan 999 di Sabah. Wakil yang membantu Alice mempunyai pengetahuan bahawa adanya direktori NGO yang boleh dirujuk, dan telah mengambil inisiatif untuk berbuat demikian. Inisiatif oleh wakil 999 tersebut mungkin hasil daripada latihan yang sesuai. Proses rujukan yang seragam harus diguna pakai di semua negeri agar penggerak balas 999, pegawai polis, hospital, dan pihak berkepentingan yang lain dilengkapi untuk membuat rujukan segera kepada pemandiri yang memerlukan tempat perlindungan dan perkhidmatan sokongan krisis, seperti yang dilakukan dalam kes Alice.

Pegawai polis yang mengendalikan kes Alice sangat membantu dan sensitif terhadap situasi keganasan rumah tangga, sehingga mengambil inisiatif bagi memastikan Alice dan pekerja sosialnya selamat dan selesai. Penyelarasan

.....

antara pihak berkepentingan, dengan kesejahteraan pemandiri boleh dicapai melalui kerjasama berterusan, latihan, dan perkongsian ilmu.

Menasihati mangsa tentang pilihan mereka

Begitu juga, dalam kes 6, pegawai JKM menasihati Sarah tentang cara dia boleh mendapat perlindungan untuk anak-anaknya apabila ia semakin jelas bahawa menambahkan nama mereka dalam IPO bukanlah satu pilihan. Jika Pegawai JKM itu hanya memberitahu Sarah bahawa anak-anaknya tidak dapat dinamakan dalam IPO dan tidak menyarankan sebarang pilihan lain, Sarah mungkin akan dibiarkan berputus asa dan gelisah tentang keselamatan anak-anaknya.

Tindakan pegawai JKM ini menggambarkan kepentingan peranan pegawai JKM dan pelbagai pihak berkepentingan lain yang bukan sahaja boleh memberi maklumat kritikal kepada pemandiri malahan dapat memenuhi keperluan individu tersebut. Kepentingan latihan yang mencukupi dan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan harus diutamakan, supaya setiap pihak memahami peranan mereka bukan sahaja *in silo*, tetapi dalam konteks holistik, gerak balas komuniti adalah diperlukan.

PENEKANAN 7: INTERVENSI MAJIKAN DALAM KEGANASAN RUMAH TANGGA DAN MENYOKONG PEMANDIRI, DENGAN DASAR SENSITIF GENDER DI TEMPAT KERJA

Seperti yang ditekankan dalam Kes 6, majikan berpotensi untuk memainkan peranan penting dalam menyokong mangsa keganasan rumah tangga. Dalam kes Sarah, majikannya merujuk Sarah ke WAO apabila mengetahui tentang keganasan yang dialaminya.

Pemandiri kebiasaannya diasing secara sosial oleh pelaku mereka – oleh itu sekiranya pemandiri bekerja, majikan mereka boleh memainkan peranan dalam mengenal pasti dan memberi gerak balas kepada KRT. Apabila pekerja menyisihkan diri atau terdapat kemerosotan dalam prestasi kerja, majikan yang menyedari tanda-tanda keganasan rumah tangga ini boleh campur tangan, dengan menyediakan pekerja itu dengan maklumat atau merujuk mereka kepada kaunseling, seperti yang disediakan dalam sesetengah syarikat.

Praktis positif lain yang diperhatikan oleh WAO termasuk pemberian cuti oleh majikan kepada pekerja yang mengalami keganasan rumah tangga untuk menghadiri perbicaraan mahkamah atau sesi kaunseling, atau menghubungi pihak polis apabila pelaku datang ke tempat kerja pekerja sekaligus melanggar IPO.

Sebaliknya WAO juga turut melihat kes di mana wanita dibuang kerja disebabkan penurunan produktiviti atau ketidakhadiran kerap yang dikaitkan dengan keganasan rumah tangga (misalnya meninggalkan kerja disebabkan oleh perbicaraan mahkamah, temu janji perubatan, sesi kaunseling atau isu-isu emosi) atau berasa terpaksa meninggalkan kerja kerana takut atau malu apabila pelaku datang di tempat kerja. Walaupun tidak didokumentasikan di Malaysia, terdapat banyak contoh dalam bidang kuasa lain di mana wanita didera bahkan dibunuh di tempat kerja.

Bukan semua majikan mempunyai polisi melibatkan keganasan rumah tangga. Cara terbaik bagi semua majikan adalah melakukan kajian ke atas semua dasar sumber manusia untuk meningkatkan sensitiviti gender, kesaksamaan gender dan inklusiviti. Ini termasuk dasar dan prosedur yang merangkumi keganasan rumah tangga, gangguan seksual, kehamilan, dan jenis diskriminasi gender yang lain. Dalam bidang kuasa lain, seperti di Amerika Syarikat, undang-undang memerlukan majikan memberi cuti atau faedah lain kepada mangsa keganasan rumah tangga. Dengan ketiadaan undang-undang sedemikian di Malaysia, majikan perlu mengambil tindakan sendiri untuk memperkenalkan dasar yang menggalakkan kesaksamaan gender dan tempat kerja yang selamat bagi semua individu, bukan sahaja kerana ia adalah perkara yang betul untuk dilakukan, tetapi juga kerana ia menjamin pekerja yang sihat dan selamat, meningkatkan produktiviti di tempat kerja, dan keseluruhannya bertambah maju.¹²

PENEKANAN 8: MEMASUKKAN PENGECUALIAN KEGANASAN RUMAH TANGGA KE DALAM UNDANG-UNDANG DAN DASAR RELEVAN BAGI MENINGKATKAN AKSES TERHADAP KEADILAN UNTUK PEMANDIRI

Mengakses dan melayari sistem keadilan adalah sukar untuk semua, terutama bagi individu yang sedang cuba untuk meneruskan kehidupan dari trauma



keganasan rumah tangga. Kos menjadi salah satu halangan utama kepada ramai pemandiri yang berhasrat untuk meninggalkan hubungan mereka dengan pelaku dan mendapatkan perceraian, memandangkan bayaran guaman agak tinggi.

Untuk melayakkan diri bagi mendapatkan bantuan dari Biro Bantuan

¹² Pitts, Tamara. Gender Equality In The Workplace Increases Productivity. 13, April 2013. Boleh didapati di laman web <https://www.mindjet.com/blog/2013/04/gender-equality-and-productivity/>. Wu, Ruohan. Gender Equality In The Workplace: The Effect Of Gender Equality On Productivity Growth Among The Chilean Manufacturers. 2016. Journal of Developing Areas, Tennessee State University, College of Business. Boleh didapati di laman web <http://muse.jhu.edu/article/609334>

Guaman,¹³ pemohon mesti menunjukkan bahawa sumber kewangan mereka tidak melebihi RM25,000 setahun. Walau bagaimanapun, kebanyakan pemandiri berpendapatan melebihi paras ini, namun tidak mencukupi wang atau mempunyai terlalu banyak tanggungjawab dari segi kewangan.

Kes 4 menggambarkan situasi di mana pemandiri layak menerima bantuan guaman dan mendapat perwakilan undang-undang dalam kes perceraian. Dalam kes ini, Rachel mendapat bantuan guaman kerana dia tidak memperoleh pendapatan bebas dan semua aset menggunakan nama suaminya. Selain itu, Rachel berjaya memintas tempoh menunggu biasa untuk diperuntukkan seorang peguam bagi kes perceraian — di mana individu terlebih dahulu mesti menunjukkan bahawa mereka telah berpisah selama dua tahun — dengan menyediakan bukti bahawa dia adalah pemandiri keganasan rumah tangga.

Satu lagi undang-undang yang mengiktiraf trauma yang dialami oleh pemandiri keganasan rumah tangga terdapat dalam Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (LRA). Di bawah Seksyen 50 LRA, petisyen perceraian tidak boleh diberikan sebelum dua tahun dari tarikh perkahwinan. Walau bagaimanapun, terdapat peruntukan bagi keadaan tertentu atau kesukaran yang dialami oleh pemohon, yang boleh dihujahkan dalam kes-kes keganasan rumah tangga, supaya jika terdapat keterangan yang menyokong dakwaan keganasan (contohnya laporan polis atau IPO), individu boleh melangkaui tempoh menunggu ini.

Peruntukan ini menyediakan contoh-contoh positif tentang bagaimana undang-undang dan dasar boleh dibentuk bagi mengakui pengalaman unik dan kompleks yang dihadapi pemandiri keganasan rumah tangga dan bagi meningkatkan keupayaan pemandiri untuk mengakses keadilan dan mengorak langkah ke hadapan dalam kehidupan mereka.

PENEKANAN 9: PROSIDING TRIBUNAL PERKAHWINAN JPN MELETAKKAN PEMANDIRI DALAM RISIKO


Pasangan yang berkahwin perlu menghadiri tribunal perkahwinan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) apabila mereka ingin bercerai. Ini menimbulkan cabaran kepada pemandiri keganasan rumah tangga yang ingin menceraikan pelaku, seperti dalam Kes 2 dan Kes 3.

Kes 2 menekankan isu pemandiri bukan Islam yang dikehendaki menghadiri tribunal perkahwinan di lokasi di alamat terakhir mereka, biasanya di mana mereka tinggal bersama pelaku. Dalam situasi keganasan rumah tangga, ini boleh mendatangkan masalah apabila pemandiri telah berpindah untuk melarikan diri daripada keganasan oleh suaminya. Pengembalian semula

¹³ Biro Bantuan Guaman terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri, manakala bantuan melalui Pusat Bantuan Guaman ditawarkan oleh Majlis Peguam menerusi Jawatankuasa Bantuan Guaman Nasional.

pemandiri ke kawasan di mana pelaku tinggal boleh mendatangkan ketakutan dan trauma serta meletakkan keselamatan dirinya dalam risiko. Ia juga mungkin membebaskan dari segi kewangan bagi pemandiri, yang mungkin perlu meminjam wang atau mengambil cuti kerja untuk berulang alik ke tribunal.

Dalam Kes 3, Nandita dan pekerja sosial WAO diletakkan dalam posisi berbahaya apabila mereka terpaksa pulang ke kawasan di mana Nandita tinggal bersama suaminya sebelum ini untuk menghadiri tribunal perkahwinan. Walau bagaimanapun, apa yang lebih memudaratkan berbanding menghadiri tribunal di kawasan seperti itu adalah apabila Nandita dipanggil ke tribunal bersama-sama dengan pelaku. Seperti yang diterangkan dalam Kes 3, klien boleh diletakkan dalam risiko jika dikehendaki berhadapan dengan pelaku keganasan mereka.



Kehadiran ke tribunal JPN telah dimandatkan dalam Seksyen 106(5)(a) LRA, tetapi, yang pentingnya, seksyen ini tidak memerlukan kedua-dua pihak untuk hadir dan didengar bersama. Ini adalah penting, kerana ramai wanita, malahan pegawai-pegawai JPN, hakim, peguam dan pekerja sosial tidak menyedari bahawa ia bukanlah satu keperluan untuk kedua pihak tampil bersama-sama semasa prosiding di tribunal JPN. Walaupun begitu, berdasarkan pengalaman WAO, kebanyakan masanya wanita akan dipanggil untuk hadir pada

masa yang sama dengan suami mereka walaupun dalam situasi keganasan rumah tangga.


Seksyen 106(1)(vi) LRA menghuraikan kebolehan untuk pengecualian dari tribunal perkahwinan 'di mana pendamaian adalah tidak praktikal'. Walau bagaimanapun bayaran guaman yang berkaitan dengan permohonan pengecualian ini biasanya di antara RM 5,000-6,000, yang merupakan kos terlalu tinggi bagi kebanyakan wanita.

Dalam situasi ini, undang-undang membenarkan tribunal berasingan di mana isteri dan suami tidak perlu berhadir bersama; walau bagaimanapun, terdapat jurang antara dasar dan perlaksanaan dalam situasi ini, memandangkan pemandiri disuruh hadir bersama-sama dengan pelaku mereka.

PENEKANAN 10: DASAR BERBAUR DISKRIMINASI TERHADAP GENDER MENIMBULKAN KERUMITAN UNTUK PEMINDAHAN SEKOLAH BAGI PEMANDIRI DAN ANAK-ANAK MEREKA

Mangsa keganasan rumah tangga perlu berhadapan dengan pelbagai isu semasa krisis. Isu-isu ini termasuklah memastikan keselamatan diri sendiri dan anak-anak mereka, yang memerlukan intervensi pihak polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Selepas berhadapan dengan cabaran awal ini, terdapat isu-isu lain yang pemandiri perlu berdepan dalam usaha untuk membina kehidupannya semula. Dalam kata lain, menangani isu-isu yang timbul selepas krisis ini menjadi semakin rumit, sedangkan kebanyakan usaha diletakkan untuk menangani keadaan sewaktu krisis. Isu-isu berkaitan dasar dan prosedur yang mungkin timbul selepas krisis perlu diberikan penekanan yang lebih besar.

Antara isu-isu ini adalah pemindahan sekolah kanak-kanak dari lokasi di mana kanak-kanak itu terdahulunya tinggal bersama-sama dengan ibunya (pemandiri) dan bapanya (pelaku), berpindah ke lokasi baru di mana dia akan tinggal dengan ibunya atau dijaga oleh pihak lain.



Dalam Kes 2, walaupun Mary dan anak-anaknya telah mengharungi keganasan rumah tangga, dia tidak berjaya dalam memindahkan anak-anaknya ke sekolah lain kerana bapa mereka membantah pemindahan tersebut. Akibatnya, anak-anak Mary dipaksa untuk tidak bersekolah selama suatu tempoh masa. Dalam Kes 13, anak-anak Crystal dipindahkan ke sekolah lain tanpa pengetahuannya dan Crystal dimaklumkan bahawa suaminya mempunyai hak untuk melakukan pemindahan ini tanpa kebenarannya. Crystal diberitahu bahawa hanya dalam kes-kes di mana si ibu mempunyai

hak jagaan barulah pemindahan sekolah dapat dilakukan tanpa kebenaran bapa.

Kes-kes ini menunjukkan kekurangan keseragaman dasar berkaitan dengan pemindahan sekolah seorang anak, seterusnya menjejaskan mangsa keganasan rumah tangga dan anak-anak mereka. Keseragaman dasar dalam mengambil kira kepentingan terbaik buat kanak-kanak itu harus dilaksanakan segera, Seksyen 5 Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961 memberikan hak penjagaan sama rata antara ibu dan bapa ke atas anak-anak.

PENEKANAN 11: PENGGERAK BALAS KURANG KESEDARAN TENTANG PERUNTUKAN DAN TANGGUNGJAWAB DI BAWAH AKRT MENYEBABKAN PEMANDIRI TERDEDAH KEPADA BAHAYA SELANJUTNYA

Tidak sensitif terhadap keganasan rumah tangga dan menyalahkan mangsa

Walaupun penggubalan AKRT adalah langkah pertama dalam menekankan betapa serius keganasan rumah tangga, kebanyakan ahli masyarakat masih menganggap keganasan rumah tangga sebagai satu perkara peribadi, hal keluarga — yang harus ditangani dalam rumah sendiri dan bukannya melibatkan pihak luar seperti polis atau mahkamah. Persepsi ini diperkukuh lagi dengan tanggapan tradisional peranan gender yang membentuk bukan sahaja intipati undang-undang, tetapi juga bagaimana undang-undang ini dikuatkuasakan. Di samping itu, tanggapan tradisional ini telah termaktub dalam tingkah laku menyalahkan mangsa di mana tindakan oleh pelaku diperkecilkan dan tanggungjawab bagi perbuatan salah ini diletakkan ke atas si mangsa.

Namun, walaupun wujud perlindungan mengikut undang-undang dan dasar, ia mungkin tidak tersedia kepada mangsa-mangsa disebabkan oleh keengganan pihak pegawai yang berkaitan untuk campur tangan dalam kes keganasan rumah tangga. Perkara ini, ditambah pula dengan kekurangan pemahaman dan sensitiviti sekitar isu gender dan kekurangan pengetahuan dalam undang-undang relevan sekaligus menjejaskan keberkesanan AKRT sebagai satu cara untuk melindungi pemandiri.

Kes 6, 12 dan 16 menggambarkan amalan berbahaya tertentu oleh penggerak balas kerajaan terhadap keganasan rumah tangga yang boleh menghalang mangsa untuk kembali mendapatkan bantuan pada masa akan datang. Dalam Kes 6, Sarah memfailkan dua belas laporan polis sepanjang tahun, namun tiada kertas siasatan dibuka; Sebaliknya, pihak polis hanya memanggil suami Sarah dan memberikan amaran. Lebih teruk lagi, apabila Sarah kembali ke balai polis untuk membuat laporan lain, polis bertanya kepadanya, 'mengapa dia masih menjadi hamil', tanpa benar-benar

.....
mengakui berlakunya keganasan rumah tangga. Perkara ini menggambarkan keengganan untuk melihat KRT dengan serius dan mentaliti yang menyalahkan mangsa dalam KRT dan meringankan kesalahan daripada pelaku.

Kekurangan sensitiviti dan kesedaran ini turut ditunjukkan oleh pegawai JPN dalam Kes 6, di mana Sarah dinasihati untuk berfikir tentang apa yang terbaik untuk anak-anaknya dan kembali semula ke pangkuan suaminya. Komen sebegini — selain menunjukkan kekurangan pemahaman — juga boleh memudaratkan mangsa, yang mungkin percaya bahawa pilihannya untuk meninggalkan situasi keganasan adalah salah dan memberi anggapan bahawa dia mementingkan diri sendiri dengan melarikan diri dari keganasan. Kebanyakan pemandiri bergelut untuk mengatasi perasaan malu dan rasa bersalah, dan tanggapan seperti ini oleh ahli komuniti lain — terutamanya dari pihak berkuasa — boleh memudaratkan kesejahteraan hidup pemandiri.


Pengalaman sama mengenai kurangnya sensitiviti terhadap pemandiri keganasan rumah tangga turut digambarkan dalam Kes 12, di mana kedua-dua pegawai polis dan pegawai imigresen yang berurusan dengan Diya enggan membantunya untuk mendapatkan semula pasport yang dicuri, walaupun mengetahui keadaannya. Dalam kes ini, Diya juga syaki bahawa bapa saudaranya iaitu, seorang pegawai polis yang berpengaruh, mungkin telah menyalahgunakan kuasanya untuk menjejaki Diya.

Akhir sekali, IO dalam Kes 16 enggan menyiasat kes ini dan menolak untuk mengeluarkan surat rujukan bagi mendapatkan IPO dan memberitahu J bahawa ini adalah "urusan peribadi keluarga." Sekali lagi, paparan sikap sedemikian oleh pihak berkuasa yang sepatutnya membantu mangsa boleh mendatangkan bahaya kerana mangsa beranggapan dia telah melakukan kesalahan dalam meminta bantuan, atau mungkin membuat keputusan untuk tidak kembali kepada pihak polis kelak kerana bimbang akan respon yang diterima.

Kekurangan kesedaran mengenai peranan dan tanggungjawab di bawah undang-undang

Keengganan untuk menganggap KRT sebagai jenayah dan bukan isu keluarga semata-mata, dan juga kurangnya sensitiviti yang ditunjukkan oleh penggerak balas pertama boleh dipulihkan melalui latihan yang betul. Latihan ini bukan sahaja boleh menghapuskan salah faham dan mengubah sikap terhadap keganasan rumah tangga, tetapi juga menjelaskan kepada penggerak balas pertama tentang tanggungjawab mereka di bawah undang-undang.

Pihak polis merupakan penggerak balas dalam kebanyakan kes-kes keganasan rumah tangga. Seperti yang ditunjukkan dalam Kes 5, 9, dan 18, pihak polis memainkan peranan penting bukan sahaja dalam mengambil tindakan untuk menyiasat kes dan membuat rujukan kepada timbalan pendakwa raya (TPR) untuk pendakwaan, tetapi juga menyediakan maklumat penting kepada pemandiri dalam pelbagai peringkat sepanjang proses tersebut. Dalam Kes 9, pihak polis tidak memberitahu pemandiri tentang kewujudan IPO dan walaupun Bina telah pergi ke balai polis beberapa kali untuk memfailkan laporan polis, dia tidak tahu bahawa terdapatnya undang-undang untuk memberi perlindungan tambahan yang boleh digunakan.



Dalam Kes 5, pihak polis mahupun TPR tidak memaklumkan kepada Noor bila suaminya akan dihadapkan ke mahkamah. Kekurangan maklumat terkini boleh mendatangkan kesan yang buruk kepada pemandiri kerana dia mungkin tidak tahu sama ada dia diberi perlindungan atau menghadapi risiko penderaan atau gangguan seterusnya oleh pelaku. Sebagai contoh, IPO hanya sah sehingga masa penyiasatan kes polis tamat dan kes didakwa di Mahkamah, jadi jika pemandiri tidak dimaklumkan bahawa kes dia telah didakwa, dia mungkin percaya IPOnya masih sah tanpa menyedari bahawa dia tidak lagi dilindungi. Begitu juga, jika pemandiri tidak dimaklumkan apabila kes pelaku dibicarakan, dia tidak akan tahu sama ada pelaku tersebut dibebaskan atau disabitkan kesalahan, serta sama ada PO masih sah dan bila pelaku akan dibebaskan (jika dihukum penjara), dan pemandiri percaya dirinya selamat walaupun hakikatnya dia berada dalam risiko bahaya. Dalam kes Noor, suaminya datang mencarinya sebaik sahaja dia dibebaskan dari penjara.

Kes 18 dan 20 menggambarkan keadaan — yang mungkin boleh dielakkan dengan latihan yang betul — apabila penggerak balas pertama yang tidak

.....

tahu akan tanggungjawab mereka dan prosedur-prosedur yang betul di bawah AKRT. Dalam Kes 18, Pegawai Penyiasatan (IO) tidak tahu tentang proses untuk memohon Perintah Pertolongan (PO) sehinggalah pekerja sosial WCC merujuk kepadanya Garis Panduan. Walaupun begitu, IO telah tersilap memohon IPO dan bukannya PO dan kemudiannya enggan untuk mohon semula. Begitu juga, dalam Kes 20, IO enggan menyediakan Z surat rujukan untuk mendapatkan IPO dengan menyatakan bahawa dia hanya dapat membantu Z dalam permohonan perceraian. Kekurangan pengetahuan dalam hal ini oleh penggerak balas pertama bukan sahaja menggoyahkan keyakinan pemandiri tentang keupayaan dirinya untuk mendapatkan bantuan dan melarikan diri dari situasi keganasan, tetapi turut menyebabkan kelewatan dalam memastikan akses pemandiri terhadap perlindungan dan keadilan.

Kekurangan tindakan oleh agensi penguatkuasa terhadap keganasan rumah tangga boleh mengakibatkan kematian: Kes Nurhidayah A. Ghani

Akhirnya, kekurangan kesedaran oleh penggerak balas pertama tentang keganasan rumah tangga termasuklah tugas dan tanggungjawab mereka di bawah undang-undang — serta hak-hak pemandiri — boleh menyebabkan kesan yang sangat teruk. Antaranya pemandiri kembali ke situasi keganasan, pelaku diputuskan tidak bertanggungjawab ke atas jenayah yang dilakukan, dan, dalam sesetengah kes, sehingga menyebabkan kematian pemandiri.


Senario kedua di atas dapat dilihat dalam kes tragis Nurhidayah A. Ghani, yang menderita disebabkan keganasan rumah tangga oleh suaminya selama satu dekad. Walaupun Nurhidayah meninggalkan rumah keganasan beberapa kali dan juga telah memfailkan lebih sepuluh laporan polis dari tahun 2009 hingga 2013, akhirnya, keganasan rumah tangga meragut nyawanya apabila dipukul suami sehingga mati pada 17 Mei 2013. Hampir empat tahun kemudian, pada 20 Januari 2017, suaminya disabitkan kesalahan membunuh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Walaupun keadilan telah dicapai dalam kes Nurhidayah, kematiannya boleh dielakkan jika masyarakat campur tangan. Pihak berkuasa enggan menahan suami Nurhidayah walaupun pada hakikatnya dia telah melanggar IPO dan berulang kali mengganggu Nurhidayah dan keluarganya. Masyarakat sekitar juga gagal untuk membantu, kerana berpendapat keganasan rumah tangga sebagai hal peribadi keluarga. Menurut kakak Nurhidayah, jiran-jiran pernah mendengar tangisan Nurhidayah yang terdesak meminta bantuan, tetapi mereka mengabaikannya.

Kes Nurhidayah menggambarkan kesan buruk sekiranya penyelarasan gerak balas komuniti terhadap keganasan rumah tangga tidak diambil dan penggerak balas pertama tidak tahu akan tanggungjawab mereka di bawah undang-undang atau tidak menjalankan tanggungjawab mereka semata-mata kerana mereka tidak melihat keganasan rumah tangga sebagai suatu perkara yang serius.

PENEKANAN 12: MENERIMA PAKAI PIAWAIAN RUMAH PERLINDUNGAN SERAGAM BOLEH MEMBAIKPULIH DAN MENINGKATKAN PERKHIDMATAN TEMPAT PERLINDUNGAN DI SELURUH NEGARA

Rumah perlindungan merupakan salah satu komponen kritikal dalam gerak balas krisis bagi pemandiri keganasan rumah tangga¹⁴. Kebanyakan pemandiri tidak mempunyai keluarga atau rakan-rakan yang boleh membantu mereka dan tidak mempunyai tempat untuk pergi jika mereka memutuskan mereka bersedia untuk meninggalkan rumah keganasan. Bagi wanita-wanita ini, akses kepada tempat perlindungan boleh menyelamatkan nyawa mereka.



Setiap tahun, hanya beberapa ratus wanita yang mampu mendapatkan perkhidmatan tempat perlindungan di salah satu daripada 42 tempat perlindungan yang diwartakan oleh kerajaan. Daripada 42 tempat perlindungan ini, 34 adalah tempat perlindungan Kerajaan. Dalam tempoh lima tahun antara 2008 hingga 2012, tempat perlindungan kerajaan ini menempatkan secara purata hanya 32 pemandiri keganasan rumah tangga setiap tahun (tempat perlindungan juga menempatkan wanita lain yang bukan mangsa keganasan rumah tangga). WAO yang mewartakan tempat perlindungan terbesar di Malaysia menyediakan tempat perlindungan

kepada pemandiri keganasan rumah tangga setiap tahun (117 wanita pada 2016). Permintaan terhadap perkhidmatan Rumah Perlindungan WAO sentiasa melebihi kapasiti.

Tempat-tempat perlindungan yang bermanfaat bukan setakat memberikan tempat perlindungan kepada pemandiri tetapi turut memudahkan akses keselamatan fizikal, perlindungan undang-undang, keadilan dan sokongan selepas meninggalkan tempat perlindungan yang akan memperkasakan pemandiri untuk maju ke arah masa depan lebih baik, lebih selamat yang bebas daripada keganasan.

Kes 7 menonjolkan situasi di mana pemandiri yang mencari perlindungan di tempat perlindungan kerajaan selepas bertahun dibelenggu penderaan tetapi

¹⁴ Garis Panduan dan Piawai Tempat Perlindungan Keganasan Rumah Tangga. Edisi Pertama, Mac 2016. Pertubuhan Pertolongan Wanita.

.....

tidak diberikan apa-apa sokongan praktikal semasa dia di tempat tersebut. Selain itu, dia telah diberitahu tanpa apa-apa notis bahawa dia terpaksa meninggalkan tempat perlindungan tersebut dengan segera. Penyediaan perkhidmatan tempat perlindungan seperti ini bukan sahaja tidak produktif, tetapi boleh memudaratkan lagi pemandiri yang sedang berhadapan dengan trauma keganasan rumah tangga dan disingkirkan daripada rumah dan kehidupannya.

Pada tahun 2016, WAO menerbitkan Garis Panduan dan Piawaian Rumah Perlindungan Keganasan Rumah Tangga, dengan kolaborasi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pembentukan piawaian tempat perlindungan ini berasaskan kepercayaan bahawa walaupun bukan semua pemandiri wanita memerlukan tempat perlindungan, ketersediaannya dapat meningkatkan pilihan pemandiri dan menawarkan alternatif daripada hidup dalam keganasan. Selain itu, dalam usaha menyediakan tempat perlindungan menjadi efektif dan memberi impak positif, ia mestilah mengikut piawaian berdasarkan keperluan pemandiri keganasan rumah tangga dan memastikan keselamatan, kesulitan, dan faktor-faktor lain dipenuhi sekurang-kurangnya pada tahap minimum.

Adalah visi WAO agar piawaian tempat perlindungan ini diguna pakai oleh semua tempat perlindungan keganasan rumah tangga di Malaysia, dan juga memberi panduan kepada pertubuhan-pertubuhan yang ingin membuka pusat perlindungan yang baru. Kami juga berharap piawaian ini akan mendorong tindakan kerajaan untuk memastikan tempat perlindungan mencukupi disediakan di seluruh negara, sama ada melalui dana atau operasi tempat perlindungan.

PENEKANAN 13: KOMUNITI-KOMUNITI WANITA TERPINGGIR LEBIH CENDERUNG TERDEDAH KEPADA KEGANASAN RUMAH TANGGA DAN MENGHADAPI LEBIH BANYAK HALANGAN UNTUK MELARIKAN DIRI

Pemandiri warga asing dan pemandiri yang berkahwin dengan warga asing

Sebagai tambahan kepada isu-isu yang biasanya dihadapi oleh pemandiri keganasan rumah tangga, pemandiri-pemandiri yang terdiri daripada warganegara asing yang berkahwin dengan lelaki kerakyatan Malaysia atau wanita kerakyatan Malaysia yang berkahwin dengan warganegara asing menghadapi lebih banyak isu disebabkan oleh status Imigresen mereka sendiri atau pelaku suami.



Isteri-isteri warga asing yang bersuamikan rakyat Malaysia bergantung sepenuhnya ke atas suami mereka untuk memperbaharui visa mereka dan seterusnya untuk sah bekerja, membuka akaun bank, dan mengakses kredit kewangan. Oleh itu, isteri bukan warganegara akan lebih terdedah kepada pengasingan sosial dan penderaan dan menghadapi

lebih banyak halangan dalam melarikan diri dari situasi keganasan mereka, seperti yang digambarkan dalam Kes 8 dan Kes 11. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa pasangan bukan warganegara yang mengalami KRT boleh memohon visa pasangan KRT, yang kebiasaannya diberikan untuk tempoh yang lebih lama berbanding pas sementara, contohnya selama enam bulan hingga satu tahun. Akan tetapi, ini memerlukan paparan bukti tertentu berlakunya KRT, seperti laporan polis dan juga mendapatkan penaja tempatan yang tinggal di negeri di mana pemandiri memohon untuk visa.

Dalam Kes 8, walaupun Sofia, seorang warganegara India, telah berkahwin dengan suaminya selama sepuluh tahun, suaminya enggan untuk memohon sijil kelahiran bagi anak bongsu mereka. Dalam hal ini, walaupun Sofia mempunyai sijil perkahwinan untuk membuktikan bahawa dia dan suaminya yang berkerakyatan Malaysia sah berkahwin, suaminya masih perlu hadir atau, seperti yang dimaklumkan oleh JPN kepada WAO, kad pengenalan asal suaminya diperlukan supaya kanak-kanak tersebut boleh didaftarkan sebagai warganegara Malaysia.

Sebaliknya, Kes 10 menggambarkan isu-isu yang dihadapi oleh pemandiri wanita keganasan rumah tangga warganegara Malaysia yang berkahwin dengan warganegara asing. Di samping stigma daripada keluarga masing-masing kerana berkahwin dengan orang luar dari komuniti mereka, pemandiri tersebut juga mungkin lebih terdedah kepada penderaan kewangan, terutamanya kerana mengikut undang-undang, pasangan mereka tidak boleh bekerja di Malaysia, justeru perlu bergantung sepenuhnya kepada pemandiri untuk bantuan kewangan.

Pelarian dan pencari suaka

Ketidakseimbangan kuasa dan faktor-faktor berkaitan yang menyumbang kepada keganasan rumah tangga – termasuk pergantungan kewangan dan pengasingan sosial – memburukkan lagi keadaan bagi pelarian dan pencari suaka yang telah meninggalkan negara mereka untuk mencari perlindungan. Antara isu-isu yang dihadapi oleh pemandiri keganasan rumah tangga yang merupakan pelarian, pencari suaka dan pendatang tanpa izin ditekankan dalam Kes 14 dan Kes 15.

Dalam Kes 14, Catherine, yang merupakan pencari suaka di Malaysia, tidak mempunyai akses sokongan daripada keluarganya, memandangkan dia keseorangan di Malaysia. Dalam kes Catherine, suaminya memaksa dia untuk bekerja dan hidup dengan mengambil pendapatannya. Walau bagaimanapun, undang-undang tidak mengiktirafkan pelarian di Malaysia untuk bekerja bermakna

pelarian dan pencari suaka tidak mempunyai pilihan selain menjadi tenaga kerja tidak rasmi, dan mereka tidak dilindungi hak pekerjaan di bawah undang-undang serta terdedah kepada eksploitasi oleh majikan mereka. Disebabkan



Catherine pernah mengalami pengalaman buruk dengan pegawai penguatkuasa, dia tidak mahu mendapatkan bantuan daripada pihak polis dan mengharungi keganasan sehingga dia dirujuk kepada Good Shepherd. Keengganan untuk melibatkan pihak berkuasa walaupun amat diperlukan adalah perkara umum di kalangan pelarian dan pencari suaka, yang berdasarkan pengalaman mereka melihat pihak polis sebagai musuh dan bukannya sekutu.

Kes 15 menekankan kes di mana pelaku ialah ahli keluarga; penderaan jenis ini juga diletakkan di bawah skop AKRT. Cindy merupakan anak yatim dan dibawa ke Malaysia oleh kakaknya yang memaksa dia untuk bekerja di rumah kakaknya yang turut enggan memperbaharui pasport Cindy yang telah tamat tempoh. Cindy menjadi lebih terjejas disebabkan kekurangan dokumentasi, yang membawa kepada pengasingan sosial di Malaysia dan terpaksa bergantung sepenuhnya ke atas kakak dan keluarganya. Seperti yang digambarkan dalam kes ini, walaupun individu yang memasuki Malaysia dengan dokumentasi lengkap boleh kemudiannya menjadi pendatang tanpa izin dan terdedah kepada pelbagai bentuk penderaan dan eksploitasi.

PENEKANAN 14: TRAUMA BERKAITAN DENGAN KEGANASAN RUMAH TANGGA MENUNJUKKAN KEPERLUAN UNTUK GERAK BALAS BERPUSATKAN PEMANDIRI

Trauma psikologi ditakrifkan sebagai "pengalaman unik individu tentang peristiwa atau keadaan yang berkekalan, di mana individu mengalami (secara subjektif) ancaman nyawa, integriti diri atau kewarasan."¹⁵ Trauma boleh disebabkan daripada peristiwa tunggal (contoh: bencana alam) atau peristiwa yang berterusan (contoh: penderaan dari segi fizikal dan emosi dalam tempoh berpanjangan) dengan kebiasaannya mengakibatkan masalah yang serius dan berpanjangan, seperti isu-isu kesihatan mental.¹⁶ Kesan trauma, antara lain, termasuklah kemurungan, keresahan, gangguan personaliti, penyalahgunaan dadah, dan gangguan pemakanan.¹⁷



Trauma yang ditanggung oleh pemandiri keganasan rumah tangga digambarkan dalam pelbagai cara menerusi kajian kes. Dalam Kes 3, Nandita, yang didera secara fizikal, psikologi dan sosial oleh suaminya selama sepuluh tahun jelas takut akan suaminya. Dalam Kes 12, Diya, yang membesar dalam penderaan rumah tangga, menyaksikan bapanya mendera ibunya, dan kemudian mengulangi kitaran ini apabila dewasa, mungkin disebabkan trauma yang dialami semasa kanak-kanak. Dalam Kes 17, L didapati didera oleh suaminya apabila dia ditampar, ditendang, dan diberitahu untuk "pergi mati", walaupun sedang mengandung. Akibat daripada keganasan ini, L mengalami kemurungan dan ingin membunuh diri.

Trauma yang dialami pemandiri keganasan rumah tangga diambil kira dalam melaksanakan dan membentuk konsep gerak balas pelbagai pihak berkepentingan. Walaupun antara prinsip-prinsip ditekankan dalam Garis Panduan mengutamakan kebajikan pemandiri, termasuk keselamatan dan kesejahteraan mereka dalam penyediaan bantuan dan perkhidmatan, ini bukanlah sesuatu yang konsisten dan meluas dilakukan pada ketika itu.

¹⁵ Giller, Esther. "What is Psychological Trauma?" Sidran Institute. Boleh didapati di laman web: <https://www.sidran.org/resources/for-survivors-and-loved-ones/what-is-psychological-trauma/>
Citing Saakvitne, K. W. et al., *Risking Connection®: A Training Curriculum for Working with Survivors of Childhood Abuse*, akan diterbitkan oleh Sidran Press pada Januari, 2000.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Ibid.

Cadangan- Cadangan



CADANGAN-CADANGAN

Terdapat beberapa jurang kritikal dalam gerak balas dan perlindungan yang sedia ada untuk pemandiri keganasan rumah tangga:

- ***Gerak balas berpusatkan pemandiri:*** Gerak balas perlu membangkitkan keyakinan dari semua pihak. Sistem gagal apabila pemandiri merasakan mereka tidak disokong dan apabila mereka tidak diberikan hak yang sewajarnya. Kami mencadangkan kajian menyeluruh terhadap halangan yang dihadapi wanita dalam mengakses keadilan dan perlindungan; latihan kepada semua penyedia perkhidmatan untuk lebih memahami cabaran pemandiri keganasan rumah tangga; meningkatkan maklumat kepada orang ramai; dan memperkukuhkan komunikasi dengan pemandiri tentang kes mereka.
- ***Data dan bukti:*** Pemahaman lebih mendalam tentang keganasan rumah tangga, profil pemandiri, dan maklumat tentang pelaku serta jenayah berkaitan keganasan rumah tangga penting bagi memastikan kita mempunyai gambaran lengkap untuk merancang, menyasarkan sumber, dan memantau progres. Kami mencadangkan kerajaan mengkaji prosedur pengumpulan data, dan mengumpul data berkaitan keganasan rumah tangga dipecahkan mengikut umur, gender, dan hubungan pelaku dengan pemandiri. Ini perlu disertakan dengan pangkalan data pengurusan kes yang boleh diakses oleh semua penggerak balas.
- ***Latihan dan kesedaran:*** Semua pihak berkepentingan ada peranan dalam menghentikan penderaan dan memastikan pemandiri mendapat sokongan sewajarnya. Kami mencadangkan semua pegawai penguatkuasa dan pegawai mahkamah menerima latihan komprehensif dan seragam bertumpukan Garis Panduan. Keperluan utama adalah untuk mengubah persepsi terhadap pemandiri, memupuk kefahaman mengenai keperluan mereka, dan menggalakkan kepekaan dan pemahaman tentang dimensi keganasan rumah tangga. Dengan cara ini, penyedia perkhidmatan dapat memastikan gerak balas yang paling sesuai diberikan kepada semua pemandiri. Penyedia perkhidmatan tidak seharusnya memberi tumpuan kepada perdamaian atau bertindak dengan anggapan bahawa pemandiri akan menarik balik laporan, sebaliknya mesti memberi tumpuan kepada menyokong wanita itu.
- ***Memperkukuhkan perundangan:*** Kami mencadangkan supaya pindaan perundangan terkini yang menunggu untuk dibentangkan di Parlimen diutamakan dan diluluskan, dan agar pindaan perundangan tambahan diperkenalkan untuk menutup jurang yang ada.

Berhubung dengan isu kritikal ini adalah cadangan-cadangan berikut, sebahagian daripadanya terangkum dalam penerbitan WAO 2015, "*Working Together: Case Studies in Domestic Violence Response*".

UNTUK PARLIMEN

Cadangan 1. Luluskan Rang Undang-undang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk meminda Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT)

Pindaan terhadap AKRT telah disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, ¹⁸ dengan input oleh WAO, sebagai sebahagian daripada Kumpulan Tindakan Bersama untuk Kesamarataan Gender (JAG). Antara aspek-aspek positif pindaan tersebut ialah:

- ✓ Pengiktirafan hak pemandiri terhadap kediaman eksklusif
- ✓ Mengeluarkan kaunseling pendamaian dan memerlukan kebenaran pemandiri sebelum Mahkamah mengeluarkan perintah untuknya menjalani kaunseling
- ✓ Peruntukan Perintah Perlindungan Kecemasan (Emergency Protection Order /EPO), yang akan membenarkan pemandiri untuk mendapat perlindungan daripada keganasan yang bakal berlaku
- ✓ Penjelasan mengenai bila tempoh perlindungan di bawah IPO berakhir dan bila perlindungan di bawah PO bermula

WAO menggesa Parlimen untuk menggubal rang undang-undang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memberi pindaan ini kuasa undang-undang supaya boleh dilaksanakan.

UNTUK KEMENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Cadangan 2. Teruskan proses pindaan untuk mengukuhkan lagi AKRT

Walaupun WAO memuji inisiatif kerajaan dalam melaksanakan pindaan ini, masih terdapat perubahan tambahan yang perlu dilakukan supaya Akta ini dapat memberi perlindungan lebih menyeluruh kepada wanita yang mengalami keganasan rumah tangga. Antara perubahan tambahan ini adalah seperti berikut:

- **Memperluaskan takrifan keganasan rumah tangga dalam seksyen 2 AKRT bagi merangkumi penderaan antara pasangan intim.**
 - Keganasan rumah tangga mempunyai ciri-ciri keganasan berulang-ulang, ketidakseimbangan kuasa dan kawalan oleh pelaku ke atas pemandiri. Ciri-ciri ini boleh wujud dalam keganasan antara pasangan intim yang tidak berkahwin.
 - Mengiktiraf pasangan intim sebagai sejenis hubungan yang dilindungi di bawah undang-undang keganasan rumah tangga merupakan best practice global. United Nations Handbook for

¹⁸ Kannan, Hashini Kavishtri. "Stalking, violence among lovers, to be included in amended Domestic Violence Act." New Straits Times. 20 October 2016. Boleh didapati di <http://www.nst.com.my/news/2016/10/181893/stalking-violence-among-lovers-be-included-amended-domestic-violence-act>

Legislation on Violence Against mencadangkan: "Perundangan perlu merangkumi sekurang-kurangnya individu yang berada atau pernah berada dalam hubungan intim, termasuk hubungan perkahwinan [dan] bukan perkahwinan".¹⁹

- Daripada 110 pemandiri keganasan rumah tangga yang mendapat perlindungan dengan WAO pada 2014, lima wanita telah didera oleh teman lelaki mereka. Ini, jumlah yang sama (atau lebih) berbanding penderaan oleh ibu bapa, adik-beradik atau ahli keluarga lain – (hubungan yang dilindungi oleh AKRT).

▪ **Iktiraf Perbuatan menghendap (stalking) sebagai satu bentuk keganasan rumah tangga.**

- Perbuatan menghendap orang masih belum dianggap sebagai satu bentuk jenayah di Malaysia.²⁰
- Kajian yang dijalankan di negara lain mendapati menghendap sebagai satu perbuatan yang amat berbahaya. Kebanyakan individu yang mempunyai kecenderungan untuk menghendap orang lain mempunyai sejarah perhubungan dengan mangsa mereka.²¹

▪ **Meminda seksyen 7 AKRT supaya kuasa untuk menangkap dilampirkan dalam setiap IPO dan PO**

- Jika defendan melanggar perintah perlindungan dengan cara selain daripada keganasan fizikal, pemandiri tidak semestinya dilindungi melalui IPO dengan kuasa penangkapan. Pemandiri juga tidak dilindungi daripada defendan yang seolah-olah tidak menyebabkan kecederaan fizikal tetapi sebenarnya melakukan keganasan itu.
- Kuasa untuk menangkap yang eksplisit menjadi lebih jelas kepada pegawai penguatkuasa bahawa mereka boleh membuat tangkapan.

▪ **Membolehkan pemandiri mendapatkan perlindungan tanpa pendakwaan**

- Walaupun EPO dijadualkan akan diperkenalkan sebagai sebahagian daripada pindaan dalam AKRT yang dijangka akan dibentangkan pada persidangan Parlimen yang akan datang, pindaan ini masih perlu diluluskan, serta ketidakpastian tentang bagaimana peruntukan EPO akan dilaksanakan.

¹⁹ United Nations Department of Economic and Social Affairs, Division for the Advancement of Women, "Hand- book for Legislation on Violence Against Women", 2010. Pg 25. Lihat <http://www.un.org/womenwatch/daw/vaw/handbook/Handbook%20for%20legislation%20on%20violence%20against%20women.pdf>.

²⁰ Joint Action Group for Gender Equality (JAG) (4 November 2013), Cadangan Meminda Undang-Undang berkaitan Keganasan Rumah Tangga dan Jenayah Seksual dalam Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah.

²¹ Ibid.

- Oleh itu, pemindaan ini perlu bagi memastikan pemandiri boleh menggunakan sepenuhnya peruntukan IPO and PO yang tersedia ada. Walau bagaimanapun, pada masa ini, perlindungan keganasan rumah tangga daripada pihak polis, hanya boleh diperolehi jika pihak polis menjalankan siasatan, dan seterusnya mungkin membawa kepada pendakwaan. Pemandiri tidak boleh mendapatkan IPO jika mereka memilih untuk tidak membuat laporan polis terhadap pelaku. Disebabkan itu, wanita yang hanya mencari perlindungan tetapi tidak mahu pasangan
 - Keganasan mereka didakwa mungkin keberatan untuk mendapatkan perlindungan daripada polis. Selanjutnya, jika siasatan berakhir atau tidak dilakukan oleh pihak polis, pemandiri tidak akan mendapat perlindungan.
 - Suatu remedi harus diwujudkan kepada pemandiri yang mencari perlindungan bebas daripada pendakwaan. Adalah penting untuk diberi perhatian bahawa perlindungan terhadap pemandiri tidak meneghadkan hak-hak sah pelaku memandangkan pelaku hanya dilarang daripada melakukan keganasan.
- **Melanjutkan tempoh PO untuk melindungi pemandiri daripada risiko berterusan**
- Seperti kebanyakan kes keganasan rumah tangga yang digambarkan, risiko pemandiri tidak berakhir walaupun pelaku disabitkan dengan jenayah dan dipenjarakan; pemandiri sering berdepan dengan ketakutan yang berterusan kerana dikhuatiri berjumpa dengan pelaku sebaik sahaja pelaku selesai menjalani hukumannya. Akan tetapi, undang-undang pada masa ini tidak mengambil kira bahaya berterusan ini sekaligus membuatkan pemandiri terdedah.
 - Undang-undang perlu dipinda supaya PO sah sehingga pelaku boleh membuktikan bahawa mereka tidak lagi menjadi ancaman kepada pemandiri.

Cadangan 3. Menjalankan kajian semula yang komprehensif ke atas AKRT, Kanun Keseksaan dan undang-undang berkaitan untuk menilai pematuhan terhadap CEDAW

Sebagai sebahagian daripada obligasi Malaysia di bawah CEDAW, yang Malaysia telah rifikasi pada tahun 1995, kerajaan perlu mengambil langkah-langkah progresif ke arah menghapuskan diskriminasi terhadap wanita. Dalam Cadangan Umum 19, Jawatankuasa CEDAW telah mengiktiraf hubungan antara diskriminasi dan keganasan berasaskan gender dan menggariskan tanggungjawab negara ke arah menangani kedua-dua diskriminasi dan

keganasan berasaskan gender.²² Antara obligasi negara adalah untuk menggubal undang-undang bersesuaian yang mematuhi prinsip-prinsip yang terkandung dalam CEDAW.

WAO menggesa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menjalankan kajian semula yang menyeluruh terhadap semua undang-undang tempatan yang berkaitan, merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, AKRT, Kanun Keseksaan dan Akta Pekerjaan, serta mencadangkan pindaan yang perlu bagi mematuhi CEDAW.

Cadangan 4. Mencadangkan satu rang undang-undang kesamarataan gender untuk enakmen oleh Parlimen

Antara obligasi lain kerajaan di bawah CEDAW, yang mungkin paling penting adalah untuk memasukkan CEDAW ke dalam undang-undang tempatan. Dalam kes 2014, *AirAsia Bhd v Rafizah Shima bt Mohamed Aris* [2014] 5 MLJ 318, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa CEDAW tidak mempunyai kuasa ikatan undang-undang di Malaysia kerana belum dimasukkan ke dalam undang-undang tempatan. Oleh itu, 'Akta Kesamarataan Gender' komprehensif perlu diperkenalkan ke dalam undang-undang tempatan, yang mentakrifkan diskriminasi, menghuraikan dengan jelas perbuatan membentuk diskriminasi dan menggariskan remedi untuk diskriminasi sedemikian.

Pada November 2016, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengumumkan bahawa undang-undang kesamarataan gender masih dalam progres,²³ dan bahawa Kementerian komited untuk menggubalnya menjelang akhir tahun 2017. JAG bekerjasama dalam merangka rang undang-undang kesamarataan itu untuk pertimbangan Kementerian. WAO menggesa Kementerian untuk melihat melaksanakan komitmen ini dan memastikan bahawa undang-undang kesamarataan gender komprehensif diperkenalkan ke dalam Parlimen dan digubal.

Cadangan 5. Mewujudkan jawatankuasa bersama pihak berkepentingan untuk kajian berterusan terhadap gerak balas KRT


Terdapat pemantauan dan penilaian oleh kerajaan yang mengendalikan kes-kes keganasan rumah tangga. Jabatan Kebajikan Masyarakat mempengerusikan sebuah jawatankuasa antara agensi mengenai keganasan rumah tangga. Walau bagaimanapun, adalah tidak jelas sama ada jawatankuasa itu beroperasi, dan ia tidak merangkumi NGO yang berkaitan, walaupun NGO adalah penyedia perkhidmatan majoriti untuk pemandiri keganasan rumah tangga. Satu jawatankuasa yang mengandungi semua pihak berkepentingan perlu ditubuhkan, termasuk penyedia perkhidmatan

²² Lihat Nota Kaki 5

²³ Kumar, Kamles. "Minister Now Says Gender Equality Act in the Works." Malay Mail Online. 2, November 2016. Boleh didapati di laman web <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/minister-now-says-gender-equality-act-in-the-works>

NGO dan pakar. Jawatankuasa di peringkat serantau atau negeri perlu juga ditubuhkan, yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan serta NGO yang bertemu sekurang-kurangnya dua kali setahun.

24



Cadangan 6. Meningkatkan dana untuk tempat perlindungan keganasan rumah tangga

Wujud jurang yang besar antara keperluan dan ketersediaan perkhidmatan.

Setiap tahun, hanya beberapa ratus wanita mampu mendapatkan perkhidmatan tempat perlindungan di salah satu daripada 42 tempat perlindungan yang diwartakan oleh kerajaan. Daripada 42 tempat perlindungan, 34 adalah tempat perlindungan kerajaan. Dalam tempoh lima tahun antara 2008 dan 2012, tempat perlindungan kerajaan ini menempatkan secara purata hanya sejumlah 32 pemandiri keganasan rumah tangga setiap tahun (tempat-tempat perlindungan turut menempatkan wanita lain yang bukan pemandiri keganasan rumah tangga). WAO merupakan penyedia perlindungan diwartakan terbesar di Malaysia, menempatkan lebih seratus pemandiri keganasan rumah tangga setiap tahun (117 wanita pada 2016).

Sebaliknya, kajian yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Wanita Dan Gender (KANITA) Universiti Sains Malaysia menganggarkan ratusan ribu wanita di Malaysia telah mengalami keganasan rumah tangga dalam hayat mereka.²⁵

²⁴ Untuk model komparatif, lihat "Protecting Families from Violence: The Singapore Experience", the Ministry of Community Development, Youth and Sports, Singapore, 2009: http://app.msf.gov.sg/Portals/0/Summary/research/Protecting%20Families%20from%20Violence_The%20Singapore%20Experience_2009.pdf

²⁵ Shuib, R., Ali, S. H., Abdullah, S., Ab Ghani, P., Osman, I., Endut, N., . . . Shahrudin, S. S. (2014). Executive Report, Summary of Findings: A Country Level Study of Women's Well-being and Domestic Violence Against Women (AKRTW) Using WHO Multi-country Questionnaire. Pulau Pinang: Women's Development Research Centre (KANITA), Universiti Sains Malaysia.

.....

Walaupun bukan setiap pemandiri memerlukan tempat perlindungan dalam tahun tertentu, kajian ini mencadangkan keperluan ini dalam skala besar berbanding perkhidmatan sedia ada. Permintaan untuk perkhidmatan perlindungan WAO sentiasa secara konsisten melebihi kapasiti.

Selain itu, seperti yang dibincangkan dalam Penekanan 12, selain menyediakan tempat yang selamat perkhidmatan rumah perlindungan boleh menyediakan pelbagai jenis kerja sosial dan perkhidmatan kaunseling. Peruntukan perkhidmatan sedemikian kepada pemandiri keganasan rumah tangga dibincangkan, dalam Garis Panduan dan Piawaian Rumah Perlindungan Keganasan Rumah Tangga, yang dilancarkan oleh WAO dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 2016.

Lebih banyak sumber perlu diperuntukkan kepada tempat perlindungan keganasan rumah tangga termasuk pembiayaan tempat perlindungan keganasan rumah tangga (diuruskan oleh kerajaan dan NGO) baru dan dalam menyokong dan meningkatkan kualiti tempat perlindungan sedia ada untuk menyediakan perkhidmatan mereka selaras dengan amalan terbaik sebagaimana digariskan dalam Garis Panduan dan Piawaian Tempat Perlindungan Keganasan Rumah Tangga supaya rangkaian tempat perlindungan merentasi seluruh negara dapat ditubuhkan.

Cadangan 7. Melaksanakan kempen kesedaran awam untuk mendidik pemandiri dan orang ramai mengenai KRT

Kekurangan kesedaran terhadap KRT tidak terhad kepada penggerak balas kerajaan; ramai anggota komuniti dan kebanyakan wanita sendiri tidak mengetahui maksud keganasan rumah tangga hakikat bahawa ia adalah satu jenayah dan bagaimana seseorang boleh mendapatkan bantuan.

Sebagai agensi kerajaan yang spesifik menguruskan isu-isu berkaitan dengan wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mempunyai posisi unik untuk melancarkan kempen kesedaran awam komprehensif yang menggabungkan maklumat kepada wanita mengenai hak-hak mereka dan di mana mereka boleh mendapatkan perkhidmatan sokongan.

UNTUK POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

Cadangan 8. Menggabungkan pertolongan cemas psikologi dan krisis kaunseling sebagai sebahagian daripada gerak balas berpusatkan pemandirian

Seperti dalam Penekanan 14 dan beberapa kajian kes, pemandiri keganasan rumah tangga berdepan dengan trauma dan pelbagai implikasi kesan daripada ini. Oleh itu, adalah penting apabila pemandiri mendapatkan bantuan daripada pihak polis dan penggerak balas untuk KRT, mereka

menerima gerak balas khusus yang sensitif terhadap keperluan unik mereka. Gerak balas terkini terhadap KRT tidak mengambil kira trauma yang pemandiri alami.

Untuk memenuhi keperluan pemandiri dan memastikan gerak balas daripada polis —yang sering merupakan penggerak balas pertama dalam kes KRT— bertindak dengan cara yang sensitif kepada keperluan ini, kakitangan khusus mesti diletakkan di setiap daerah polis untuk menangani keperluan psikologi pemandiri menerusi penyampaian pertolongan cemas psikologi dan kaunseling. Peranan Pegawai Khidmat Pemandiri (VCO) wujud untuk menjalankan fungsi ini, namun sejak awal 2016, hanya terdapat kira-kira dua puluh VCO bagi keseluruhan negara ini. Seperti yang ditunjukkan oleh kajian kes, kebanyakan pemandiri tidak menerima sebarang bentuk sokongan khusus daripada program VCO dan kakitangan khusus tambahan diperlukan. Selain itu, semua pegawai polis perlu dilatih dengan teknik-teknik asas untuk memberi gerak balas sensitif kepada trauma pemandiri. Prinsip teras pertolongan cemas psikologi, iaitu- 1. meningkatkan keselamatan; 2. menggalakkan ketenangan; 3. menggalakkan hubungan komunikasi; 4. meningkatkan harapan; dan 5. meningkatkan bantuan -perlu dimasukkan ke dalam latihan ini.



Cadangan 9. Memperuntukkan lebih banyak dana untuk meningkatkan anggota polis yang mengendalikan kes keganasan rumah tangga.

Pegawai Penyiasat (IO) yang mengendalikan kes-kes keganasan rumah tangga sentiasa dibebani kerja yang banyak, kadang-kadang bekerja syif 24 jam. Terdapat juga kekurangan kakitangan sokongan, seperti kaunselor untuk membantu pegawai barisan hadapan, dan kekurangan kakitangan khusus lengkap untuk menangani keperluan unik pemandiri keganasan rumah tangga.

.....

Untuk menunjukkan bahawa gerak balas kepada keganasan rumah tangga adalah suatu keutamaan, dana kepada pasukan polis harus diperuntukkan untuk meningkatkan bilangan pegawai barisan hadapan dalam mengendalikan kes-kes keganasan rumah tangga, serta menyediakan lebih banyak sokongan untuk pegawai-pegawai ini, contohnya akses kepada kaunselor dan latihan tetap.

Cadangan 10. Memperluas usaha untuk melatih pegawai polis barisan hadapan berkaitan sensitiviti gender dan pengendalian kes keganasan rumah tangga

Oleh kerana polis lazimnya merupakan penggerak balas pertama kepada keganasan rumah tangga, interaksi mereka dengan pemandiri harus sensitif, terbuka, dan memahami. Walaupun sudah pasti ramai pegawai polis yang menjalankan tugas secara profesional, ada juga segelintir yang tidak, seperti yang digambarkan dalam kajian kes. Ini termasuklah membawa pegangan, prasangka, dan nilai-nilai mereka sendiri ke dalam interaksi dengan pemandiri, menyebabkan layanan yang mungkin tidak sensitif dan mengecilkan pengalaman pemandiri.

Adalah penting bahawa setiap pegawai polis barisan hadapan terlatih tentang AKRT, Garis Panduan, undang-undang dan prosedur lain yang berkaitan serta cara sewajarnya untuk berinteraksi dengan pemandiri keganasan rumah tangga.

Misalnya, perlu ditekankan yang konsisten dengan undang-undang, perlindungan mesti menjadi keutamaan dan perdamaian bukanlah di bawah bidang kuasa polis. Tambahan pula, mesti ditegaskan bahawa keganasan rumah tangga adalah satu jenayah dan pemandiri tidak harus dipersalahkan.

Cadangan 11. Memperkenalkan proses rujukan seragam antara agensi

Agensi-agensi kerajaan dan polis daerah tidak mempunyai proses rujukan seragam. Walaupun polis secara konsisten bertindak sebagai penggerak balas pertama dalam kebanyakan kes keganasan rumah tangga, menurut Garis Panduan, gerak balas polis yang efektif harus merangkumi kerjasama dengan pihak berkepentingan lain, termasuk NGO, Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan hospital.

Proses rujukan seragam yang sejajar dengan Garis Panduan perlu dilaksanakan untuk mewujudkan konsistensi, membolehkan rujukan segera oleh polis kepada pemandiri yang memerlukan perkhidmatan sokongan krisis, tempat perlindungan sementara, rawatan perubatan, IPO, bantuan kewangan atau perkhidmatan lain.

UNTUK KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Cadangan 12: Mencadangkan pindaan Akta Imigresen 1955/63

Undang-undang terkini mendiskriminasi wanita warga asing yang berkahwin dengan rakyat Malaysia. Wanita yang berkahwin dengan lelaki Malaysia tidak dapat memperbaharui visa pasangan mereka, membuka akaun bank atau akses kredit tanpa persetujuan suami mereka. Ini menjadikan mereka lebih terdedah kepada keganasan rumah tangga dan mewujudkan halangan tambahan bagi mereka untuk melarikan diri situasi keganasan.

UNTUK KEMENTERIAN PENDIDIKAN DAN SEMUA SEKOLAH

Cadangan 13: Mengubal dasar yang seragam dan mengikut kesamarataan gender berkaitan kebenaran ibu bapa untuk pemindahan sekolah anak, dengan pengecualian yang diiktiraf bagi kes KRT

Apabila pemandiri keganasan rumah tangga melarikan diri bersama anak-anak mereka dari rumah yang berlakunya keganasan, mereka sering berpindah ke kawasan lain dari pelakunya. Secara lazimnya kebenaran bapa diperlukan untuk memindahkan anak-anak ke sekolah berbeza ini bersifat diskriminasi terhadap ibu.

Undang-undang dan dasar berkaitan dengan pertukaran sekolah perlu dipinda, agar kebenaran kedua-dua ibu bapa atau penjaga diperlukan untuk melengkapkan pemindahan sekolah, dengan pengecualian yang jelas bagi kes-kes keganasan rumah tangga. Pemandiri keganasan rumah tangga harus dibenarkan untuk memindahkan anak mereka dari sekolah tanpa pengetahuan atau persetujuan pelaku dengan menunjukkan IPO, surat rujukan daripada JKM, atau keterangan lain yang sesuai. Dengan cara ini, pemandiri dan anak-anak mereka boleh membina semula dan meneruskan kehidupan mereka dengan gangguan yang minimum. Dasar tersebut harus mengambil kira kepentingan terbaik anak-anak.

UNTUK JABATAN PENDAFTARAN NEGARA (JPN)

Cadangan 14: Membenarkan pemandiri KRT untuk memohon perceraian di mana-mana bidang kuasa

Pada masa ini, pemandiri keganasan rumah tangga hanya boleh memohon perceraian di kawasan di alamat terakhir mereka yang selalunya di tempat di mana dia tinggal bersama dengan pelaku suami. Ini bermakna, untuk menghadiri tiga tribunal wajib JPN, pemandiri terpaksa kembali ke lokasi di mana dia pernah tinggal dengan pelaku sekaligus meletakkannya dalam bahaya dan menyebabkan dia mengalami ketakutan dan trauma.

WAO menggesa JPN untuk menyemak semula dasar ini untuk membenarkan pemandiri memohon perceraian dan menghadiri tribunal perkahwinan di

.....

mana-mana kawasan bagi memastikan kesejahteraan pemandiri dari segi fizikal dan emosi.

Cadangan 15: Memansuhkan praktis keperluan kehadiran bersama dalam tribunal perkahwinan

Kehadiran di tribunal JPN diberi mandat oleh Seksyen 106 (5)(a) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, tetapi yang pentingnya, bahagian ini tidak memerlukan pihak-pihak hadir dan didengar bersama. Walaupun begitu, mengikut pengalaman WAO, kebanyakan wanita dipanggil untuk hadir pada masa sama dengan suami mereka walaupun dalam situasi keganasan rumah tangga.

Ini menunjukkan perbezaan antara dasar dan pelaksanaan yang menunjukkan kekurangan latihan. Untuk membetulkan keadaan ini, JPN perlu melatih pegawai dan menyebarkan dasar secara aktif kepada kakitangan dan pihak berkepentingan yang berkaitan. Dengan memastikan pegawai JPN, pemandiri, dan pihak berkepentingan lain sedar bahawa dasar JPN tidak memerlukan kedua-dua pihak dalam prosiding perceraian untuk menghadiri tribunal perkahwinan pada masa yang sama, risiko untuk pemandiri keganasan rumah tangga dapat dikurangkan.

Cadangan 16: Memperkenalkan protokol memastikan keselamatan pemandiri di Tribunal Perkahwinan

Untuk menjamin keselamatan pemandiri KRT, WAO menggesa JPN melaksanakan prosedur meletakkan kakitangan keselamatan atau pegawai polis bertugas sekiranya pemandiri diancam atau berdepan dengan risiko semasa menghadiri tribunal perkahwinannya. Pintu masuk dan keluar selamat yang berasingan dari lokasi ini juga akan membantu dalam situasi berisiko tinggi.

UNTUK BIRO BANTUAN GUAMAN (BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JABATAN PM)

Cadangan 17: Meningkatkan pendapatan maksimum untuk kelayakan Bantuan Guaman dalam Situasi KRT

Pendapatan maksimum semasa yang dibenarkan untuk mendapatkan khidmat guaman dari Biro Bantuan Guaman adalah RM25,000 setahun (RM2,084 sebulan). Malangnya, ini menyebabkan ramai pemandiri keganasan rumah tangga tidak terangkum dalam lingkungan ini kerana mereka berpendapatan di atas ambang, tetapi masih tidak mampu menyara diri dan keluarga mereka dan mendapatkan perwakilan undang-undang. Walaupun terdapat segelintir pengecualian mengikut kes, kelayakan pendapatan maksimum perlu dinaikkan bagi kes-kes KRT untuk mengelakkan beban terhadap pemandiri.

UNTUK MENTERI UNDANG-UNDANG (JABATAN PERDANA MENTERI)

Cadangan 18: Pindaan Seksyen 375 Kanun Keseksaan bagi jenayah rogol dalam perkahwinan

Seperti yang ditekankan dalam beberapa kajian kes menerusi laporan ini, penderaan seksual adalah salah satu bentuk keganasan rumah tangga yang sering berlaku. Antara penderaan seksual yang dialami oleh pemandiri KRT adalah rogol dalam perkahwinan. Pada masa ini, di bawah Seksyen 375 Kanun Keseksaan, hubungan seks tanpa kebenaran tidak diiktiraf jika berlaku antara seorang lelaki dan wanita yang telah berkahwin.

 LAWS OF MALAYSIA ONLINE VERSION OF UPDATED TEXT OF REPRINT Act 574 PENAL CODE <i>As at 1 January 2015</i>	Rape 375. A man is said to commit “rape” who, except in the case hereinafter excepted, has sexual intercourse with a woman under circumstances falling under any of the following descriptions: (a) against her will; (b) without her consent; (c) with her consent, when her consent has been obtained by putting her in fear of death or hurt to herself or any other person, or obtained under a misconception of fact and the man knows or has reason to believe that the consent was given in consequence of such misconception; (d) with her consent, when the man knows that he is not her husband, and her consent is given because she believes that he is another man to whom she is or believes herself to be lawfully married or to whom she would consent; <i>Exception</i>—Sexual intercourse by a man with his own wife by a marriage which is valid under any written law for the time being in force, or is recognized in Malaysia as valid, is not rape.
---	--

Rogol, sama ada berlaku dalam perkahwinan atau tidak, adalah satu jenayah di bawah piawaian antarabangsa dan bidang kuasa lain. Rogol dalam perkahwinan diiktiraf dalam Cadangan Umum No. 19 Jawatankuasa CEDAW yang menyatakan: "Dalam hubungan kekeluargaan, wanita di semua peringkat umur adalah terdedah kepada semua jenis keganasan, termasuk dipukul, rogol, [dan] bentuk serangan seksual yang lain." Tambahan pula, Jawatankuasa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu CEDAW meminta kerajaan Malaysia untuk menggubal undang-undang untuk menjadikan rogol dalam perkahwinan suatu jenayah pada tahun 2006, mentakrifkannya sebagai rogol kerana dilakukan tanpa kebenaran isteri.²⁶

Keseksaan sekaligus menghentikan kelakuan rogol dalam perkahwinan. Kami berharap semua pihak berkepentingan akan bertindak dalam melaksanakan cadangan-cadangan ini dan mengambil perhatian kepada penekanan yang ditonjolkan dalam laporan ini.

²⁶ Perenggan 22 bagi 2006 Concluding Comments by the Committee on the Elimination of Discrimination Against Women.

Kajian Kes



KAJIAN KES OLEH PERTUBUHAN PERTOLONGAN WANITA (WAO)

KES 1 – WAKIL 999 MERUJUK KES KEPADA NGO; PEGAWAI POLIS MENGENDALIKAN KES DENGAN SENSITIF

Alice menetap di Sabah dan didera secara fizikal oleh suaminya. Alice menelefon 999 di Sabah untuk mendapatkan bantuan dan mereka memberikan nombor WAO dari senarai NGO yang mereka punyai. Alice mengambil penerbangan dari Sabah ke Semenanjung Malaysia pada satu hari Sabtu, dan sejurus selepas mendarat Alice terus menghubungi Talian Bantuan WAO. Dia bercakap dengan pekerja sosial dan datang ke WAO hari yang sama untuk mendapatkan perlindungan. Pada masa itu, anak-anak



Alice tinggal bersama ibu bapa suaminya. Kemudiannya, Alice memperoleh IPO untuk dirinya dan anak-anak dan membawa mereka ke Kuala Lumpur bersamanya.

Suami Alice terus mengganggu ahli komuniti di kampung halamannya, termasuk ibu bapanya sendiri. Dia bertanya tentang lokasi Alice kepada keluarganya dan apabila mereka tidak memberitahu dia, dia memberontak dan telah membakar

rumah ibu bapanya – namun nasib baik tiada yang tercedera. Dia dijatuhkan hukuman lima tahun penjara kerana jenayah ini.

Kemudian, suami Alice juga didakwa untuk keganasan rumah tangga dan tarikh ditetapkan untuk perbicaraan. Pekerja sosial WAO yang membantu Alice terbang ke Sabah bagi memberi keterangan sebagai saksi sokongan Alice dalam perbicaraan. Memandangkan dia tidak begitu biasa dengan negeri Sabah, dan juga sejarah suami Alice yang ganas dan tidak menentu, pekerja sosial menghubungi polis di Sabah sebelum tiba di sana. Pegawai polis tersebut amat sudi membantu dan menghantar seseorang ke lapangan terbang untuk mengambil pekerja sosial dan Alice, dan membawa mereka untuk bertemu dengan TPR yang mengendalikan kes itu.

TPR menerangkan proses perbicaraan kepada mereka dan membuat persiapan dengan mereka. TPR juga bertanya Alice jika dia mahu memberi Kenyataan Impak Mangsa (*Victim Impact Statement*), di mana mangsa boleh mengulas lanjut kesan jenayah pelaku pada hidupnya, yang akan diambil kira oleh hakim sebelum menjatuhkan hukuman. Alice memilih untuk tidak buat VIS,

tetapi akhirnya, suaminya mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman sepuluh bulan di dalam penjara, di samping lima tahun yang sudah dijatuhkan ke atasnya.

Komen:

- Apabila Alice menghubungi nombor kecemasan 999 di Sabah, wakil itu bukan sahaja sedar bahawa mereka mempunyai senarai NGO yang mana pemanggil boleh rujuk, tetapi juga mengambil inisiatif untuk melihat direktori dan menyediakan Alice dengan nombor Talian Bantuan WAO. Inisiatif seperti itu mungkin hasil daripada komunikasi dan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan, yang membawa kepada satu mekanisme rujukan di mana ejen 999 telah dilatih.
- Melalui Talian Bantuan WAO, kami dapat memberikan sokongan segera dan kritikal ke Alice dengan bercakap dengannya, seterusnya menyediakan tempat perlindungan kepada dia. Kemudian, seorang pekerja sosial WAO telah dihantar untuk mengiringinya ke Sabah untuk perbincangan keganasan rumah tangga suaminya dan bersedia untuk berkhidmat sebagai saksi.
- Pegawai polis yang mana pekerja sosial Alice hubungi amat sudi membantu dan peka terhadap keadaan keganasan, dan mengambil inisiatif untuk membuat persiapan bagi memastikan keselamatan dan kemudahan disediakan kepada Alice dan pekerja sosialnya.
- TPR dalam kes Alice bertemu dengan Alice dan pekerja sosialnya terlebih dahulu untuk menyediakan mereka untuk perbincangan. Dia tahu akan kewujudan *Victim Impact Statement* dan memastikan Alice diberi pilihan untuk menggunakan kaedah ini.
- Sepertimana ditonjolkan dalam kes ini, dalam situasi keganasan rumah tangga, bukan setakat mangsa yang berisiko bahaya, tetapi juga anak-anak, keluarga, dan juga keluarga pelaku. Walaupun dalam kes ini IPO telah diberikan untuk melindungi Alice dan anak-anaknya, IPO itu tidak meliputi ibu bapa suami Alice yang turut diganggu dan diancam oleh suaminya. Dia memberontak apabila ibu bapanya enggan untuk memberitahu lokasi Alice dan membakar rumah mereka yang boleh mengakibatkan kecederaan serius atau kematian.

Kes 2 – TARIK BALIK LAPORAN POLIS; KEPERLUAN KEDIAMAN TERAKHIR UNTUK TRIBUNAL JPN

Mary berkahwin dengan suaminya pada 2005, dan mereka mempunyai dua orang anak. Suami Mary adalah kaki botol dan tidak mempunyai pekerjaan tetap. Penderaan bermula kira-kira tiga tahun selepas perkahwinan dan kian hari bertambah teruk. Suaminya akan membaling topi keledar, kasut, hos atau apa-apa objek yang dia boleh capai ke arah Mary, dan turut mencekik, memijak perut, dan menendangnya. Suami Mary turut memaksa dia

.....
mengambil dadah. Dia juga akan didera secara mental dan kerap dipaksa untuk melakukan hubungan seks tanpa rela. Suami Mary juga kadangkala mendera anak perempuan mereka.

Selepas satu kejadian, Mary cedera parah. Dia membuat laporan polis dan dimasukkan ke hospital. Suami Mary ditahan selama seminggu di lokap polis, tetapi dia menelefon Mary di hospital dan memintanya untuk menarik balik laporan polis. Mary menarik balik laporan polis, dan selepas suaminya dibebaskan penderaan berlaku semula. Mary pernah beberapa kali meninggalkan rumah untuk melarikan diri dari daripada keganasan sebelum datang ke WAO. Dia telah berpisah dengan suaminya untuk seketika tetapi akhirnya terpaksa mencari perlindungan di WAO apabila suami mencarinya.

Apabila Mary dijadual untuk pergi ke salah satu prosiding tribunal perkahwinannya di JPN, suaminya menguncinya di dalam rumah dan dia tidak dapat hadir. Dia mahu menceraikan suaminya, tapi takut untuk menghadiri prosiding tribunal perkahwinan selepas kejadian ini, kerana dia terpaksa menghadiri tribunal perkahwinan dalam bandar di mana dia dan suaminya tinggal sebelum ini. Kemudiannya, seorang pekerja sosial WAO menemani Mary untuk tiga prosiding tribunal perkahwinannya, dan juga ke Biro Bantuan Guaman untuk mendapatkan seorang peguam bagi memfailkan kertas perceraian.



Selepas datang ke WAO, Mary pergi sebanyak dua kali bersama pekerja sosial untuk memohon pertukaran sekolah anak-anaknya, tetapi selepas suami Mary pergi ke sekolah dan membuat hal di sana, sekolah tersebut enggan untuk memproses pemindahan maka anak-anaknya terpaksa keluar dari sekolah untuk beberapa tempoh masa. Akhirnya, Mary meninggalkan rumah perlindungan WAO, mendapat pekerjaan, dan menyewa tempat sendiri.

Komen:

- Seperti Mary, ramai wanita menarik balik laporan polis mereka apabila menerima janji dan jaminan daripada suami mereka bahawa penderaan akan berhenti. Kebanyakan masa penderaan ini akan terus berlaku sejurus selepas pemandiri menarik balik laporan polis. Walau bagaimanapun, sebagai pihak bertanggungjawab dalam kes keganasan rumah tangga, kita tidak seharusnya membenarkan hakikat ini menjejaskan respon yang pemandiri-pemandiri wajib dapat di balai polis.

- Individu bukan Islam yang failkan perceraian mesti menghadiri tiga prosiding tribunal perkahwinan di JPN. Dasar terkini adalah individu yang memohon untuk bercerai mesti menghadiri tribunal-tribunal perkahwinan di lokasi di mana mereka paling akhir tinggal. Ini boleh meletakkan risiko serius terhadap pemandiri keganasan rumah tangga.
- Walaupun Mary dan anak-anaknya mengalami keganasan rumah tangga, dia tidak berjaya dalam memindahkan anak-anaknya kepada sekolah lain kerana gangguan daripada ayah yang menyebabkan sekolah tidak ingin meneruskan proses pemindahan.

Kes 3 – TRIBUNAL JPN MENGAKIBATKAN RISIKO SERIUS KEPADA KESELAMATAN PEMANDIRI

Nandita telah mengalami keganasan rumah tangga dari segi fizikal, psikologi, dan sosial selama lebih daripada sepuluh tahun oleh suaminya yang merupakan seorang penagih dadah. Suaminya membakar pakaiannya dan menghalau dia keluar dari rumah, oleh itu klien melarikan diri ke rumah kakak ipar, dan kakak iparnya membantunya menghubungi WAO.

Dengan bantuan WAO, Nandita memohon perceraian daripada suaminya, dan proses ini termasuk menghadiri tiga tribunal perkahwinan di JPN di lokasi di mana dia pernah tinggal bersama suaminya. Dua orang kakitangan WAO menemani Nandita ke tribunal JPN. Nandita duduk di hadapan, dan kedua-dua ahli kakitangan WAO berdiri berdekatan, mengawasi jika terdapat sebarang masalah. Dalam masa itu terdapat tiga orang lelaki merenung mereka, dan seolah-olah mengambil gambar dengan telefon bimbit mereka. Nandita berkata dia tidak mengenali lelaki-lelaki itu; namun kerana dia sering dikunci di rumah oleh suaminya, jadi dia tidak tahu siapa kawan-kawan kepada suaminya.

Tidak lama kemudian, suami dan bapa mertua Nandita tiba. Nandita amat takut melihat suaminya dan bapa mertua, dan berpaut kepada kakitangan WAO. Bapa mertua Nandita mula untuk mendekati kawasan di mana dia duduk, dan apabila dia melihat menantunya, dia memanggil anaknya, yang segera pergi kepada Nandita, berlutut di hadapan Nandita dan mencapai kakinya. Nandita amat takut, dan membantah dan cuba untuk menarik kakinya pergi tetapi suami tidak membenarkan dia pergi.

Kakitangan WAO memanggil polis manakala yang lain menghampiri suaminya dan cuba untuk melindungi Nandita. Kakitangan WAO meminta suami dan bapa mertuanya untuk berundur ke belakang, kerana kedua-dua mula menuju ke arahnya, di mana pada ketika itu abang ipar Nandita tiba dan mula mengancam dan mengertak kakitangan WAO.

Pegawai JPN akhirnya campur tangan, meminta semua orang untuk duduk. Semua orang patuh akan arahan itu kecuali abang ipar dan dia terus secara

.....

lisan menyerang Nandita. Sekali lagi, kakitangan WAO yang meletakkan diri mereka di antara klien dan abang ipar yang kemudiannya menengking mereka, mengancam untuk memanggil polis dan mengatakan bahawa mereka telah tidak mengikut undang-undang dalam mencampuri "urusan keluarga." Pegawai JPN keluar pada kali kedua dan meminta abang ipar bertenang. Apabila pihak polis tiba, pegawai JPN memanggil semua orang ke dalam pejabat untuk pendamaian.

Semua orang diminta keluar dan polis pun pulang. Kakitangan WAO dan klien masih gelisah kerana percaya bahawa keluarga suami Nandita kemungkinan masih berada di persekitaran kawasan. Mereka meminta untuk keluar melalui pintu belakang, namun pegawai JPN tertawa mengatakan bahawa walaupun terdapat pintu belakang sudah tentu dia tidak akan membuat pengecualian kerana orang lain akan mula untuk menuntut untuk menggunakan pintu belakang. Kakitangan WAO cuba untuk berkompromi, bertanya jika dia akan mengiringi mereka kepada teksi, dan sekali lagi, dia mengatakan bahawa itu bukan perkhidmatan yang disediakan di JPN. Dia berkata bahawa pihak suami "tidak akan berani sentuh [Klien WAO]" dan bahawa "terdapat undang-undang di negara ini dan kita harus mempercayainya."

Kedua-dua kakitangan WAO kemudian memohon pegawai perempuan lain untuk pertolongan dan dia bersetuju. Sementara itu, klien selesai temu duganya dan suami cuba untuk mendekatinya, kali ini merayu lebih lembut dengan Nandita sementara kakitangan WAO berdiri berdekatan. Pegawai JPN yang telah bersetuju untuk membantu Nandita memanggil dua kakitangan JPN lain untuk membawa kumpulan WAO ke kereta, manakala suami Nandita dan enam lelaki lain berdiri berdekatan pintu dan mengikuti kumpulan WAO, dan masih menjerit dan memaki mereka.

Komen:

- Nandita dan suaminya dipanggil bersama-sama untuk prosiding tribunal perkahwinan JPN mereka meskipun pada hakikatnya ini ialah kes keganasan rumah tangga dan Seksyen 106(5)(a) LRA tidak memerlukan parti untuk hadir dan didengar bersama.
- Tiada protokol keselamatan yang diketahui ditetapkan oleh JPN, walaupun untuk kes keganasan rumah tangga dan apabila terdapat risiko jelas bahaya terhadap pemandiri.
- Walaupun memerhatikan gangguan dan ancaman terhadap Nandita dan kakitangan WAO, pegawai JPN yang mereka mula-mula meminta bantuan bersikap acuh tak acuh dan enggan untuk membenarkan mereka keluar melalui pintu belakang atau untuk mengiringi mereka ke kereta.
- WAO menemani Nandita ke tribunal JPN dan mewujudkan pelan keselamatan, setelah menjangkakan risiko yang mungkin ditimbulkan oleh suaminya.

KES 4 – KEADILAN UNTUK PEMANDIRI LEBIH MUDAH DICAPAI MELALUI BANTUAN GUAMAN DAN APABILA MENGAMBIL KIRA PENGECCUALIAN KRT SEMASA TEMPOH MENUNGGU

Rachel bertemu suaminya di tempat kerja. Sebaik selepas perkahwinan, suami Rachel berjaya dalam urusan perniagaan dan mereka stabil dari segi kewangan. Walau bagaimanapun, suami Rachel mula mengambil dadah dan bersosial dengan ramai wanita lain.

Rachel mahu menyelamatkan perkahwinan, tetapi suaminya akan sentiasa mengarahkannya untuk keluar dari rumah mereka dengan menderanya dan, pada satu ketika, pernah menyucuhnya dengan puntung rokok. Suami Rachel tidak mahu kekal berkahwin dengannya, tetapi mahu menjaga anak mereka, kerana dia percaya anak itu membawa tuah kepada perniagaannya.

Selepas satu kejadian penderaan, Rachel akhirnya membuat laporan polis dan mengatakan bahawa suaminya mengambil dadah. Suaminya kemudian membuat laporan polis terhadap Rachel, tetapi apabila polis menggeledah rumah mereka dan menjalankan ujian dadah, hanya ujian suami kembali positif. Suaminya ditangkap dengan segera dan dihukum penjara selama tiga bulan.

Seorang kawan mencadangkan kepada Rachel untuk mendapatkan IPO, tetapi dia menghadapi kesukaran untuk membuat demikian. Dia telah pergi ke mahkamah beberapa kali untuk mendapatkan maklumat, dan meminta bantuan daripada seorang pengawal keselamatan yang tidak mempunyai pengetahuan untuk membantunya. Akhirnya, Rachel telah diberitahu oleh seorang kenalan mengenai WAO dan menghubungi WAO melalui Facebook untuk mencari tempat perlindungan. WAO membantu Rachel untuk mendapatkan IPO dan kemudian menjaga anak-anaknya ketika dia pergi keluar untuk mencari pekerjaan.

Oleh kerana Rachel telah berhenti kerja dan tidak mempunyai akses kepada aset suaminya, Rachel boleh mendapatkan khidmat guaman melalui Biro Bantuan Guaman, dan melalui laporan polis dan IPO, dia mampu untuk menyelesaikan proses perceraian dengan cepat.

Komen:

- Rachel dapat mengakses Biro Bantuan Guaman kerana dia tidak memperoleh pendapatan dan semua aset adalah atas nama suaminya. Walau bagaimanapun, ramai mangsa mengalami kesukaran untuk melayakkan diri untuk mendapatkan bantuan Biro Bantuan Guaman, kerana mereka mempunyai sumber kewangan yang melebihi RM25,000 setahun, tetapi masih tidak mempunyai cara untuk membayar perwakilan undang-undang. Ini mungkin kerana hutang

atau tanggungjawab kewangan seperti bayaran pinjaman perumahan, pendidikan anak-anak, atau menjaga ibu bapa yang tua.

- Rachel juga dapat memintas tempoh menunggu biasa – di mana individu mesti menunjukkan bahawa mereka telah berpisah selama dua tahun – untuk diberikan seorang peguam melalui Biro Bantuan Guaman bagi kes perceraian, dengan menyediakan bukti bahawa dia adalah pemandiri keganasan rumah tangga.

Kes 5 – KRT DAN CUBAAN MEMBUNUH DIJATUHKAN DENGAN HUKUMAN RINGAN

Noor mengalami penderaan secara fizikal, psikologikal dan kewangan oleh suaminya selama lapan tahun. Noor dan suaminya mempunyai dua anak, berusia tujuh dan dua setengah tahun. Selepas bertahun-tahun lama menahan penderaan, Noor akhirnya meninggalkan rumahnya dan datang ke WAO untuk mendapatkan perlindungan.

Suami Noor telah didakwa untuk keganasan rumah tangga dan dihukum penjara selama enam bulan. Dia juga didapati bersalah atas cubaan membunuh anak perempuan mereka apabila cuba untuk mencampaknya dari jambatan tetapi berjaya dihalang daripada berbuat demikian oleh orang



ramai. Untuk jenayah ini, suami Noor telah mengaku bersalah dan hanya dijatuhkan hukuman lapan bulan penjara, dan hukuman bagi dua jenayah ini dijalankan secara serentak.

Polis tidak memaklumkan Noor atau WAO apabila suaminya dibawa untuk perbincangan dan Noor hanya mendapat tahu apabila pekerja sosial dia mendengar di berita radio. Apabila suami Noor dibebaskan dari penjara, dia segera pergi mencari isterinya.

Noor terus hidup bersembunyi kerana bimbang suaminya akan mencari dia, tetapi dengan sokongan WAO, dia telah mendapat pekerjaan dan tinggal sendiri bersama anak-anaknya.

Komen:

- Keganasan rumah tangga yang dikenakan ke atas Noor oleh suaminya adalah sebahagian daripada perlakuan kejam dan ganas yang dilanjutkan kepada anak-anaknya, memuncak dalam cubaan membunuh oleh suaminya ke atas anak perempuan mereka.
- Meskipun Seksyen 307 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman sehingga sepuluh tahun penjara bagi cubaan membunuh (dan sehingga dua puluh tahun jika seseorang cedera semasa percubaan itu), suami Noor hanya dijatuhkan hukuman selama lapan bulan bagi cubaan membunuh anak perempuannya. Yang lebih mengerikan adalah hakikat bahawa hukuman suaminya kerana cubaan membunuh dan keganasan rumah tangga berjalan serentak, oleh itu dia tidak menjalankan hukuman sepenuh masa sepertimana termaktub bagi setiap hukuman. Hukuman ringan ini memberi mesej yang salah kepada pelaku keganasan rumah tangga yang tingkah laku kejam dan ganas mereka akan dihukum dengan hukuman yang ringan, dan ini juga boleh menghalang mangsa daripada mencuba untuk mendapatkan keadilan.

Kes 6 – KERTAS SIASATAN TIDAK DIBUKA SELEPAS 12 LAPORAN POLIS; KOMEN TIDAK SENSITIF OLEH POLIS DAN PEGAWAI JPN

Suami Sarah telah menderanya setiap hari selama 12 tahun, termasuk penderaan secara fizikal, psikologi, seksual, kewangan, dan sosial. Suami Sarah juga mendera anak-anak mereka, dan sepanjang perkahwinan mereka akan menghalang Sarah daripada melihat anak-anak, kerana dia akan memindahkan mereka tanpa persetujuannya, atau membawa mereka jauh dalam percubaan untuk menarik Sarah pulang ke rumah apabila dia meninggalkan rumah untuk melarikan diri dari penderaan.

Pertengkaran lisan biasanya membawa kepada penderaan fizikal di mana suami Sarah akan menampar dan menendang dia sebelum menghentakkan kepalanya ke dinding; satu insiden sedemikian berlaku apabila dia memaklumkan akan rancangannya untuk mengahwini isteri kedua dan apabila Sarah menolak keputusannya. Suami Sarah menuntut seks darinya setiap hari, dan sering merogol Sarah. Dia juga menuduh Sarah mempunyai hubungan sulit dengan lelaki lain. Pada satu ketika, Sarah menjalani rawatan di sebuah hospital untuk kecederaan akibat daripada penderaannya. Doktor mengemukakan pilihan untuknya berpindah ke tempat perlindungan; namun Sarah membuat keputusan untuk tidak membuat sedemikian.

Sarah dihalang daripada bercakap kepada keluarganya dan dilarang oleh suaminya daripada mendapatkan bantuan melalui institusi-institusi agama. Penderaan sosial ini diikuti dengan penderaan psikologi dalam bentuk

ancaman dan penghinaan berlarutan. Sarah sayang akan anak-anaknya dan tidak bekerja dalam tempoh perkahwinan itu, namun suaminya tidak memberi wang untuk menanggung dirinya dan anak-anak. Tanpa keluarga atau sokongan kewangan, Sarah menjadi tertekan dan cuba membunuh diri lebih daripada sekali.

Sarah memfailkan dua belas laporan polis selama ini, tetapi tiada kertas siasatan yang dibuka; pihak polis hanya akan memanggil suaminya dan memberi amaran. Apabila Sarah kembali kepada balai polis untuk memfailkan laporan lagi, dia ditanya oleh pegawai polis, 'Mengapa anda masih mengandungi?' tetapi mereka tidak akan secara terus memahami bahawa wujudnya keganasan rumah tangga yang menjadi punca kepada perkara itu. Insiden terakhir yang mengubah hidup Sarah adalah apabila dia ditampar di khalayak ramai oleh suaminya dan ditengking, dan apabila dia mencuba untuk pergi, kekasih suaminya mengheret dia ke dalam kereta itu dan memaksa dia pulang dengan suaminya. Sarah serta merta meninggalkan suaminya dan kemudiannya mendapatkan pekerjaan. Majikannya merujuk dia kepada WAO.

Di WAO, seorang pekerja sosial membantu Sarah dalam memastikan tindakan sewajarnya diambil susulan laporan polis ketiga belas. Sarah berjaya mendapatkan bantuan JKM untuk mendapatkan IPO. Sarah bimbang tentang anak-anaknya yang masih tinggal bersama suaminya, dan pegawai JKM menemani Sarah ke rumahnya untuk berjumpa anak-anaknya. Pegawai menyatakan keadaan daif anak-anak tersebut, tetapi memaklumkan kepada Sarah dan pekerja sosialnya yang JKM tidak boleh mengambil sebarang tindakan atau mengeluarkan anak dari rumah, kerana tidak ada lebam atau kecederaan baru. Pegawai kemudiannya menasihatkan Sarah untuk menambahkan nama anaknya dalam IPO supaya Sarah boleh kemudian pergi kembali ke rumah dengan polis dan mendapat anak-anaknya. Pegawai JKM turut memberi amaran kepada suami Sarah untuk tidak menggunakan apa-apa bentuk keganasan terhadap Sarah jika suami tidak ingin diambil tindakan oleh polis.

WAO kemudiannya menemani Sarah ke JKM untuk menambah nama anak-anak dalam IPO; walau bagaimanapun, mereka diberitahu anak-anak tidak boleh ditambah dalam IPO kerana nama-nama mereka tidak dimasukkan dalam surat rujukan diberikan oleh pihak polis. Pegawai JKM menasihatkan Sarah untuk mengupah seorang peguam dan memohon hak penjagaan anak sementara daripada mahkamah.

WAO turut mengiringi Sarah ke tribunal perkahwinan di JPN. Semasa tribunal perkahwinan pertamanya, pegawai JPN menasihatkan Sarah untuk kembali ke suaminya untuk beberapa bulan, memberitahu Sarah yang 'dia perlu memiikirkan apa yang terbaik untuk anak-anaknya dan pergi dan tinggal di situ'.

Komen:

- Apabila Sarah pergi untuk mendapatkan rawatan perubatan, doktor memaklumkan kepada dia mengenai pilihan untuk berpindah ke tempat perlindungan.
- Sarah membuat pelbagai laporan polis selama ini tetapi pihak polis tidak mengambil tindakan serius mengenai keganasan rumah tangga, dan tidak ada kertas siasatan dibuka.
- Majikan Sarah merujuknya ke WAO, memberikan contoh potensi peranan yang boleh dimainkan oleh majikan dalam menyokong mangsa keganasan rumah tangga.
- Pegawai JKM menasihati Sarah bagaimana dia boleh mendapatkan perlindungan untuk anak-anaknya apabila ia menjadi jelas bahawa menambah nama mereka ke IPO tidak dapat dilakukan.
- Pegawai JPN menunjukkan sikap tidak peka kepada hakikat bahawa Sarah adalah seorang mangsa keganasan rumah tangga dalam menasihati Sarah untuk kembali kepada suaminya.

Kes 7 – KURANG PENDEKATAN HOLISTIK DI TEMPAT PERLINDUNGAN JKM

Suami Ayesha mula menderanya sebelum perkahwinan mereka, tetapi Ayesha fikir bahawa penderaan akan reda selepas perkahwinan mereka. Sebaliknya, dalam tahun pertama penderaan meningkat. Suaminya menderanya secara fizikal, psikologi, seksual, sosial dan kewangan setiap hari. Penderaan ini telah disaksikan oleh anak-anak mereka.

Suami Ayesha ialah seorang penagih dadah yang akan menyebabkannya tidak tidur dua hingga tiga malam ketika di bawah pengaruh. Dia memaksa Ayesha untuk berhenti kerja menyebabkan Ayesha tidak mempunyai sebarang simpanan, dan juga memegang kad pengenalnya.

Suami Ayesha dahulunya seorang Hindu dan bagi mengahwini Ayesha, bertukar menganut agama Islam. Bagaimanapun, dia akan memaksa Ayesha untuk beramalan Hindu dan menghalang dia dari bercampur dengan keluarganya supaya memutuskan hubungannya dengan orang Islam. Suami mengancam Ayesha dengan kecederaan fizikal sekiranya Ayesha tidak mematuhi hasratnya.

Suami Ayesha memaksa dia mendukung anak bongsu mereka sambil dia melakukan kerja rumah dan tidak membenarkan dia berehat pada waktu malam, menyebabkannya keletihan dan tekanan terhadap Ayesha. Suaminya akan merogolnya dan menderanya secara fizikal dengan objek termasuk kunci mangga, batang kayu dan penyapu. Selepas penderaan fizikal, suaminya akan mengurung dia dan anak-anak di dalam rumah supaya Ayesha tidak boleh meminta bantuan. Selama ini, Ayesha mengalami lebam, luka, dan paling teruk, kecederaan kepala disebabkan oleh serangan pisau.

.....

Ini menyebabkan dia bukan sahaja mengalami kecederaan fizikal, tetapi juga trauma psikologi.

Pada Hari Raya, walaupun Ayesha telah meminta izin suaminya untuk melawat ibunya, dia dalam keadaan marah, menjerit dan memukulnya, dan akhirnya mengancam untuk menikam Ayesha dengan pisau. Ayesha berjaya melarikan diri ke rumah ibunya dan membuat laporan polis terhadap suaminya. Dia meminta agar pihak polis mengeluarkan anak-anak dari rumah suaminya, tetapi apabila polis tiba, suaminya memegang anak perempuan mereka dan polis hanya berjaya mendapatkan dan membawa anak lelaki mereka.

Beberapa hari kemudian, suami Ayesha telah tiba di rumah ibunya dan mengarahkan dia kembali rumah dengannya. Bila Ayesha enggan, dia menarik dan mengheret Ayesha daripada rumah dan ke atas jalan konkrit, menyebabkan Ayesha mengalami kecederaan kepala. Dia masuk semula rumah ibu mertuanya dan muncul sekali lagi dengan sebilah pisau mengeluarkan lebih banyak ancaman bunuh. Pemerhati, jiran dan orang ramai berada di sekeliling menyaksikan kejadian itu tetapi tidak campur tangan untuk menghentikannya. Akhirnya, salah seorang daripada mereka menghubungi polis, dan kemudiannya suami Ayesha melarikan diri dari tempat kejadian.



***Jiran dan orang
ramai memainkan
peranan penting
dalam gerak
balas komuniti
terhadap KRT***

Ayesha membuat keputusan untuk mencari tempat perlindungan daripada JKM kerana dia merasakan suaminya akan kekal mencarinya jika dia meneruskan untuk tinggal dengan ahli-ahli keluarganya. Setelah tiba di tempat perlindungan JKM, dia diberitahu bahawa dia hanya boleh tinggal di sana untuk dua minggu. Kemudiannya dia dibenarkan untuk tinggal lebih lama, tetapi selepas dua bulan diberitahu bahawa dia harus berkemas dan berpindah segera, tanpa sebarang amaran atau maklumat. Ayesha kemudian dirujuk ke WAO oleh JKM.

Di WAO, Ayesha diberi penerangan mengenai proses perceraian mahkamah, bagaimana anaknya boleh diperolehi semula daripada suaminya dengan penglibatan JKM dan polis, dan apakah bantuan kewangan tersedia untuknya. Suami Ayesha memfailkan tindakan nusyuz terhadapnya di

.....

mahkamah Syariah, tetapi gagal untuk hadir bagi ketiga-tiga perbicaraan yang dijadualkan, dan oleh itu tindakan digugurkan. Ayesha memohon perceraian dengan bantuan seorang pekerja sosial WAO. Walau bagaimanapun, Ayesha menghadapi kesusahan dalam usaha untuk memperoleh perceraian, kerana dia perlu pergi ke Ipoh untuk membuat permohonan dan untuk perbicaraan, yang melibatkan kos yang dia tidak mampu. Kad pengenalan Ayesha masih disimpan oleh suaminya dan sementara kes itu belum selesai. Ini menghalangnya daripada memohon jawatan kosong, melumpuhkan dia daripada menyara keluarganya dan untuk berdikari. Walaupun keadaan kewangannya sebegini, JPN tidak membuat pengecualian untuk Ayesha dan memerlukan dia untuk membayar RM1,000 bagi kad pengenalan baru.

WAO juga membantu Ayesha mendaftar anak-anaknya di sekolah baru. Proses ini pada mulanya memerlukan dokumen dari Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk membenarkan pemindahan. Walau bagaimanapun, pegawai PPD sebaliknya meminta Ayesha untuk mendapatkan sepucuk surat daripada pesuruhjaya sumpah menyatakan bahawa dia dan suaminya telah bercerai dan yang dia mempunyai hak penjagaan anak-anaknya, serta sepucuk surat daripada WAO mengesahkan alamat rumah sementara dia di tempat perlindungan. Sekolah turut bekerjasama dalam mengecualikan bayaran untuk buku teks.

Komen:

- Suami Ayesha menggunakan agama sebagai satu lagi kaedah penindasan dan kawalan ke atasnya, tidak membenarkan dia secara bebas mengamalkan agamanya dan memutuskan hubungannya kepada keluarga dan mengasingkannya dari segi sosial.
- WAO menyediakan sokongan penting dengan membantu Ayesha untuk menceraikan suaminya, mendapatkan semula anak-anaknya, dan memindahkan mereka ke sebuah sekolah baru tanpa memerlukan kebenaran suaminya.
- Masa Ayesha di JKM tidak produktif. Dia ditawarkan bantuan kewangan dan membantu untuk mendapatkan semula anak-anaknya, tetapi kemudiannya tiada tindakan diambil. Selepas dua bulan, dia telah diberitahu tanpa apa-apa notis bahawa dia terpaksa dengan segera meninggalkan tempat perlindungan JKM. Satu hasil positif ialah dia dirujuk ke WAO. Ayesha tiba dan meninggalkan JKM dengan masalah sama, tiada bantuan praktikal disediakan sepanjang dia tinggal di sana.
- Tidak pengecualian atau bantuan kewangan disediakan untuk Ayesha oleh JPN apabila Ayesha pergi menggantikan kad pengenalannya, walaupun dia berdepan dengan keganasan rumah tangga dan menghadapi situasi kewangan yang teruk.

Kes 8 – KESUKARAN TAMBAHAN DIHADAPI OLEH PEMANDIRI WARGA ASING

Sofia adalah warganegara asing yang telah berkahwin dengan suaminya yang berwarganegara Malaysia selama sepuluh tahun. Mereka mempunyai empat orang anak. Sofia dirujuk ke WAO selepas insiden penderaan oleh suaminya. Sepanjang perkahwinan mereka Sofia mengalami penderaan fizikal, psikologi, dan kewangan, dan dia beberapa kali telah meninggalkan rumah untuk mencari perlindungan.

Suami Sofia enggan memperbaharui visa pasangannya, oleh itu Sofia telah tinggal di Malaysia selama lebih daripada empat tahun tanpa visa yang sah. Dia terpaksa kembali kepada suaminya berkali-kali kerana tanpa visa dia tidak dapat mencari pekerjaan dengan gaji yang baik dan tidak mempunyai cara untuk menyara anak-anaknya.

Sejak dua tahun yang lalu, Sofia telah keluar masuk beberapa tempat perlindungan. Dia cuba mengelakkan panggilan daripada suaminya, tetapi mahu untuk bercakap dengan anak-anaknya, yang berada di bawah jagaan ibu mertuanya. Sofia terus tinggal di WAO semasa mencari pekerjaan. Tidak lama kemudian, Sofia mendapat tawaran pekerjaan dan teruja bahawa dia dapat memperoleh gaji. Walau bagaimanapun, tidak lama kemudian, Sofia kembali ke WAO, kali ini dengan dua orang anaknya. Apabila dia dalam perjalanan ke tempat kerja baru, suami Sofia telah menghubunginya dan menyuruhnya pergi ke tempat lain untuk mengangkat anak-anak yang dua lagi. Sofia tidak mempunyai pilihan, tetapi apabila dia tiba, kedua-dua anak yang lebih tua enggan mengikutnya.

Dia kembali kepada WAO dengan dua orang anak kecilnya. Sofia gelisah dan susah hati yang mereka tidak boleh tinggal bersama, tetapi dia tahu adalah terbaik untuk anak-anaknya tinggal di WAO sementara dia menyelesaikan beberapa perkara seperti menyelesaikan isu visa dan mendapatkan sijil kelahiran untuk anak lelaki bongsunya. Suami Sofia enggan memohon sijil kelahiran untuk anak lelaki bongsu mereka kerana percaya bahawa anak itu bukan miliknya. Tanpa kehadiran fizikal atau kad pengenalan asal suaminya, anak lelaki mereka tidak akan dikategorikan sebagai warganegara Malaysia dalam sijil kelahirannya. Akibat keenganan suaminya untuk memperbaharui visa pasangan dan untuk memohon sijil kelahiran untuk anak lelaki mereka, Sofia terpaksa mengekalkan hubungan dengan suaminya.

Sofia terus bekerjasama dengan pekerja sosial WAOnya untuk memohon pinjaman yang mana boleh dia gunakan untuk membiayai bayaran visa dan menyelesaikan isu mengenai sijil kelahiran anaknya. Dia juga berusaha untuk mendapatkan anak-anaknya yang lebih tua dimasukkan semula dan didaftarkan ke sekolah. Sofia juga mendapat pekerjaan dan telah membuat rancangan dengan pekerja sosialnya untuk mendapatkan visa dan sijil kelahiran anaknya.

Komen:

- Sebagai isteri bukan warganegara kepada seorang warganegara Malaysia, Sofia bergantung sepenuhnya kepada suaminya untuk memperbaharui visanya dan selanjutnya untuk bekerja secara sah. Ini menjadikannya lebih sukar untuk melarikan diri dari keadaan keganasan.
- Keganasan rumah tangga turut menjejaskan anak lelaki Sofia yang tidak dapat diiktiraf sebagai rakyat Malaysia tanpa persetujuan suami Sofia.

Kes 9 – POLIS TIDAK MEMAKLUMKAN KEPADA PEMANDIRI TENTANG IPO

Bina dan suaminya telah berkahwin selama 16 tahun dan menjalankan perniagaan bersama-sama. Walau bagaimanapun, dalam tahun kedua perkahwinan mereka, suami Bina mula menderanya dari segi fizikal, psikologi, seksual, sosial dan kewangan.

Bina dan suaminya memiliki beberapa perniagaan bersama; namun kesemua perniagaan diletakkan di bawah nama Bina kerana hanya Bina mempunyai kelayakan sah. Selepas suaminya menjadi paranoia bahawa Bina sedang menjalankan hubungan sulit, suaminya memutuskan Bina dari semua penglibatan dalam perniagaan walaupun Bina merupakan pengurus bersama syarikat dan mendesak agar dia tinggal di rumah dan menjadi suri rumah. Suami Bina kemudiannya mengambil alih kawalan penuh perniagaan dan kewangan syarikat. Tanpa Bina, perniagaan makin merosot dan beban kerja semakin bertambah. Untuk membantunya, suami Bina telah mengajak rakan-rakannya untuk menguruskan dan mengawal kewangan perniagaan. Untuk berbuat demikian, dia telah memalsukan tandatangan Bina.

Selepas bertahun-tahun dibelenggu penderaan, Bina memfailkan tuntutan pembahagian harta perkahwinan mereka. Bina dirujuk WAO oleh peguamnya. Dia telah memfailkan beberapa laporan polis berkaitan dengan kejadian keganasan rumah tangga yang dilakukan oleh suaminya, tetapi dia tidak pernah dimaklumkan mengenai kewujudan IPO.

Semasa Bina berada di WAO, dia diiringi oleh seorang pekerja sosial ke mahkamah untuk menjadi pengantara dengan suaminya bagi pembahagian harta. Akhirnya, suaminya juga didakwa atas pemalsuan, dan Bina dapat hadir untuk temuduga kerja. Selepas beberapa bulan tinggal di WAO, Bina mampu untuk mencari sebuah apartmen untuk disewa dan mula tinggal seorang.

Komen:

- Apabila Bina membuat laporan polis, pihak polis tidak memaklumkan kepadanya tentang kewujudan IPO.
- Suami Bina memalsukan tandatangan Bina, satu perbuatan penderaan dari sudut kewangan.

Kes 10 – PENDERAAN SOSIAL DAN KEWANGAN KEPADA PEMANDIRI MEMBAWA KEPADA PENGASINGAN

Yasmin telah berkahwin dengan suaminya selama 12 tahun, dan pada tahun pertama perkahwinan, suaminya mendera Yasmin dalam bentuk penderaan fizikal, psikologi, kewangan, sosial, dan seksual. Keluarga Yasmin tidak bersetuju dengan perkahwinan itu, dan oleh itu mereka enggan bercakap dengan dia. Suami Yasmin adalah



seorang imigran yang tidak berdokumen yang tidak dapat menyediakan kewangan untuk keluarganya, kerana ketiadaan status sah untuk mendapatkan pekerjaan. Sebaliknya, dia mencuri wang daripada Yasmin menggunakan kad ATM Yasmin, dan mengganggu rakan-rakan dan keluarga Yasmin untuk pinjaman duit. Hasilnya, Yasmin dipulaukan dan terasing secara sosial, dan kehilangan sokongan kewangan dan emosi daripada keluarga dan rakan-rakannya.

Yasmin mengalami penderaan fizikal setiap minggu, yang menyebabkan kecederaan dan lebam, dan pada satu ketika, patah leher. Ledakan ganas suami Yasmin biasanya tercetus oleh alkohol, dan beliau sering akan menjadi ganas apabila mabuk. Walaupun Yasmin mahu bebas daripada penderaan suaminya, dia tidak mahu suaminya berdepan dengan masalah undang-undang. Maka dia tidak pernah membuat laporan polis.

Yasmin akhirnya mengambil keputusan untuk meninggalkan suaminya kerana suami tidak dapat berubah dan kerana kesan keganasan terhadap dirinya dan anak-anak mereka. Tanpa sebarang bantuan kewangan daripada keluarga, dan dengan suaminya yang kerap mencuri wang dari dia, Yasmin tidak mampu untuk membeli makanan. Seorang rakan merujuknya ke WAO, dan dari WAO dia menerima tempat tinggal, perlindungan sementara dan nasihat mengenai cara untuk mendapatkan bantuan kewangan. Pekerja sosial WAO juga membantu Yasmin memohon sijil kelahiran untuk anak bungsunya. Sebelum itu, Yasmin tidak membuat permohonan itu kerana suaminya, sebagai imegren tidak berdokumen, enggan. Anak Yasmin tidak boleh didaftarkan ke sekolah sebelum ini kerana tiada sijil kelahiran.

Selepas masanya di WAO, Yasmin dapat tinggal di satu rumah bersama dengan anak-anaknya. Yasmin teruja dengan kehidupan barunya yang bebas daripada suaminya yang ganas dan sedang mencari pekerjaan untuk menyara kehidupannya.

Komen:

- Banyak kes keganasan rumah tangga terjadi akibat pengasingan sosial ke atas pemandiri. Justeru itu, respon yang diberikan oleh agensi-agensi kerajaan dan NGO begitu penting dalam menyokong pemandiri.
- Sebelum datang ke WAO, Yasmin tidak mengetahui haknya untuk memohon IPO bagi mendapatkan perlindungan fizikal daripada suami yang ganas.
- Suami Yasmin adalah seorang imigran tanpa dokumen. Akibatnya, dia tidak mahu namanya diletakkan pada sijil kelahiran anaknya. Oleh itu, namanya tidak tersenarai pada sijil kelahiran anaknya. Ini berpotensi untuk memudaratkan masa depan anak itu.

Kes 11 – PENDERAAN KEWANGAN TERHADAP PEMANDIRI MEMAKSANYA MENYERAHKAN ANAK MENJADI ANAK ANGKAT

May adalah warga asing yang berkahwin dengan lelaki warga Malaysia. Sebulan selepas perkahwinan mereka, May dan suaminya berpindah ke Malaysia. Selepas ketibaan mereka, suami May menjadi penyara tunggal dan dia melarang May dari bekerja, menjadikannya bergantung sepenuhnya kepada suami.



Penyalahgunaan kewangan sering mengiringi bentuk keganasan rumah tangga lain. Ini boleh mengambil bentuk mengawal pendapatan atau perbelanjaan pemandiri, supaya pemandiri bergantung sepenuhnya kepada pendera; mencuri wang daripada pemandiri, atau mengambil hutang dalam nama pemandiri.

Seksaan fizikal bermula pada tahun kelima perkahwinan mereka, dan menjadi lebih kerap. Suami May tidak membenarkannya untuk tidur dan akan menderanya secara fizikal setiap minggu. Ini termasuk menampar, memukul, menarik rambut, menendang, dan memijaknya. Suami Mai juga akan memaksanya untuk bersetubuhan ketika dia berada di bawah pengaruh dadah. Jika May enggan, dia akan mencurahkan air panas ke atas May. Akhirnya, selepas empat tahun penderaan fizikal, lisan dan seksual berlaku, May meninggalkan rumah itu.

Kemuncaknya berlaku satu malam apabila suami May di bawah pengaruh. Dia mula menengkingnya dengan kata-kata kesat, memanggilnya 'pelacur' dan menuduhnya mempunyai hubungan sulit dengan lelaki lain. Ini menyebabkan dia cuba mendera May secara seksual tetapi May enggan dan menentang, menyebabkan suaminya memukul menendang, memijak

dan tarik rambutnya. Dia turut mengancam untuk menjual May. Keesokan harinya, May dan anak perempuannya pergi ke balai polis untuk membuat laporan. Polis merujuk dia ke Rumah Perlindungan WAO.

Suami May dapat mengawal May dengan menahan pasportnya. Oleh itu, May tidak tahu jika dia mempunyai visa pasangan atau tidak. Ini juga menghalang May daripada kembali ke negara asalnya. Selepas itu, suami May berhenti kerja, dan kerana kekangan kewangan mereka menyerahkan dua orang anak sebagai anak angkat. Pasangan yang telah mengambil anak-anak mereka tidak secara rasmi mengambil mereka – May telah memberikan mereka surat pengesahan.

May mahu berpisah daripada suaminya dan pulang ke negara asalnya, tetapi teragak-agak untuk memfailkan perceraian, kerana dia tahu akan mengambil masa yang lama. Dalam usaha membantu dia pulang, seorang pekerja sosial WAO menghubungi kedutaan negara asal May. Kedutaan itu memproses dokumennya, termasuk pasport serta tiket penerbangan. May dapat kembali ke negaranya dan bebas daripada penderanya. Dia pada mulanya enggan untuk kembali tanpa anak-anaknya kerana dia tidak percaya suaminya akan menjaga mereka dengan betul. Namun dia juga bimbang bahawa dia tidak akan dapat memberi bantuan kewangan kepada anak-anak apabila kembali ke negara asalnya. Dia akhirnya mengambil keputusan untuk meninggalkan anak-anaknya dengan keluarga angkat mereka dan kembali ke negara asalnya bersendirian selepas menyelesaikan proses pengambilan anak angkat melalui JKM dengan bantuan pekerja sosial WAO.

Komen:

- Seperti kebanyakan wanita warga asing yang dibelenggu keganasan rumah tangga oleh suami mereka di Malaysia, pengasingan sosial May turut menyumbang kepada keganasan rumah tangga yang dia alami dan membuatnya lebih sukar untuk mendapatkan bantuan.
- Suami May menahan pasport May menyebabkan May tidak pasti jika dia mempunyai visa pasangan, dan tidak dapat kembali ke negara asalnya, sehingga akhirnya mendapat bantuan daripada kedutaan.
- Akhirnya, disebabkan situasinya yang mana dia dilarang untuk bekerja dan terpaksa bergantung sepenuhnya kepada suami — dan kemudian apabila suami membuat keputusan untuk berhenti kerja — May terpaksa membuat keputusan yang sukar untuk memberi hak jagaan anak-anaknya kepada orang lain dan kembali ke negara asalnya dengan sendiri.

Kes 12 – PENCULIKAN OLEH BAPA DAN SUAMI; PASPORT DITAHAN

Semasa Diya kanak-kanak lagi, dia sudah didera secara fizikal dan psikologi oleh bapanya. Ini menyebabkan dia dan kakak-kakaknya meninggalkan

.....

rumah pada usia yang muda. Namun begitu, ibu Diya tidak terlepas daripada penderaan dan menjadi tergantung kepada alkohol. Diya dan kakak-kakaknya teruk terjejas ekoran penderaan ini, bukan sahaja secara fizikal, tetapi juga secara emosi. Diya kemurungan akibat itu, dan telah cuba membunuh diri.

Setelah Diya berkahwin, dia mengalami penderaan fizikal oleh suaminya. Diya dan suaminya menjalankan perkahwinan sah tetapi mengambil keputusan untuk tidak mengadakan upacara adat untuk menjimatkan wang. Walau bagaimanapun bapa Diya terus mendesak dan menggonggonya untuk mengadakan perkahwinan, Diya percaya niat terselindung adalah kerana ingin menerima hadiah dan wang daripada rakan-rakan dan keluarga. Ini menyebabkan Diya berpindah ke Singapura dalam usaha untuk mendapatkan wang bagi menanggung perkahwinannya. Di Singapura, Diya mendapati bahawa suaminya mempunyai hubungan sulit. Apabila dia kembali semula ke kampung halamannya, suami dan ayahnya menculiknya dan mengurungnya dalam rumah suaminya selama dua minggu. Bapanya sayang akan suaminya kerana dia selalu inginkan anak lelaki tetapi sebaliknya mempunyai anak-anak perempuan.

Diya akhirnya dapat melarikan diri melalui tingkap, membolehkannya untuk menghubungi kakaknya dari rumah jiran. Kakak Diya membawanya ke All Women's Action Society (AWAM), salah satu organisasi sekutu WAO, untuk perlindungan dan dia kemudian dirujuk ke WAO. Dia tiba di tempat perlindungan WAO tanpa passport atau kad pengenalan kerana ayahnya telah mengampil barang-barang peribadi beliau. Pekerja sosial di WAO menghubungi polis untuk membantu Diya mendapatkan semula pasportnya. Walau bagaimanapun, pegawai polis itu bukan sahaja tidak membantu, tetapi turut cuba untuk memujuk Diya untuk menarik balik kes itu. Walaupun dia telah memberikan kenyataannya kepada polis beberapa kali, pegawai penyiasat tidak mengambil sebarang tindakan dan menuduh pekerja sosial WAO menggonggonya. Diya kemudian cuba untuk mendapatkan bantuan daripada seorang pegawai imigresen untuk mendapatkan semula pasportnya, tetapi pegawai imigresen juga enggan membantunya.

Sementara itu, kebimbangan Diya semakin meningkat. Dia bimbang ayahnya mungkin mengekorinya, dengan bantuan bapa saudaranya, yang merupakan seorang polis. Tambahan pula, syarikatnya di Singapura telah membuat laporan polis terhadap dia kerana kegagalannya untuk hadir kerja dan bahawa mereka tidak dapat menghubunginya. Laporan ini menyebabkan Diya dihalang daripada memasuki Singapura. Nasib baik, salah faham ini telah diperbetulkan oleh pekerja sosial WAO Diya, yang menulis surat bagi pihak Diya yang menjelaskan keadaan dan mengesahkan bahawa Diya telah meminta bantuan daripada WAO.

Akhirnya, Diya membuat keputusan untuk membuat laporan polis terhadap bapanya. Sejak itu, Diya telahpun bekerja dan masih cuba mendapatkan penceraian dari suaminya.

Komen:

- Kes ini menggambarkan potensi keganasan rumah tangga menjadi satu kitaran yang berterusan, di mana anak-anak yang mengalami atau menyaksikan penderaan boleh membesar dan memasuki hubungan yang ganas. Ia juga menunjukkan kecenderungan jantina yang wujud dan struktur keluarga lelaki lebih dominant yang membuat wanita lebih terdedah kepada keganasan rumah tangga.
- Diya berdepan dengan banyak rintangan apabila cuba untuk mendapatkan semula pasportnya. Pihak berkuasa yang dihubungi enggan bekerjasama dan tidak membantu, tidak menggalakkan dia untuk mendapatkan pasportnya.
- Diya takut untuk membuat laporan polis dan melibatkan polis kerana anggap bapa saudaranya pegawai polis yang berpengaruh dan mungkin akan menyalahgunakan kuasa.

Kes 13 – MAKLUMAT SALAH MENGENAI KUASA POLIS MENYIASAT PENDERAAN PSIKOLOGI; PEMINDAHAN SEKOLAH TANPA PENGETAHUAN PEMANDIRI

Selama 18 tahun Crystal berdepan dengan penderaan psikologi, fizikal dan seksual di tangan suaminya. Penderaan bermula sejurus selepas anak pertama mereka dilahirkan dan bertambah buruk setiap masa. Mereka mempunyai empat orang anak. Crystal telah mengalami banyak kecederaan fizikal seperti lebam, sakit otot, dan bahagian badan yang bengkak. Ini adalah hasil daripada kelakuan ganas suaminya, dicetuskan oleh sifat cemburu dan ledakan penderaan psikologi. Kadangkala, suami akan mengancam untuk membunuhnya dengan sebilah pisau.



Pemindahan sekolah anak-anak ke kawasan baru adalah antara cabaran utama pemandiri selepas waktu krisis. Anak-anak sering tidak dapat hadir ke sekolah buat sementara waktu kerana proses pemindahan sekolah dalam kes keganasan rumah tangga tidak seragam. Ini adalah antara kesan buruk keganasan rumah tangga terhadap kanak-kanak.

Suami Crystal tidak membenarkan dia mempunyai rakan-rakan, terutamanya lelaki. Kemarahan dan ancaman suaminya akan mencetuskan dan memburukkan kemurungan Crystal. Selepas satu kejadian sebegini, Crystal meninggalkan rumah dan pergi ke Rumah Perlindungan WAO.

Apabila pekerja sosial menemani Crystal bertemu IO di balai polis untuk meneruskan siasatan terhadap dakwaan keganasan rumah tangga dan juga mendapatkan rujukan untuk IPO, IO telah memberitahu Crystal dan pekerja sosial bahawa tiada seksyen di bawah Kanun Keseksaan yang membolehkan polis untuk menyiasat penderaan psikologi.

Crystal membuat keputusan untuk berpisah dengan suaminya dan memfailkan perceraian. Diiringi oleh pekerja sosial daripada WAO, dia memfailkan permohonan untuk prosiding tribunal perkahwinan, menuntut hak penjagaan sementara empat anak-anaknya. Sementara itu, anak-anak Crystal masih mengalami penderaan di tangan suaminya. Anak sulung lelaki mereka telah dihalau keluar dari rumah dan tiga anak-anak tidak menghadiri sekolah sejak Crystal meninggalkan rumah.

Pada masa ini, Crystal pergi bertanya mengenai kehadiran sekolah anak-anaknya. Pemandu bas sekolah memaklumkan bahawa mereka tidak pergi ke sekolah sejak Oktober. Oleh itu, Crystal dan pekerja sosial WAO pergi ke sekolah dan bertemu dengan Timbalan Guru Besar dan mendapati bahawa suaminya telah memindahkan anaknya ke sekolah yang lain beberapa minggu sebelum itu. Mereka juga mendapati bahawa anak lelakinya tidak pergi ke sekolah untuk beberapa minggu sebelum pemindahan sekolah. Walaupun anak Crystal telah belajar di sebuah sekolah aliran Tamil, bapanya telah memindahkan dia ke sekolah medium BM.

Komen:

- Seperti kebanyakan pemandiri keganasan rumah tangga, Crystal diasingkan dari segi sosial dan tidak mempunyai rangkaian sokongan yang kukuh.
- Setelah mengetahui bahawa anaknya telah dipindahkan sekolah, Crystal mempersoalkan Timbalan Guru Besar tentang bagaimana mereka boleh memindahkan sekolah anak-anaknya tanpa memaklumkan atau meminta kebenarannya, kerana dia yang sentiasa mengambil anak-anak ke sekolah dan mengendalikan urusan pentadbiran sekolah. Timbalan Guru Besar memaklumkan kepada Crystal bahawa bapa mempunyai hak utama untuk memindahkan sekolah anak-anak, dan jika ibu memindahkan kanak-kanak tanpa pengetahuan suami, suami boleh menyaman sekolah kemudian. Hanya dalam kes-kes di mana ibu mempunyai hak penjagaan, dia boleh melengkapkan pemindahan sekolah secara unilateral, walaupun di mana terdapat bukti ibu mengalami keganasan rumah tangga.
- IO kurang arif mengenai AKRT dan memberikan Crystal maklumat yang tidak tepat dalam hal membuka kertas siasatan berdasarkan penderaan psikologi. AKRT menetapkan bahawa polis harus membuka kes dan merujuk klien untuk mendapatkan laporan perubatan supaya dia boleh mendapatkan IPO.

KAJIAN KES OLEH ROSE VIRGINE GOOD SHEPHERD (IPOH), PUSAT KEBAJIKAN GOOD SHEPHERD

Kes 14 – PELARIAN DAN PENCARI SUKA LEBIH TERDEDAH MENJADI MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA

Pada 2016, Catherine, yang merupakan pencari suka di Malaysia, datang ke NGO Good Shepherd untuk perlindungan selepas dia didera oleh suaminya. Selepas meluangkan masa di Good Shepherd, Catherine mampu mendapatkan pekerjaan dan menyokong dirinya dan anaknya. Walau bagaimanapun, disebabkan kepercayaan tradisional komunitinya bahawa wanita perlu setia kepada suami, komuniti tersebut memaklumkan suami Catherine tentang lokasi baru Catherine.

Suami Catherine berjaya mengesan dan melakukan jenayah seksual ke atasnya, dan kemudian mengambil alih bilik yang Catherine diami. Dia menjadikan anak mereka sebagai tebusan dan memaksa Catherine keluar bekerja supaya dia dapat bergantung pada pendapatan Catherine. Akhirnya dia terpaksa meninggalkan suaminya apabila penderaan bertambah teruk, tetapi dia tidak dapat mengambil anak bersamanya. Disebabkan pengalaman lampau Catherine yang pernah diganggu oleh pegawai penguatkuasa, Catherine hilang kepercayaan terhadap sistem keselamatan negara dan enggan membuat laporan polis terhadap suaminya.

Komen:

- Ramai wanita yang merupakan pelarian atau pencari suka mencari perlindungan dari pergolakan di negara asal mereka.
- Seperti dalam kes Catherine, kebanyakan daripada wanita ini bertahan dengan keganasan rumah tangga buat sekian lama sebelum mereka membuat keputusan untuk meninggalkan situasi itu, kerana mereka bersendirian di Malaysia dan tidak mempunyai perlindungan atau sokongan daripada keluarga. Situasi ini diburukkan lagi oleh pergantungan kewangan kepada pelaku keganasan, dan juga akibat daripada kekurangan kemahiran untuk mendapat pekerjaan atau ketiadaan status sah bekerja.
- Hak untuk bekerja tidak diiktirafkan untuk pelarian. Ini memaksa mereka untuk mengerah keringat secara tidak rasmi sekali gus membuat mereka lebih terdedah kepada penderaan oleh majikan, dan tambahan pula untuk pelarian wanita, lebih senang terperangkap dengan penderaan oleh suami atau pasangan mereka.

Kes 15 – KEGANASAN RUMAH TANGGA ANTARA ADIK-BERADIK

Cindy, seorang gadis berusia empat belas tahun dipaksa oleh kakaknya untuk bekerja di rumah kakaknya. Kakaknya telah berkahwin dengan seorang lelaki warga Malaysia dan mempunyai visa pasangan asing. Cindy menjadi anak yatim pada usia muda dan telah dibawa masuk ke Malaysia oleh kakaknya. Apabila pasport Cindy tamat, kakaknya tidak memperbaharui pasport, menyebabkan Cindy tidak mempunyai dokumen. Cindy dipaksa bekerja di dalam rumah dan didera secara fizikal dan secara lisan oleh kakaknya.



Individu yang memasuki Malaysia dengan dokumentasi sah boleh kemudiannya boleh hilang status dokumentasi sah, dan seterusnya lebih mudah terdedah kepada keganasan rumah tangga.

Cindy akhirnya berjaya melarikan diri dan meminta bantuan daripada Agensi Pelarian PBB (UNHCR), yang merujuk Cindy kepada Good Shepherd. Cindy enggan membuat laporan polis dan kini sedang menjalani kaunseling. Dia takut akan kakaknya dan pasangan kakaknya, dan tidak mahu bersuara menentang mereka. Sementara itu, Good Shepherd bekerjasama dengan UNHCR untuk mendaftar Cindy sebagai pelarian dan untuk mencari penyelesaian jangka panjang untuknya.

Komen:

- Seperti yang digambarkan dalam kes Cindy, walaupun seseorang individu memasuki Malaysia dengan dokumen yang sah, seseorang itu boleh kemudian menjadi pendatang tanpa dokumen sah dan oleh itu terdedah kepada beberapa bentuk penderaan.
- Dalam kes ini, Cindy didera secara fizikal dan secara lisan oleh kakaknya. Ini meletakkan Cindy di bawah perlindungan AKRT jika dia ingin mengambil tindakan terhadap kakaknya kerana AKRT merangkumi penderaan oleh ahli keluarga.

KAJIAN KES OLEH WOMEN'S CENTRE FOR CHANGE (WCC) PULAU PINANG

KES 16 – KEGANASAN RUMAH TANGGA TIDAK DIIKTIRAF SEBAGAI SATU JENAYAH, TETAPI DIANGGAP HAL RUMAH TANGGA

Walaupun mengalami penderaan fizikal dan lisan semasa bercinta, J tetap meneruskan hubungan itu dan berkahwin dengan pasangannya. Penderaan berterusan semasa perkahwinan. Pada suatu hari, J dicekik dan ditolak oleh suaminya selepas pertengkaran berkaitan dengan hal keibubapaan. Dia mengalami lebam akibat itu. J datang untuk mendapatkan bantuan daripada WCC. Dia diberi kounseling dan juga dirujuk kepada Pusat Sehentil Krisis (OSCC) di hospital tempatan untuk mendapatkan bantuan perubatan. Selepas membuat keputusan untuk meninggalkan perkahwinan itu, J pergi membuat laporan polis.

Pegawai penyiasat (IO) keberatan menyiasat kes itu dan enggan mengeluarkan surat untuk IPO. Keesokan harinya suami J dipanggil ke balai polis untuk memberi kenyataan. Suami J memberi versinya dalam kejadian tersebut. Selepas mendengar suami J, IO kemudian memberitahu J bahawa ia adalah "hal rumah tangga" dan oleh itu tidak boleh dianggap sebagai kejadian keganasan rumah tangga. IO memberitahu J dia perlu adil dan mendengar cerita kedua-dua belah pihak. Dia menasihatkan J untuk taat pada suaminya kerana J turut bersalah.

Pekerja sosial WCC membincangkan pelbagai pilihan dengan J, salah satu daripadanya untuk menulis surat untuk menentukan status kes tersebut. Walau bagaimanapun J terlalu takut dan oleh itu dia memilih untuk membiarkan perkara berikut. Pekerja sosial WCC mencadangkan J menyimpan nombor IO dan menelefon IO jika suaminya berkelakuan ganas sekali lagi pada masa akan datang.

Komen:

- IO tidak mengambil aduan keganasan rumah tangga dengan serius.
- IO berpihak kepada suami, dan bersifat menghukum.
- Sikap IO menggambarkan ketakutan pelapor tidak diambil kira, dan hak pemandiri untuk mendapatkan perlindungan di bawah undang-undang (pengeluaran IPO) diabaikan.

Kes 17 – IO TIDAK MEMBERIKAN MAKLUMAT TERKINI KEPADA PEMANDIRI TENTANG PROGRES KES

Selepas berkahwin selama dua tahun, ibu mertua L mendesak L dan suaminya berpindah ke rumah keluarga. L tidak lama kemudian mendapati di rumah keluarga, dia tidak dapat meluangkan masa bersendirian dengan suaminya dan suaminya menghabiskan banyak masa di luar rumah. Kemudian, L mendapat tahu bahawa suaminya mempunyai hubungan sulit dengan wanita lain. Suami mula mendera L secara fizikal dan emosi. Penderaan (menampar, menendang, penggunaan bahasa yang kasar contohnya "pergi mati") berterusan walaupun L sedang mengandung. L terlintas untuk membunuh diri disebabkan penderaan tersebut dan hubungan sulit suaminya yang masih berterusan. L memfailkan dua laporan polis dalam tempoh tiga tahun.

Pekerja sosial WCC menghubungi pegawai penyiasat (IO) untuk maklumat terkini mengenai dua laporan tersebut dan dimaklumkan bahawa suami telah didakwa di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan waran tangkap telah dikeluarkan untuk suami. Walaupun beberapa kali menghubungi pihak IO untuk maklumat dan status terkini kes, L tidak menerima apa-apa maklumat lanjutan mengenai kes itu. Kira-kira sebulan kemudian, L menghubungi IO sekali lagi, dan telah dimaklumkan bahawa IO tidak menangkap suaminya kerana dia bakal berkahwin dengan wanita yang mempunyai hubungan sulit dengannya. Suami L turut menghubungi L mengatakan bahawa dia akan menceraikannya dan memberi nafkah untuk anak mereka dengan syarat dia menarik balik tuduhan terhadapnya.

WCC kemudian meminta bantuan daripada seorang peguam pemerhati (Watching Brief Lawyer) untuk L. Peguam itu sangat sudi membantu dan menghubungi IO. Tidak lama selepas itu, L dimaklumkan bahawa suaminya akan didakwa mengikut Seksyen 326A ("Hukuman kerana menyebabkan kecederaan oleh pasangan") Kanun Keseksaan yang akhirnya berjaya dibuktikan terhadap suami.

Komen:

- IO sukar dihubungi dan klien merasakan bahawa IO tidak membantunya untuk mendapatkan keadilan atau perlindungan.
- Tambahan pula IO tidak mematuhi tanggungjawabnya memaklumkan kepada pengadu status kes mereka. Mengikut seksyen 107A Kanun Tatacara Jenayah, pegawai bertanggungjawab perlu memberi laporan status siasatan dalam tempoh dua minggu.
- Peguam pemerhati dapat menjalinkan hubungan baik dengan IO dan mendapatkan maklumat terkini tentang kes.

Kes 18 – IO TIDAK TAHU PROSEDUR PERMOHONAN PO DAN SALAH MEMOHON IPO

G dan suaminya telah berkahwin selama lapan tahun. Mereka mempunyai tiga orang anak. Suami G mula menderanya secara fizikal sebulan selepas berkahwin. G membuat sembilan laporan polis tetapi menarik balik kesemuanya. Penderaan ini berterusan sekali dua kali setiap bulan. G pernah dikurung di dalam rumah selama tujuh hari. G teragak-agak untuk meminta cerai daripada suaminya kerana memikirkan kesejahteraan anak-anaknya.

G akhirnya membuat keputusan untuk melaporkan suaminya apabila dia mula takut akan keselamatan anak-anaknya. G dirujuk kepada WCC oleh Pusat Krisis Sehenti (OSCC) di hospital selepas memutuskan untuk membuat laporan polis terbaru. Pegawai penyiasat (IO) menangkap pelaku sejurus selepas G membuat laporan polis. Pelaku kemudian didakwa di mahkamah.

Pegawai Advokasi WCC menerangkan perintah perlindungan (PO) untuk G (kerana suami telah didakwa). G pergi ke IO untuk mendapatkan PO bagi dirinya dan tiga anaknya kerana dia bimbang akan keselamatan mereka sejak suaminya diikat jamin. Namun IO berkata dia tidak biasa dengan permohonan PO. Pekerja sosial WCC meminta IO merujuk kepada Garis Panduan.

IO kemudiannya berkata dia tidak boleh memohon PO tanpa satu kebenaran bertulis dari mangsa. G memberi persetujuan bertulisnya, menyatakan hasratnya untuk memohon PO bagi dirinya dan anak-anaknya. IO meneruskan dengan permohonan tetapi tersilap memohon IPO dan bukannya PO. IO keberatan untuk mengemukakan permohonan lain tetapi berbuat demikian akhirnya.

Tidak lama kemudian, G terlibat dalam satu kemalangan. Dia telah ditolak jatuh daripada motosikalnya, dari belakang, dan mengalami kecederaan parah. Dia mengesyaki suaminya terlibat dalam insiden itu. Pekerja sosial WCC memaklumkan IO tentang kemalangan itu dan memintanya untuk mempercepatkan permohonan PO. IO menegas untuk G mengambil PO tersebut sendiri dengannya walaupun dia masih berada dalam kesakitan dan dalam proses pemulihan daripada kecederaannya.

Komen:

- IO membuat tangkapan dengan cepat.
- Pelaku didakwa dengan cepat.
- IO tidak jelas tentang perbezaan antara IPO dan PO. Dia akhirnya memohon untuk perlindungan yang salah untuk pemandiri.
- Pegawai tidak sensitif kepada kecederaan klien dan mendesak dia mengambil PO sendiri tanpa mengambil kira kecederaan yang telah dialaminya.

KES 19 – PENANGGUHAN KES MAHKAMAH KRT MENGAKIBATKAN KEADILAN TERTANGGUH UNTUK PEMANDIRI

S telah berkahwin dengan suaminya selama 14 tahun sebelum bercerai. S diberikan hak penjagaan tunggal anak-anaknya dan suaminya diarahkan untuk membayar nafkah untuk anak-anak tetapi tidak membuat apa-apa bayaran sejak perceraian. Selepas perceraian itu S membenarkan suaminya untuk tinggal di rumah selama tiga tahun sebelum meminta dia keluar.

Penangguhan kes-kes mahkamah boleh menyebabkan pemandiri diletakkan dalam risiko penderaan lanjut, dan menghalang pemandiri mendapatkan penutupan yang perlu untuk bergerak ke hadapan dengan kehidupan.



Pada satu ketika apabila bekas suami masih di rumah tersebut, dia pulang dalam keadaan mabuk dengan lima lelaki lain. S berada di ruang tamu dan bekas suaminya mengeluarkan pisau dan memaksa S melakukan hubungan seks dengannya. Dia memukul S di kepala dan muka dan menolaknya jatuh ke kerusi. Dia turut mengugut untuk membunuhnya jika dia tidak mengadakan hubungan seks. S berjaya melarikan diri dan menghubungi polis. Dia mendapatkan pemeriksaan perubatan dan membuat laporan di balai polis.

Bekas suaminya didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan. Malangnya perbicaraan tidak bermula disebabkan beberapa penangguhan sebahagian besarnya disebabkan oleh pelbagai alasan daripada peguam pembelaan. Akhirnya selepas penangguhan yang kesebelas, perbicaraan bermula, dua setengah tahun selepas bekas suami S didakwa.

Disebabkan kekecewaan S dengan penangguhan dan kerana dia merasakan bahawa Timbalan Pendakwa Raya sukar didekati, WCC mendapatkan bantuan dari peguam pemerhati bagi pihak S. Kes ini masih berterusan.

Komen:

- Penangguhan dalam kes mahkamah kadang-kadang tidak dapat dielakkan. Namun dalam kes ini, penangguhan hingga sebelas kali menunjukkan pengabaian tugas oleh mereka yang terlibat dalam proses.
- Ini bukan sahaja memberi tekanan kepada pemandiri tetapi juga meletakkan dia dalam risiko kerana dia tidak mempunyai perlindungan undang-undang daripada bekas suami yang diikat jamin.

Kes 20 – PENYEDIA PERKHIDMATAN KELIRU AKAN PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB MEREKA DI BAWAH AKRT

Z telah berkahwin selama dua tahun, mempunyai dua orang anak dan tinggal bersama keluarga suaminya di rumah keluarga yang mempunyai lebih daripada 10 ahli keluarga. Z adalah mangsa keganasan rumah tangga. Dia dipukul oleh suami dan kakak iparnya beberapa kali. Dia sering direndahkan oleh mertua kerana mempunyai pendapat yang berbeza tentang mana-mana perkara. Z terasa dihina oleh situasi tersebut dan meninggalkan rumah keluarga.

Z meminta bantuan daripada WCC yang menasihatkannya untuk membuat laporan polis dan mendapatkan IPO bagi melindungi diri dan dua anaknya (yang dia kemudiannya bawa keluar dari rumah) daripada terus didera. Namun apabila dia membuat laporannya, IO enggan memberikan surat rujukan bagi permohonan IPO. Sebaliknya, dia menegaskan bahawa memandangkan Z mahu meninggalkan suaminya, IO hanya akan membantu Z dengan permohonan perceraian. Apabila Z meminta bantuan daripada pegawai kebajikan, dia diberitahu untuk berbaik semula dengan suami. Akhirnya dengan intervensi WCC bagi pihak Z, IO mengeluarkan surat rujukan untuk IPO kepada Z.

Komen:

- Kedua-dua IO dan pegawai kebajikan tidak mengikut peranan mereka sepertimana termaktub dalam Garis Panduan untuk menangani kes-kes keganasan rumah tangga.
- IO dan pegawai kebajikan tidak memahami bahawa keganasan rumah tangga satu kesalahan jenayah.
- Pilihan perceraian atau perdamaian yang diberikan tidak mengambil kira jenayah keganasan rumah tangga mahupun isu keselamatan klien.
- Klien akhirnya menjadi keliru dan bingung apabila cuba mendapatkan bantuan dan perlindungan daripada penderaan.

Kes 21 – PEMANDIRI TERPERANGKAP DALAM KITARAN PENDERAAN DAN MENARIK BALIK ADUAN KRT

Walaupun telah mengalami penderaan semasa berpacaran, C tetap berkahwin dengan suaminya. Keganasan rumah tangga berterusan selepas perkahwinan. Dalam tempoh dua tahun, C membuat dua laporan polis terhadap suaminya. Dia telah mendapatkan rawatan di Pusat Sehenti Krisis di hospital tempatan.

Pegawai penyiasat (IO) cepat untuk bertindak balas dan suami C ditangkap dan dibebaskan dengan jaminan selepas didakwa di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan. Pekerja sosial WCC berjaya mendapatkan IO untuk mengeluarkan surat rujukan untuk memohon PO untuk C. C memperoleh PO melalui bantuan seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Walaupun kes disebut beberapa kali di mahkamah, suami C berjaya memujuk C untuk menarik balik aduannya dan bersetuju untuk memfailkan perceraian sebaliknya. Suami akhirnya dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) kerana C meminta aduannya ditarik balik.

Komen:

- Pengeluaran aduan harus dilihat dalam konteks kitaran keganasan yang dilalui oleh ramai mangsa keganasan rumah tangga.
- Mereka yang bekerja dengan mangsa-mangsa keganasan rumah tangga mesti sedar bahawa walaupun sesetengah mangsa akan menarik balik laporan mereka, bukan semua akan berbuat sedemikian. Maka piawaian penyiasatan harus sentiasa dikekalkan.
- Keselamatan mangsa-mangsa keganasan rumah tangga adalah yang paling utama dan perintah perlindungan (PO) harus dibuat sebaik sahaja pelaku didakwa. PO masih boleh dikeluarkan apabila satu kes disatukan di bawah Seksyen 260 Kanun Tatacara Jenayah (rujuk Seksyen 13(b) AKRT).

PENGALAMAN TINA

Perspektif 360-darjah Keganasan Rumah Tangga



Ilustrasi Tina dicipta oleh Chan Wen Li

PANDUAN UNTUK MENGGUNAKAN PENGALAMAN TINA

Seperti yang dibincangkan dalam Pengenalan laporan ini, "Pengalaman Tina" adalah naratif fiksi dicipta daripada himpunan pengalaman pelbagai pemandiri dan tidak mewakili pengalaman mana-mana wanita tertentu.

Kajian kes dan statistik adalah sangat penting untuk menggambarkan realiti yang dihadapi oleh pemandiri keganasan rumah tangga secara objektif. Melalui Pengalaman Tina, kita dapat lebih memahami pemikiran, motivasi, dan pengalaman subjektif mangsa – ini akan menambahkan persefahaman kita kepada persoalan seperti: mengapa pemandiri kekal berada dalam situasi penderaan untuk tempoh masa yang panjang? Bagaimana mereka akhirnya mengorak langkah untuk meninggalkan situasi keganasan? Serta, apakah perasaan mereka semasa proses mengakses perkhidmatan sokongan dan sistem keadilan?

Pengalaman Tina menggambarkan situasi di mana masyarakat berjaya mengambil tindakan terhadap keganasan rumah tangga, dengan menempatkan pemandiri sebagai fokus utama. Pengalaman Tina boleh digunakan sebagai bahan latihan untuk semua pihak yang berperanan dalam mengendalikan kes-kes keganasan rumah tangga. Kami berharap dengan membaca Pengalaman Tina melalui perspektif Tina, dan juga melalui perspektif mereka yang membantu Tina sepanjang proses mencari sokongan dan keadilan, pembaca juga akan didedahkan kepada satu kaedah baru untuk belajar mengapa keganasan rumah tangga begitu serius dan mengapa respon masyarakat yang sistematik begitu kritikal. Untuk memudahkan pembelajaran, *Soalan-soalan Untuk Perbincangan* dan *Panduan untuk Perbincangan* turut disertakan selepas naratif ini.

Untuk menggunakan Pengalaman Tina sebagai latihan: para peserta perlu diagihkan kepada tujuh orang sekumpulan, dengan setiap peserta diberikan peranan seorang watak (Tina, doktor, para-kaunselor WAO, pekerja sosial WAO, IO, Pegawai Kebajikan atau TPR). Setiap peserta perlu membaca keseluruhan naratif, dan dalam masa yang sama memikul perspektif watak yang anda ambil peranan.

Sebaik sahaja peserta telah membaca naratif, mereka boleh membincangkan soalan-soalan yang disertakan selepas naratif tersebut.

PENGALAMAN TINA

Tina

Saya merupakan ibu kepada seorang anak dalam perkahwinan yang bahagia. Saya dilahirkan di Kuala Lumpur dan tinggal di sini sepanjang hidup saya. Saya menamatkan pengajian universiti dan mula bekerja sepenuh masa tidak lama selepas itu. Ketika itulah saya bertemu dengan si dia. Dia sangat menawan dan melayan saya dengan begitu manis, lebih daripada mana-mana lelaki yang pernah saya temui. Kami jatuh cinta, berkahwin, dan mempunyai seorang bayi perempuan. Saya memberitahunya bahawa saya mahu terus bekerja dan menyara keluarga, tetapi dia menegaskan untuk saya berhenti kerja dan sebaliknya mengambil kerja sambilan sahaja. Dia memberitahu saya untuk melakukannya demi anak kami, walaupun saya tahu adalah tidak mustahil untuk kami berdua bekerja sepenuh masa dan mengupah pengasuh untuk menjaga anak perempuan kami. Tetapi saya sayangkannya dan keluarga kami yang semakin berkembang, jadi saya akur dan bekerja secara sambilan di tempat lain.

Saya mula memasak, mencuci, dan melakukan kebanyakan daripada kerja-kerja rumah tangga. Dia berbesar hati pada mulanya, tetapi tidak lama kemudian dia mula menegur setiap kesilapan remeh-temeh yang saya lakukan seperti pinggan mangkuk yang dicuci tidak betul-betul bersih, atau hidangan makan malam kami sedikit hangus. Dia memberitahu saya bahawa saya bukan seorang tukang masak yang baik dan, bukan pasangan yang baik. Amat menyakitkan apabila dia memberitahu saya bahawa saya juga bukan seorang ibu yang baik. Walaupun begitu saya percaya kata-kata itu, dan saya mula hilang harga diri saya.

Dia memberitahu saya bahawa isteri baik akan melakukan segala-galanya untuk memuaskan suaminya, termasuk melakukan sesuatu yang isteri tidak mahu. Setiap kali saya menolak, dia tetap melakukannya juga. Saya pernah membaca dalam akhbar bahawa ini dipanggil rogol dalam perkahwinan, namun tidak terlintas di fikiran saya bahawa suami saya ialah orang sebegitu.

Hubungan kami benar-benar seperti retak menanti belah selepas dia hilang kerja. Sekarang dia menghabiskan kesemua masanya di rumah, tetapi dia tidak pula membantu melakukan apa-apa kerja rumah. Dia sentiasa dalam keadaan marah; kehidupan seharian kami dalam suasana yang sangat negatif. Pada mulanya, dia hanya pukul saya di pergelangan tangan, tetapi ini kemudiannya bertukar menjadi pukulan di kepala. Satu insiden yang paling teruk adalah apabila kami bergaduh dan dalam kemarahan, dia menolak saya jatuh dari tangga. Saya bimbang bahawa tangan saya telah patah dan mengambil teksi ke hospital dengan segera. Syukurlah doktor tidak mendapati apa-apa yang luar biasa (dan saya tidak mahu beritahunya bahawa saya ditolak suami). Saya pulang ke rumah dan mendapati suami saya, dengan

.....

penuh kesal, memegang sejambak bunga. Ini tindakan yang paling manis dia pernah lakukan sejak kami berkahwin, dan saya gembira untuk kembali ke kehidupan gembira kami seperti dahulu. Segala pengalaman yang teruk telah saya buang jauh-jauh di belakang.

Namun, kegembiraan ini sebentar sahaja, dan panas barannya kembali. Saya bimbang dia akan kembali kepada cara ganasnya, jadi saya menghubungi kakak saya dan meminta nasihat. Kakak mendengar dengan penuh tekun semasa saya meluahkan pengalaman saya - bagaimana suami melayan saya, apa yang saya rasa. Kakak menawarkan segala perhatian dan sokongan yang dia mampu, tetapi dia tahu bahawa itu sahaja yang dia boleh beri. "Setiap pasangan akan melalui suka duka," dia cuba mengingatkan saya. Saya tahu bahawa kakak saya sentiasa meletakkan kebajikan saya sebagai kepentingan utama, jadi saya percaya dan cuba untuk kekal kuat walaupun bimbang dengan panas baran suami saya. Saya terfikir untuk menghubungi ibu saya juga, tetapi saya tidak mahu membebarkannya. Dia tahu bahawa suami saya datang dari keluarga yang baik, dan saya tidak mahu dia menanggung malu daripada kegagalan perkahwinan anaknya. Selain itu, apa yang boleh dia lakukan? Saya membuat keputusan untuk kekal kuat bukan sahaja untuk anak perempuan saya, tetapi untuk kakak dan ibu saya juga.

Kekuatan saya telah diuji suatu petang selepas saya tiba lewat di rumah dari kerja. Suami bertanya mengapa saya tidak pulang ke rumah tepat pada masanya. Saya memberitahu dia yang saya terpaksa kerja lebih masa, tetapi tidak kira berapa kali saya menjelaskan kepadanya, dia tetap tidak percaya. Dia asyik menegaskan bahawa saya telah pergi untuk berjumpa kawan lama saya dari universiti. Tetapi, saya membalas, bagaimana saya boleh berbuat sedemikian sedangkan dia tidak pernah membenarkan saya bertemu rakan saya dari awal lagi. Pertengkaran ini berterusan - dia menuduh, saya berselindung, sehingga dia memecahkan botol bir kosong dia dan meletakkan hujung geriginya di leher saya. Saya tidak dapat membayangkan bagaimana anak perempuan kami dapat melakukan kerja



.....
sekolahnya sambil mendengar bunyi bising ini di pintu bilik sebelah.

Saya tidak mahu anak perempuan saya melihat saya dalam keadaan seperti ini. Saya akan katakan apa sahaja yang perlu untuk membuat suami saya meletakkan botol ke bawah. Saya fikir rayuan berlarutan saya akan berjaya, namun dia hanya berhenti apabila saya mula menumpahkan darah. Saya membuat lawatan kedua ke hospital pada malam itu.

Dalam perjalanan ke hospital, suami saya menyuarakan kekesalannya. Dia meminta maaf sepanjang perjalanan ke sana, tetapi kata-katanya tidak boleh menyembuhkan suatu luka yang telah terbuka. Di hospital, dia bersama saya dan anak perempuan saya dalam bilik menunggu dan turut masuk dengan saya apabila saya pergi berjumpa doktor. Dia berfikir dengan berbuat demikian dia dapat membantu saya, tetapi saya tidak berasa selamat mengetahui dia memerhatikan setiap langkah saya. Saya merasakan satu tekanan lebih ketara apabila doktor datang. Saya takut apa akan menimpa saya dan anak perempuan saya jika saya mendedahkan kebenaran mengenai kecederaan saya. Kepala saya bercelaru cuba untuk tampil dengan penjelasan yang munasabah apabila doktor masuk.

Doktor

Seorang wanita datang ke hospital menutupi lehernya, suami dan anak perempuan dia mengikutnya di belakang. Suaranya goyah kerana dia cuba menjelaskan apa yang berlaku petang itu. Dia berkata sesuatu mengenai menyediakan meja makan malam, menjatuhkan segelas air, cuba untuk membersihkannya dan tersadung dalam proses itu. Ceritanya tidak masuk akal pada masa itu; kehadiran suaminya juga pda masa itu mencadangkan pelbagai syak wasangka akan kejadian sebenar yang berlaku. Untuk membuat wanita itu berasa lebih selamat dan selesa, saya meminta suami dan anak perempuannya meninggalkan bilik supaya saya boleh memeriksa pesakit secara peribadi.

Apabila pintu ditutup, saya memberitahu dia dengan lembut bahawa dari perspektif perubatan, kecederaan ini kelihatan tidak sengaja. Ekspresinya tegang apabila saya memberitahunya yang saya pernah melihat ketakutannya ketika itu dalam muka wanita-wanita lain. Saya sakit hati melihat satu lagi wanita yang kemungkinan besar seorang mangsa keganasan rumah tangga berselindung di sebalik ketakutan. Saya menyimpulkan bahawa belas kasihan adalah apa yang dia paling perlukan pada masa itu. Dia berdiam diri sepanjang nasihat dan rawatan, tetapi dia juga berhenti cuba untuk menjelaskan dirinya. Saya memberikannya slip kertas dengan nombor WAO sebelum dia pergi, menerangkan bahawa ini adalah satu sumber di mana dia boleh mendapatkan sokongan, bimbingan dan maklumat tentang keganasan

.....

rumah tangga. Dia meninggalkan hospital, kertas disimpan dengan selamat di dalam beg tangannya.

Pegawai Sokongan Crisis WAO

Suatu petang ketika saya membuat kerja sukarela di WAO, saya menerima panggilan pada Talian Bantuan WAO daripada seorang wanita bernama Tina. Dia berkata dia tidak boleh bercakap untuk tempoh yang lama, kerana suaminya akan pulang ke rumah tidak lama lagi. Daripada latihan saya sebagai sukarelawan para-kaunselor dan pengalaman saya bercakap dengan mangsa-mangsa keganasan rumah tangga lain menerusi Talian Bantuan WAO, saya boleh mendengar ketakutan dalam suara Tina. Menurut Tina, dia hanya mahu tahu apa itu WAO, oleh itu saya memberikannya pengenalan ringkas tentang WAO. Dia berkesempatan mengatakan bahawa dia rasa bahawa dia telah didera – tetapi dia tidak benar-benar pasti. Dia hanya tahu yang dia perlukan seseorang untuk bercakap, dan bahawa dia mungkin memerlukan tempat untuk tinggal pada satu masa akan datang. Saya memberikannya alamat pejabat kami dan mencadangkan dia datang bertemu dengan kami minggu depan. Dia bersetuju, mengatakan bahawa dia akan ambil cuti sakit untuk datang.

Pekerja Social WAO

Tina telah datang seorang diri ke Rumah Perlindungan WAO pada Selasa berikutnya. Beberapa kanak-kanak menjenguk apabila dia berjalan melalui pejabat ke Bilik Kaunseling.

Tina tidak banyak bercakap pada mulanya, oleh itu saya memulakan dengan perkara biasa, bermula dengan penilaian risiko. Ini untuk menentukan tahap bahaya – untuk menilai sama ada adalah selamat untuk dia bercakap, jika dia memerlukan tempat tinggal, atau jika dia mempunyai apa-apa sistem sokongan. Saya bertanya kepadanya tentang suaminya, dan apa yang suaminya telah lakukan kepadanya dan kepada anak perempuan mereka. Dia menghadapi kesulitan untuk menjawab soalan-soalan ini secara berterusterang, jadi saya memutuskan untuk berundur dan menerangkan serba sedikit tentang apa sebenarnya keganasan rumah tangga.



Saya menjelaskan bahawa keganasan rumah tangga pada asasnya berpunca daripada ketidakseimbangan kuasa, di mana salah seorang daripada pasangan mempunyai kawalan yang lebih ke atas pasangannya. Dalam keganasan rumah tangga, sering berlaku satu kitaran berterusan di mana terdapat tempoh tenang dan harmoni, sebelum ketegangan akan membina semula, dan memuncak dengan satu kejadian keganasan, diikuti dengan penyesalan. Kitaran ini akan berterusan. Walaupun dia tidak berkata apa-apa, wajahnya menunjukkan yang dia faham.

Saya juga memperkenalkannya kepada pelbagai jenis penderaan, dari fizikal, psikologi, kewangan, sosial, dan seksual. Dia tetap berdiam, mukanya sedikit ke bawah dan hanya kadangkala mengangguk-angguk sepanjang penjelasan saya. Saya memutuskan untuk menukar perbualan ini ke arah lain.

Saya: Apakah asas kepada satu perkahwinan?

Tina: Cinta.

Saya: Dan apakah cinta kelihatan kepada Tina?

Tina: Rumah yang harmoni ... Anak-anak ... Kestabilan rumah tangga?

Saya: Adakah anda rasa perkahwinan anda dalam keadaan itu?

Tina: Um ... ya ... saya rasa begitu. Kebanyakan masa.

Saya: Adakah perkahwinan anda membuat anda bahagia?

Tina: Sebenarnya, ya pada kebanyakan masanya. Maksud saya, pergaduhan itu biasa berlaku dalam rumah tangga, bukan? Tiada perkahwinan yang sempurna, oleh itu kita mesti berdepan dengan sedikit perselisihan faham ...

Saya: Bilakah masa yang anda tidak gembira?

.....

Tina: ... Apabila dia naik marah.

Saya: Bolehkah kamu beritahu saya apa yang berlaku apabila dia marah?

Tina: ... dia pukul saya.

Saya: Tina, adakah anda rasa keganasan adalah sebahagian daripada perkahwinan?

Tina: ... Tidak, ia tidak berlaku dalam setiap perkahwinan, tetapi saya boleh faham mengapa dia melakukannya ... Saya pasti telah membuat kesilapan ...

Saya: Adakah anda fikir anda memerlukan keganasan dalam perkahwinan anda?

Tina: Sejajurnya ... saya tidak tahu jika saya memerlukannya dalam perkahwinan saya ... Dia menggunakannya untuk memberi amaran kepada saya tentang kesilapan saya, dan ia membuatkan saya mahu lakukan perkara dengan lebih baik tetapi ... Saya tidak tahu

Saya: Adakah anda merasakan anda telah melakukan yang terbaik?

Tina: Jika saya buat yang terbaik, dia akan berhenti memukul saya dari dahulu lagi... Saya menjalani kehidupan dalam ketakutan untuk membuat kesilapan, untuk berdepan dengan hukuman lain, untuk kemungkinan melihat dia hilang sabar dengan anak kami dengan cara yang sama dia hilang sabar terhadap saya.

Kebimbangan ini mempengaruhi cara saya bekerja – perkara yang saya nak buat pun tidak berjaya. Ini cuma menyebabkannya menyakiti saya lagi ... Saya tidak tahu apa yang perlu dilakukan. Saya mahu menjadi seorang isteri yang baik tetapi saya tidak boleh menjadi seorang isteri yang lebih baik jika saya sentiasa takut. Saya takut terhadap diri sendiri, tetapi lebih untuk anak perempuan saya ... saya tidak boleh membiarkan dia melihat saya sebegitu takut. Dia telah berdepan dengan dugaan yang cukup teruk. Saya mahu melakukan sesuatu tetapi saya tidak tahu apa yang perlu dilakukan ...

Saya: Anda tidak perlu bimbang, Tina. Apa sahaja yang anda putuskan untuk lakukan, kami akan berada di sini untuk membantu anda dalam setiap langkah perjalanan. Terdapat beberapa pilihan untuk wanita yang berpengalaman seperti anda. Adakah Tina ingin saya jelaskan?

Tina: Ya ... terima kasih.

Saya: Perkara pertama sesetengah wanita pilih untuk lakukan adalah membuat laporan polis. Pastikan laporan itu ringkas dan mengandungi kesalahan yang diambil tindakan. Ini bermakna anda perlu memberitahu pihak polis bagaimana suami anda melanggar undang-undang dengan

.....
 mencederakan anda. Saya boleh menemani anda ke balai polis jika ia akan membuat anda berasa lebih selesa—

Tina: Tunggu, tunggu ... Tetapi adakah polis akan menangkap suami saya? Saya tidak pasti mahu mengambil tindakan drastik terhadapnya.

Saya: Polis tidak semestinya akan menangkap suami anda – polis akan membuat siasatan dahulu. Mereka akan menghubungi suami Tina dan meminta keterangan berkenaan dengan laporan anda. Salah satu perkara yang polis boleh lakukan ialah membantu anda mendapatkan IPO.

Tina: apa itu IPO?

Saya: IPO adalah Perintah Perlindungan Interim. Ini menghalang suami anda dari mendera anda lagi semasa siasatan dijalankan. Pegawai penyiasat anda, atau "IO", akan memberikan anda satu surat rujukan yang menyatakan bahawa pihak polis sedang menyiasat kes itu. Kemudian anda perlu serahkan surat ini kepada Pegawai Kebajikan di Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terdekat dan meminta IPO, dan Pegawai Kebajikan akan mengambil alih kes ini untuk anda.

Pegawai Kebajikan anda juga akan menemani anda ke mahkamah untuk memohon IPO. Anda juga boleh melanjutkan perlindungan kepada anak perempuan anda. Dan anda boleh yakin bahawa pihak polis hanya akan menangkap suami anda jika dia melanggar IPO anda. Adakah ini sesuatu yang anda mahu lakukan?

Tina: Saya tidak pasti jika saya boleh melakukan ini seorang diri ... saya takut apa yang suami saya mungkin melakukan kepada saya atau anak saya jika dia mendapat tahu yang saya lakukan ini.

Saya: Kami di sini untuk membantu anda setiap langkah perjalanan, Tina. Rumah Perlindungan WAO sentiasa terbuka jika anda dan anak perempuan anda perlukan perlindungan fizikal daripada suami anda.

Tina: Okey...Saya percaya dengan kamu. Ya, saya rasa saya sudah bersedia.

Pegawai Penyiasat (IO)

Seorang wanita yang nampak ketakutan datang ke balai semasa syif saya. Dia bercakap lembut tetapi tegas, bertanya di mana dia boleh membuat laporan polis. Dia tidak pernah membuat laporan polis sebelum ini, katanya, tetapi suaminya telah memukulnya dan dia takut bahawa suaminya akan melakukannya sekali lagi. Saya telah menjalani latihan tentang bagaimana untuk mengendalikan kes keganasan rumah tangga sebelum ini, tetapi telah agak lama dahulu dan sekarang saya tidak begitu yakin bagaimana untuk menangannya. Saya mula bertanya rakan sekerja saya untuk membantu,

.....

tetapi jawapan mereka tidak membantu. "Satu lagi kes keganasan rumah tangga?" salah seorang daripada mereka memberitahu saya. "Awak tahu dia hanya akan menarik balik kenyataannya, bukan?" Satu lagi berkata bahawa mangsa seperti ini tidak tahu bagaimana untuk memfailkan laporan yang betul, tidak pasti apa mereka mahu, dan hanya meninggalkan kami dengan lebih banyak kertas kerja untuk dilakukan. Rakan sekerja saya mempunyai lebih banyak pengalaman di tempat kerja berbanding saya, tetapi apa yang mereka katakan tidak menyenangkan saya. Saya menghulurkan satu borang untuk diisi sementara saya melihat di sekeliling pejabat untuk bahan-bahan rujukan, meninjau fail-fail, sehingga saya terjumpa satu dokumen: Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga. Saya membelek buku panduan itu untuk mengembalikan ingatan saya, dan kemudian kembali kepada wanita si pelapor, kini dengan pengetahuan tepat berkenaan apa yang perlu dilakukan.

Wanita itu meletakkan pen ketika saya kembali, menunjukkan borang yang disiapkan separuh jalan. Saya memandang sepintas lalu kertas itu untuk mengetahui namanya sebelum bertanya, "Tina, boleh saya membantu anda dengan apa-apa?" Dia memberitahu saya dia takut. Dia berkata, suaminya bukan seorang penjenayah, suaminya ialah suaminya — dia tidak pernah mengenali sesiapa yang telah ditangkap apatah lagi bermalam dalam penjara. Dia tahu kami tidak akan meletakkan suaminya dalam penjara, tetapi masih ragu-ragu. Ketakutan timbul dalam suaranya setiap kali dia bertanya soalan. Dia masih menyayangi lelaki yang dia fikir akan dihantarnya ke penjara. Saya memberi jaminan kepadanya, menjelaskan bahawa tatacara undang-undang untuk kes keganasan rumah tangga tidak membenarkan pihak berkuasa menangkap seorang penjenayah disyaki. Saya tidak dapat memulihkan konflik emosi yang dia rasakan dalam membuat laporan polis ke atas suaminya, atau akibatnya apabila suaminya mengetahui tentang laporannya. Saya mempertimbangkan untuk memanggil suaminya dan cuba untuk membantu menjadi pengantara, tetapi saya membuat keputusan sebaliknya. Saya ini mungkin akan membuatkan Tina rasa tidak selamat. Selain itu, saya tahu terdapat agensi-agensi lain yang boleh memberi khidmat kaunseling kepada pasangan ini jika kedua-duanya memutuskan ia akan membantu mereka -- saya telah membaca ini dalam manual Garis Panduan.

Saya membuat keputusan untuk melengkapkan kenyataannya dan memberitahu langkah seterusnya untuk kesnya. Saya memaklumkan kepada dia tentang permulaan siasatan dan bagaimana saya akan mengumpul bukti, dari mengutip laporan perubatan kepada senjata pelaku telah digunakan kepada kenyataan daripada saksi termasuk anak perempuannya dan ahli keluarga yang lain, dan juga suaminya. Saya juga memberikannya surat rujukan untuk mendapatkan IPO dan satu salinan laporan polis. Dia seolah-olah sudah berpengetahuan mengenai proses ini, tetapi saya turut memberikannya panduan ringkas mengenai prosedur. Selepas itu, saya turut

.....
 memberitahunya bahawa saya boleh mengiringinya ke rumah untuk mengambil barang-barang peribadi jika dia mahu tinggal di tempat lain buat sementara waktu.

Dia kelihatan lega selepas keseluruhan proses dan meminta bantuan untuk mengumpulkan beberapa barang penting kepunyaannya dari rumah dan untuk mengambil anak perempuannya. Kami mengatur supaya ini dilakukan pada waktu tengah hari keesokan harinya, selepas saya memberitahu suaminya mengenai siasatan. Sejurus selepas itu, dia meninggalkan balai polis ini.

Tina

Bejalan keluar dari balai polis, saya agak berhati-hati dengan keadaan sekeliling saya. Destinasi saya seterusnya adalah ke Rumah Perlindungan WAO tetapi saya tidak dapat menyembunyikan perasaan saya yang masih cemas. Saya dan anak perempuan hanya selangkah lebih dekat ke arah hidup bebas dan selamat, walaupun mungkin untuk seketika, tetapi saya masih berasa takut suami saya akan mencari kami.



Apabila tiba di rumah perlindungan, saya disambut mesra oleh pekerja sosial di situ dan beberapa orang penghuni. Saya diperkenalkan kepada kakitangan di Rumah Perlindungan dan dimaklumkan mengenai beberapa peraturan rumah. Ini diikuti dengan tinjauan ke kawasan sekeliling dan sejurusnya saya terus berehat di katil.

Fikiran saya berpusing-pusing memikirkan anak perempuan saya kerana dia masih di apartmen kami dengan bapanya. Saya tertanya-tanya jika dia telah memukul atau menjerit sebagaimana dia lakukan kepada saya atau sama ada dia melarikan anak kami daripada rumah. Walaupun sukar, saya sentiasa mengingatkan diri saya bahawa saya telah melakukan yang terbaik pada peringkat ini dan kami akan disatukan semula selepas malam ini. Penghuni lain mendekati saya, bertanya

.....

bagaimana saya rasa. Ia melegakan saya apabila melihat mereka meneruskan kehidupan mereka dan mengetahui bahawa saya tidak keseorangan dalam situasi itu.

Akhirnya tiba masa untuk bertemu dengan IO untuk menuju ke rumah saya. Pekerja sosial saya turut menemani saya dan apabila kami menekan loceng pintu, saya merasakan seolah-olah jantung saya berhenti untuk beberapa saat, menjangkakan bahawa suami saya yang akan membuka pintu. Memang betul jangkaan saya. Suami saya merenung tajam kepada IO dan bertanya apa tujuan kami datang. IO memberikan penjelasan mengenai laporan yang dibuat dan menjelaskan bahawa kami datang untuk mengambil barang-barang peribadi saya dan yang paling penting, anak perempuan saya. Dia dengan berat hati berundur dan membenarkan kami masuk dan renungan tajam dilemparkan ke arah saya. Saya mahu menyelesaikan perkara ini secepat mungkin dan saya amat lega apabila melihat anak perempuan saya duduk di meja kecilnya, tanpa mengalami sebarang kecederaan. Saya memeluknya dan dengan segera mencapai segala yang saya perlu, tidak sabar untuk meninggalkan tempat tersebut. Syukurlah, pengalaman pahit itu berakhir tanpa sebarang pertelingkahan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada IO kerana membantu kami. Tanpa dia, saya yakin saya tidak akan dapat meninggalkan tempat itu dengan selamat bersama anak perempuan saya, walaupun pekerja sosial saya turut menemani saya. Ketika anak perempuan saya dan saya memasuki kereta, saya terlintas akan kesan daripada keputusan saya ini. Saya akhirnya sedang benar-benar meninggalkan suami saya. Adakah ini perkara yang betul untuk dilakukan? Bagaimana reaksi ibu, kakak, saudara-mara, dan rakan-rakan saya terhadap ini? Apa yang suami saya akan lakukan seterusnya? Bagaimana masa depan untuk anak perempuan saya dan saya? Adakah saya salah untuk berfikir bahawa masih ada sedikit ruang yang baik dalam hati suami saya?

Kami kembali ke Rumah Perlindungan dan pekerja sosial saya dapat melihat keraguan pada wajah saya. Dia bertanya jika kami boleh berbual sedikit, jadi kami pergi ke bilik kaunseling manakala anak perempuan saya tidur dan berehat. Saya mula memberitahunya mengenai keraguan saya meneruskan perkara ini, tetapi dia meyakinkan saya bahawa saya harus menjadi kuat untuk anak perempuan saya, dan saya akhirnya harus membuat keputusan yang terbaik untuk kami berdua. Dia mengingatkan saya kembali pada saat dan ketika saya masih percaya yang suami saya akan berhenti mendera saya, dan juga semasa perjalanan saya ke hospital. Dia juga menyatakan bahawa saya tidak keseorangan dalam hal ini, tidak kira apa yang saya pilih untuk lakukan. Saya keluar dari bilik tersebut dengan perasaan bahawa keputusan ini adalah pilihan terbaik saya, dan saya sekurang-kurangnya perlu melihat hasil siasatan IO tersebut terlebih dahulu.

.....

Dalam masa yang sama, saya gembira untuk meneruskan kehidupan seperti biasa di Rumah Perlindungan. Anak perempuan saya meneruskan pembelajarannya melalui program sekolah di rumah (homeschooling). Kakitangan di situ juga menyedari bahawa anak perempuan saya agak pendiam dan takut untuk berkomunikasi dengan orang lain selain daripada saya, dan seringkali terkejut apabila mereka mendekatinya. Mereka berkata ini mungkin disebabkan hasil daripada mendengar atau menyaksikan penderaan suami terhadap saya. Oleh itu, mereka membantu mendaftarkan anak saya dalam terapi mainan, dan perlahan-lahan, dalam tempoh beberapa minggu kemudian, dia mula berinteraksi dengan pekerja sosial dan kanak-kanak lain di Rumah Perlindungan. Apabila saya melihat dia bermain dan ketawa seperti sebelum rumah tangga kami pecah belah, saya berasa sangat gembira.

Pegawai Kebajikan

Seorang wanita dan pekerja sosial menuju ke arah kaunter apabila nombor mereka dipanggil, bertanya untuk memohon IPO. Saya kenal akan pekerja sosial berkenaan kerana saya telah menguruskan beberapa kes yang serupa dengannya sebelum ini. Saya meminta dokumen yang diperlukan untuk permohonan IPO – antaranya laporan polis, surat rujukan daripada IO, dan laporan perubatan. Mereka telah datang bersedia dan saya dapat memproses permohonan itu dengan cepat. Saya memberitahu mereka tentang perbicaraan mahkamah bagi meluluskan permohonan IPO kepada wanita tersebut dan saya telah berjaya untuk mendapatkan IPO untuknya dalam masa sehari.

Timbalan Pendakwa Raya (TPR)


Saya menerima kes Tina sejurus selepas IO selesai dengan siasatannya. Saya telah mengendalikan beberapa kes yang melibatkan keganasan rumah tangga sebelum ini, maka saya sudah biasa dengan prosedur yang berkenaan. Walaupun dengan masa yang agak suntuk disebabkan kesibukan, saya harus bertemu dengan klien saya sekurang-kurangnya sekali sebelum perbicaraan mahkamah mereka. Ini jarang dilakukan oleh semua TPR, tetapi saya ingin memahami klien saya dan kesnya, di samping mengenali fakta-fakta kes. Selain itu, saya ingin mereka bersedia dari segi emosi dan mental kerana saya faham prosiding mahkamah mungkin menakutkan bagi sesetengah orang, terutama jika kes itu adalah bersifat keganasan rumah tangga dan di mana konfrontasi dengan pelaku mungkin berlaku.

Pertemuan pertama saya dengan Tina dan pekerja sosialnya membuahkan hasil. Dia teragak-agak semasa masuk ke dalam bilik, sambil memandang

keadaan sekeliling. Walau bagaimanapun, dia dengan yakin bercakap mengenai perkara yang penting bagi kesnya. Saya memaklumkan kepada beliau potensi tekanan akibat soalan-soalan daripada peguam suaminya atau akibat kehadiran suaminya di mahkamah. Saya juga memberitahunya untuk memohon untuk Perintah Perlindungan (PO), iaitu perintah larangan terhadap suaminya yang akan menghalang suami daripada mendekati dan mendera beliau dan anak perempuan mereka untuk setahun. Tina menarik nafas panjang dan mengangguk. Saya memberi jaminan bahawa saya akan melakukan yang terbaik – saya menganggap dia masih mempunyai perasaan bercelaru mengenai keputusannya, oleh itu saya melakukan yang terbaik untuk menunjukkan keperihatinan dan untuk menenangkannya.

Selepas melihat fakta kes, saya membuat keputusan untuk mendakwa suaminya di bawah Seksyen 321 ("Dengan sengaja menyebabkan kecederaan"), Seksyen 322 ("Dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah"), dan Seksyen 324 ("Dengan sengaja menyebabkan kecederaan dengan senjata atau alat yang berbahaya lain ") Kanun Keseksaan. Pertuduhan ini sejajar dengan penderaan fizikal suami terhadap Tina, termasuk memukul, mematahkan lengan, dan memotongnya dengan sekeping kaca. Saya juga mempertimbangkan sama ada untuk memasukkan pertuduhan di bawah Seksyen 375A ("Suami menyebabkan kecederaan untuk mempunyai hubungan seks"); Walau bagaimanapun, saya memutuskan untuk tidak memasukkan ini kerana saya tahu dari perspektif keterangan ia sukar untuk membuktikan, kerana Tina tidak pergi berjumpa doktor atau membuat laporan polis selepas suaminya memaksanya untuk melakukan persetubuhan, walaupun dia mempunyai lebam di sekitar pergelangan tangan kesan daripada pegangan dan paksaan suaminya.

Suaminya mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan, oleh itu proses perbicaraan diteruskan. Semasa perbicaraan mahkamah, terdapat soal balas saksi dan keterangan lain dikemukakan kepada mahkamah, termasuk doktor yang merawatnya di hospital, ahli-ahli keluarga, dan anak perempuana. Anak perempuan Tina disoal balas di mahkamah dengan kain putih melindungi pandangan terhadap bapanya. Ini adalah untuk menghalang sebarang paksaan atau tekanan jika melihat bapanya, meletakkannya dia dalam keadaan selesa dan juga memastikan bahawa kenyataannya adalah menyeluruh dan konsisten. Penggabungan semua keterangan yang dikemukakan memihak kepada Tina pada akhir prosiding itu.



"Tina" yang saya temui pada permulaan perbicaraan itu adalah sama sekali berbeza daripada "Tina" yang saya kenali selepas itu. Saya menerima maklumat terkini yang berkala mengenai kesnya daripada pekerja sosial dia di setiap prosiding mahkamah, dan daripada Tina sendiri apabila dia hadir untuk prosiding di mana kehadiran diperlukan. Tina menjadi lebih kuat, kembali kepada dirinya yang diperkasakan dan bebas (seperti yang dia sendiri gambarkan) sebelum penderaan berlaku. Saya dapat melihat dalam perlakuannya di mahkamah; dalam cara yang dia memberi testimoni kepada hakim; dalam bagaimana dia melayan anak perempuannya ketika memberi keterangan terhadap bapanya dan bagaimana dia mendapat pekerjaan sepenuh masa pada pertengahan perbicaraan. Saya rasa sokongan yang akhirnya dia terima daripada ibu dan kakaknya turut membantu.

Pengalaman Tina berakhir dengan dia sendiri menyampaikan Kenyataan Impak Mangsa (Victim Impact Statement/VIS) berikutan keputusan bersalah oleh hakim dan sebelum keputusan mengenai hukuman suaminya diberikan. Dengan ibu, kakak dan pekerja sosial yang menyokongnya di galeri awam, dia telah menceritakan pengalaman yang memilukan secara terperinci, menggariskan bagaimana keganasan rumah tangga telah menjejaskan hidupnya dan bagaimana dia rasai pada seluruh pengalaman pahit itu dan hingga ke hari ini. Dia turut menyifatkan kesan psikologi yang teruk khususnya ke atasnya. Tina berkongsi bahawa dia masih merasa bingung dan gelisah apabila pulang ke rumah dari tempat kerja, tidak kira di mana dia berada hari ini, kerana itu adalah masa suaminya akan mula menderanya. Butiran ini amat penting bagi mahkamah untuk memahami kerana ia memberi perbezaan dalam hukuman yang akan diberikan.

Akhirnya, suami Tina dijatuhkan hukuman 24 bulan penjara.

Tina

Sebahagian daripada saya masih berasa sayang dan juga simpati terhadap suami saya kerana kami berkongsi banyak kenangan manis. Kami mempunyai anak perempuan yang baik, dan saya tahu suami dan saya pernah sayang satu sama lain. Walau bagaimanapun, berjalan keluar dari bilik mahkamah selepas hukuman dijatuhkan, saya berasa lega. Berbulan-bulan mendapatkan kaunseling, meragui diri sendiri, dan mendapatkan keyakinan daripada orang lain membawa saya ke hari ini. Saya diingatkan setiap masa dia memekik pada saya dan pukul saya, dan apabila dia menolak saya jatuh tangga dengan anak perempuan kami berada dekat. Hanya masa akan menentukan apa yang akan terjadi kepada anak perempuan saya dan saya, tetapi buat masa ini, saya percaya kami berada di tempat yang lebih baik.

Pada masa ini, anak perempuan saya tinggal di Pusat Jagaan Kanak-Kanak WAO dan saya berada bersama kakak saya sementara saya cuba kembali pulih. Anak memberitahu saya tentang pengalamannya di sana semasa lawatan mingguan saya ke Pusat tersebut. Sesi-sesi terapi mainan diteruskan, dan dia sekarang pergi ke sekolah dan mendapat sokongan pastoral dan akademik. Dia kini lebih terbuka, lebih gembira, dan lebih responsif kepada persekitarannya, dan berjaya di sekolah. Walaupun saya ingin meluangkan lebih banyak masa bersama anak perempuan saya, saya melakukan yang terbaik untuk bekerja keras, menyimpan dan mendapatkan wang yang cukup untuk menyewa sebuah apartmen kecil, dan untuk menyananya.

Hanya Tuhan mengetahui apa akan berlaku jika saya kekal bersama suami saya. Saya mungkin akan menunggu dia kembali ke pangkal jalan, berharap kami akan kembali kepada waktu awal hubungan kami. Namun, mengingat kembali apa yang saya pelajari tentang keganasan rumah tangga, merenung hubungan saya dengannya, dan mendengar



kisah pemandiri lain seperti saya – saya semakin sedar bahawa keganasan itu kemungkinan besar akan berterusan. Saya sedar bahawa anak perempuan saya dan saya berhak dilayan dengan hormat dan hidup tanpa keganasan.

Saya terhutang budi atas segala sokongan yang saya terima dan bersyukur atas sejauh mana saya telah datang. Tanpa keluarga saya, pihak polis, doktor, TPR dan mereka di WAO, saya tidak mungkin dapat melakukannya. Ibu bapa saya pada mulanya ragu-ragu, berkata bahawa saya terlalu sensitif atau saya tidak melakukan secukupnya untuk menyelamatkan perkahwinan saya. Ini secara beransur-ansur berubah sepanjang perbicaraan mahkamah kerana mereka dapat melihat di luar norma-norma tradisional budaya kita, dan memahami keganasan rumah tangga. Tambahan pula, hubungan-hubungan yang saya pupuk sewaktu di Rumah Perlindungan dan sokongan yang saya terima daripada pekerja sosial saya telah memberikan kekuatan dan memperkasakan saya untuk menyelamatkan nyawa saya.

Saya tahu kami mempunyai perjalanan yang panjang sebelum anak perempuan saya dan saya boleh hidup dalam kehidupan yang saya impikan. Namun, saya percaya masa depan kami akan cerah dan saya tidak sabar untuk melihat apa yang berada di hadapan kami kelak.

PENGALAMAN TINA – SOALAN UNTUK PERBINCANGAN

Bincangkan soalan berikut, dengan setiap peserta mewakili perspektif watak yang diberikan. *Panduan untuk Perbincangan* di bawah menampilkan fakta-fakta tertentu daripada naratif untuk membantu memudahkan sesi dialog untuk setiap soalan.

Soalan 1. Bagaimanakah perihal kewangan Tina terjejas disebabkan oleh kejadian keganasan rumah tangga?

Soalan 2. Apakah pemahaman Tina tentang keizinan untuk mengadakan hubungan seks dalam perkahwinan?

Soalan 3. Pada pandangan anda, mengapa Tina menyembunyikan punca sebenar kecederaannya daripada doktor semasa mendapatkan rawatan?

Soalan 4. Bagaimanakah kitaran perilaku keganasan dapat dilihat dalam pengalaman Tina?

Soalan 5. Bagaimanakah pengasingan sosial menyumbang kepada keganasan rumah tangga Tina?

Soalan 6. Bagaimanakah doktor yang memeriksa Tina mengenal pasti bahawa dia mungkin adalah pemandiri keganasan rumah tangga?

Soalan 7. Apakah peranan yang dimainkan oleh pekerja sosial WAO dalam membantu Tina?

Soalan 8. Apakah tindakan positif diambil oleh pegawai polis dalam mengendalikan kes Tina?

Soalan 9. Apakah pengalaman Tina dalam mendapatkan IPO?

Soalan 10. Apakah kesan keganasan rumah tangga terhadap anak Tina?

PENGALAMAN TINA – PANDUAN UNTUK PERBINCANGAN

Panduan perbincangan, Soalan 1: Tina terpaksa berkompromi akan autonomi ekonomi dan kewangannya

Tina, seperti kebanyakan wanita di Malaysia, adalah seorang graduan universiti yang mampu menyara dirinya dari segi kewangan melalui kerja sepenuh masanya. Walau bagaimanapun, disebabkan tekanan masyarakat dan harapan yang dikenakan ke atasnya oleh suami, dia telah dipujuk untuk berkompromi dengan mendapatkan kerja sambilan, walaupun pada hakikatnya kedua-dua dia dan suaminya boleh bekerja sepenuh masa dan mampu untuk mengupah pengasuh untuk menjaga anak perempuan mereka. Ini adalah supaya dia boleh meluangkan lebih banyak masa untuk menjadi seorang suri rumah dan ibu, yang mengehadkan peranan Tina hanya dalam sudut rumah tangga.

Kekurangan atau lebihan kuasa kewangan boleh menimbulkan ketidakseimbangan kuasa dalam hubungan rumah tangga. Wanita yang berkompromi kebebasan ekonomi mereka untuk menjadi suri rumah, sama ada mengikut pilihan mereka sendiri atau tidak, lebih cenderung untuk bergantung kepada kewangan pasangan mereka. Ini menjadikan wanita tersebut lebih mudah terdedah kepada keganasan dalam hubungan mereka. Wanita adalah lebih cenderung untuk menjadi suri rumah, kerana peranan jantina dan stereotaip termaktub dalam budaya yang percaya wanita hanya berperanan dalam hal-hal rumah tangga, iaitu menjaga rumah dan anak-anak, manakala lelaki dianggap lebih cenderung untuk menyokong keluarga dari segi kewangan dengan berkerja di luar.

Panduan Perbincangan, Soalan 2: Tina kurang kesedaran mengenai rogol dalam perkahwinan

Tina dipaksa untuk terlibat dalam aktiviti seksual yang mana ada ketikanya dia tidak memberi izin. Sering terdapat tanggapan yang salah bahawa rogol berlaku melalui serangan rawak di tempat-tempat yang tidak dijangka oleh orang yang tidak dikenali. Walau bagaimanapun, rogol juga boleh berlaku di dalam kawasan yang sepatutnya selamat dalam hubungan peribadi, termasuk, dalam hubungan kekeluargaan, platonik ataupun romantik. Topik yang agak sensitif ini iaitu rogol dalam perkahwinan masih tidak diiktiraf sebagai satu perbuatan jenayah di Malaysia, harus dibuka untuk perbincangan kerana ia adalah isu yang sebenarnya biasa berlaku. Kepercayaan bahawa wanita adalah harta lelaki dan tujuan tunggal mereka adalah untuk keseronokan suami mereka adalah misogynistik dan menggambarkan ketidaksetaraan dalam masyarakat kita, di mana dari sudut ini dilihatnya nilai seorang wanita adalah kurang berbanding lelaki.

.....

Panduan Perbincangan, Soalan 3: Tina mengalami stigma keganasan rumah tangga dan menyembunyikan punca kecederaannya

Apabila Tina mengalami kecederaan selepas ditolak jatuh ke bawah tangga oleh suami, dia bergegas ke hospital. Walau bagaimanapun dia gelisah dan enggan untuk memberitahu doktor bahawa kecederannya adalah disebabkan oleh perbuatan keganasan oleh suaminya secara sengaja. Dia sebaliknya memberitahu hospital bahawa ia adalah kemalangan dan doktor tidak mengesyaki apa-apa yang luar biasa mengenai kecederaannya.

Seperti Tina, ramai mangsa keganasan rumah tangga teragak-agak untuk pergi ke pihak berkuasa atau memberitahu seseorang yang mereka boleh percayai. Ini mungkin sebahagiannya disebabkan oleh stigma dan rasa bersalah, atau malu kerana perkahwinan mungkin dianggap gagal. Sesetengah mangsa keganasan rumah tangga takut mereka akan dipandang serong oleh masyarakat kerana konotasi negatif dan pantang sekitar topik keganasan rumah tangga dan tanggapan bahawa keganasan rumah tangga adalah 'hal keluarga', atau bahawa keganasan adalah akibat daripada beberapa tindakan oleh mangsa sendiri. Kita sebagai masyarakat perlu membuang stigma yang dikaitkan dengan keganasan rumah tangga dengan membincangkannya secara lebih terbuka dan bertindak balas dengan penuh sensitif, supaya pemandiri akan lebih kuat dan bersedia untuk tampil dan mendapatkan bantuan. Punca keganasan rumah tangga bukannya berpunca daripada kesalahan pemandiri.

Panduan Perbincangan, Soalan 4: Tina terperangkap dalam kitaran keganasan

Selepas episod keganasan suami Tina yang menyebabkan dia ditolak ke bawah tangga, suaminya dikatakan telah berubah dengan niat yang lebih baik. Dia penuh dengan penyesalan, membeli bunga dan memberikan kasih sayang untuk menunjukkan kekesalan akibat tindakannya. Mereka berdamai dan kembali ke 'fasa bulan madu' mereka. Walau bagaimanapun, fasa ini tidak kekal lama dan suaminya tidak lama kemudian kembali semula kepada tabiat lamanya. Ini adalah perkara biasa dalam situasi keganasan rumah tangga dan digariskan sebagai kitaran keganasan. Selepas keadaan yang sangat ngeri yang menjelma dari segi penderaan fizikal, lisan atau emosi, pelaku akan meminta maaf dan mencari alasan, memastikan pada pemandiri bahawa keganasan tidak akan berlaku lagi. Keadaan akan kembali normal sementara dan pemandiri mula lupa, menyakinkan diri sendiri keganasan berlaku atas sebab tertentu, atau cuba melupakan peristiwa penderaan dalam fikirannya sehinggalah kitaran bermula sekali lagi.

.....

Panduan Perbincangan, Soalan 5: Kecurigaan melampau dan tingkah laku mengawal suami mengasingkan Tina secara sosial

Walaupun punca keganasan rumah tangga adalah ketidakseimbangan kuasa, beberapa pencetus termasuk tekanan hidup, penyalahgunaan dadah, cemburu dan syak wasangka. Suami Tina adalah seorang yang sangat mengongkong dan posesif, dan bertindak mengikut andaian yang tidak munasabah dan tidak rasional. Pelaku keganasan rumah tangga cenderung untuk mengasingkan mangsa dari rangkaian sokongan dan bulatan sosial, mengurung mereka hanya dalam sudut rumah tangga. Ini menyebabkan mangsa berasa lebih terperangkap dan bersendirian kerana mereka ditinggalkan tanpa sebarang sokongan, dan seolah-olah tidak ada cara untuk melarikan diri dari belenggu keganasan.

Panduan Perbincangan, Soalan 6: Doktor peka dalam mengenal pasti keganasan rumah tangga

Selepas satu lagi kejadian ganas penderaan, Tina bergegas ke hospital. Dia bernasib baik kerana telah dirawat oleh seorang doktor yang prihatin dan sedar akan kecederaan dia dan implikasinya, menyedari Tina sebagai mangsa keganasan rumah tangga. Doktor tersebut mewujudkan persekitaran yang selamat dan selesa, bebas daripada pelaku untuk Tina bercakap secara terbuka dan jujur tentang keadaannya. Doktor cuba membantu Tina untuk memahami bahawa dia tidak bersendirian dan terdapat banyak organisasi dan orang yang boleh membantu. Doktor memperkenalkan Tina kepada Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) dan memberikannya nombor telefon mereka, jika Tina membuat keputusan untuk meninggalkan rumah keganasan atau inginkan bimbingan, kaunseling, sokongan ataupun sebarang maklumat.

Panduan Perbincangan, Soalan 7: Pekerja Sosial menyediakan maklumat dan pilihan kepada Tina

Apabila Tina berbincang dengan Pekerja Sosial WAO, pekerja sosial memberi penerangan kepada Tina tentang keganasan rumah tangga dan pelbagai bentuk di mana ia boleh terjadi. Pekerja sosial juga menasihati Tina tentang hak asasinya dan apa yang dia boleh lakukan untuk melindungi dirinya dan anak perempuannya mengikut undang-undang. Namun, pekerja sosial tidak memaksanya untuk mengambil tindakan tertentu pada masa itu.

Sebaliknya, pekerja sosial memberi sokongan kepada Tina dan membuat dia berasa selamat dan selesa dengan tidak mendesak atau memaksanya. Kebebasan diberikan kepada klien untuk memilih masa depan mereka secara bebas, memecah kitaran kawalan dan penderaan, di mana pelaku menarik autonomi mereka dan kemampuan wanita untuk membuat keputusan sendiri. Apa sahaja yang klien putuskan perlu disokong oleh pekerja sosial, kerana apa tindakan yang diambil haruslah datang dari pilihan mereka sendiri.

.....

Panduan Perbincangan, Soalan 8: Pegawai Polis Proaktif menggunakan *Garis Panduan*

Apabila Tina mengumpul keberanian untuk pergi ke balai polis, dia telah dihubungkan dengan pegawai penyiasat (IO) yang walaupun tidak semestinya mempunyai pengetahuan lengkap tentang cara untuk mengendalikan kes keganasan rumah tangga, sangat menghormati Tina dan gigih dalam mengikuti proses yang betul. Walau bagaimanapun, rakan-rakan IO di stesen tidak berapa membantu atau menggalakkannya. Ini menunjukkan kepada kekurangan latihan tetap mengenai keganasan rumah tangga, yang mempamerkan bagaimana penguat kuasa undang-undang dan masyarakat umum memperkecilkan kesan keganasan rumah tangga. Pegawai-pegawai polis yang lain di stesen seolah-olah mengambil sikap sambil lewa ke arah kes keganasan rumah tangga, mempercayai bahawa laporan akan hanya ditarik balik kemudian. Respon sebegini akan menambahkan trauma keganasan rumah tangga terhadap pemandiri.

Pemandiri sering disalahertikan bukan sahaja oleh masyarakat, tetapi juga oleh pegawai polis dan penguat kuasa undang-undang. Penderaan rumah tangga dilihat sebagai satu hal yang harus kekal dalam lingkungan keluarga dan tidak seharusnya disebarluaskan secara terbuka atau memerlukan campur tangan orang luar. Keganasan rumah tangga dengan itu tidak dianggap sebagai isu serius yang memerlukan intervensi dari pihak berkuasa.

Apabila IO tidak mempunyai pengetahuan lengkap atau yakin sepenuhnya dalam apa yang perlu dilakukan, dia telah merujuk kepada *Garis Panduan* yang telah diterbitkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang menggariskan peranan dan tanggungjawab agensi-agensi kerajaan dalam bertindak balas terhadap kes-kes keganasan rumah tangga. Dengan ini, IO mampu dengan cekap membantu Tina, menolong melengkapkan kenyataannya dan memaklumkan kepada Tina bagaimana dia akan meneruskan siasatan. IO memberikan surat rujukan bagi IPO dan satu salinan laporan polis, membolehkan Tina untuk memahami keputusan IO dan proses seterusnya. Akhirnya, IO turut secara fizikal menemani Tina ke rumahnya, bersama dengan pekerja sosial untuk mengumpul barang-barang peribadi jika dia mahu mencari perlindungan di tempat lain yang lebih selamat.

Respon komprehensif masyarakat terhadap keganasan rumah tangga bukan sahaja perlu sensitif, tetapi cekap dan yakin. *Garis Panduan* itu membolehkan IO untuk menjalankan tanggungjawabnya untuk membantu Tina.

Panduan Perbincangan, Soalan 9: tindakan pantas membolehkan Tina mendapatkan IPO dengan cepat

IPO sangat penting dalam memastikan keselamatan pemandiri keganasan rumah tangga dan anak-anak mereka, dan untuk mencegah penderaan lain terus berlaku. Selepas pemandiri memfailkan laporannya di balai polis,

.....

pegawai penyiasat akan menemubual mereka. Sejurus selepas itu, IO akan memberikan surat rujukan untuk IPO, yang diserahkan kepada seseorang pegawai kebajikan dan kemudian dikeluarkan oleh Mahkamah. Dalam kes Tina, tindakan pantas oleh WAO, polis dan pegawai kebajikan membolehkannya memperoleh IPO dalam tempoh satu hari.

Panduan Perbincangan, Soalan 10: Kesan keganasan rumah tangga kepada anak perempuan Tina

Selepas menyaksikan perilaku keganasan bapanya dari segi psikologi dan fizikal terhadap ibunya, kelakuan anak perempuan Tina berubah. Dia menjadi lebih diam dan takut untuk bersosial dengan orang selain daripada ibunya. Ini boleh berlaku terhadap kanak-kanak yang membesar dalam persekitaran keganasan rumah tangga. Kajian menunjukkan bahawa peratusan besar kanak-kanak yang dibesarkan dalam keadaan ini akan kemudian hari berada dalam hubungan keganasan rumah tangga sendiri. Mereka juga lebih mudah terdedah kepada penyakit mental seperti kemurungan dan kebimbangan dan turut mengalami perasaan bersalah, takut, dan syak wasangka terhadap masyarakat secara umum. Kanak-kanak yang menyaksikan atau mengalami penderaan mungkin juga mencontohi kelakuan pelaku justeru menyambung kitaran keganasan. Ramai pelaku sendiri telah didera sewaktu ketika dahulu.

Dengan campur tangan awal dan proaktif, anak perempuan Tina mampu melalui beberapa isu-isu dengan bantuan terapi mainan yang dijalankan di WAO, dan menjadi lebih selesa bersosial dan menyesuaikan diri. Intervensi kreatif seperti terapi mainan atau penulisan sangat berharga dalam memulihkan bukan sahaja wanita yang telah didera, tetapi juga anak-anak.

ISTILAH

AKRT	Akta Keganasan Rumah Tangga 1994
Garis Panduan	Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga
Good Shepherd	Rose Virgine Good Shepherd (Ipoh), Pusat Kebajikan Good Shepherd
IO	Pegawai Penyiasat (Polis)
IPO	Perintah Perlindungan Sementara
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KRT	Keganasan Rumah Tangga
LRA	Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976
PO	Perintah Perlindungan
TPR	Timbalan Pendakwa Rakyat
WAO	Pertubuhan Pertolongan Wanita
WCC	Women's Centre for Change, Penang

MENGENAI PERKHIDMATAN WAO

Dalam perkhidmatan WAO, fokus utama kami ialah intervensi kritikal yang menghadkan kesan buruk daripada keganasan rumah tangga:

Rumah Perlindungan kami ialah tempat perlindungan krisis yang menyediakan rumah sementara kepada 250-300 wanita dan kanak-kanak setiap tahun, dan menawarkan perkhidmatan sokongan menyeluruh. Pada 2016, pihak kami melindungi 118 wanita dan 133 kanak-kanak. Rumah perlindungan kami memastikan bahawa pemandiri keganasan tidak perlu memilih antara hidup bergelandangan atau keganasan. Rumah perlindungan ini diuruskan oleh pekerja sosial kami.

Pusat jagaan kanak-kanak adalah rumah peralihan bagi anak-anak kepada pemandiri. Atas permintaan pemandiri, kami menjaga anak-anak mereka untuk jangka masa pendek, memberi pemandiri masa dan sokongan untuk membina semula kehidupan yang selamat dan bebas dalam komuniti pilihannya. Pada 2016, pihak kami telah melindungi, memberi kaunseling, dan memastikan akses kepada pendidikan kepada 171 kanak-kanak manakala ibu mereka dapat bekerja ke arah mewujudkan kehidupan stabil dan bebas untuk mereka.

Pengurusan kes memperuntukkan advokasi untuk setiap kes, termasuk penglibatan dengan pihak polis, memudahkan perwakilan undang-undang, akses kepada kesihatan dan perkhidmatan awam yang lain untuk hampir 3,000 individu setiap tahun.

Kaunseling WAO dijalankan oleh pekerja sosial kami melalui beberapa cara. Ia terdiri daripada sesi individu (bersemuka), Talian Bantuan WAO, bantuan teks-mesej (TINA atau "Think I Need Aid"), dan melalui e-mel. Talian bantuan kami telah menerima lebih daripada 1,636 panggilan pada 2016. Keseluruhannya, kaunseling kami menyediakan intervensi krisis, perancangan keselamatan, dan rujukan seterusnya untuk seramai 2,748 mangsa.

Program pemerkasaan menawarkan sokongan susulan kepada semua bekas penghuni rumah perlindungan dan anak-anak mereka, untuk memperkasakan daya kekuatan diri untuk memecahkan kitaran keganasan rumah tangga dan mengekalkan kebebasan mereka. Program sokongan kami memanfaatkan ramai wanita dan kanak-kanak pada tahun 2016. Program-program ini telah berjalan dan diselaraskan oleh pekerja sosial kami.

Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO)

Ini ialah laporan kelima yang dihasilkan oleh WAO mengenai respon keganasan rumah tangga sejak 1997. Tujuan laporan ini diterbitkan adalah:

- (1) Untuk membantu pembaca memahami keganasan rumah tangga, daripada kisah sebenar pemandiri (lihat 'Kajian Kes and Penekanan');
- (2) Untuk membantu pembaca (penggubal dasar, pegawai polis, pegawai kebajikan, hospital, penyedia perkhidmatan NGO atau pihak berkepentingan lain) mempertimbangkan apa mereka boleh lakukan dalam menghentikan keganasan rumah tangga (lihat 'Cadangan'); dan
- (3) Untuk memberikan pembaca satu alat untuk latihan dan pendidikan (lihat 'Pengalaman Tina').

Hubungi Talian Bantuan WAO di +603 7956 3488 atau SMS/WhatsApp TINA di +6018 988 8058 jika anda atau seseorang yang anda kenali mengalami penderaan.

P.O. Box 493, Jalan Sultan
46760 Petaling Jaya, Selangor
Malaysia

Tel: +603 7957 5636 / 7957 0636
Faks: +603 7956 3237
Emel: womensaidorg@gmail.com
Laman Web: www.wao.org.my
Facebook: www.facebook.com/womens.aid.org
Twitter / Instagram: [@womensaidorg](https://www.instagram.com/womensaidorg)

Hak Cipta © 2017 Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO). Hak Cipta Terpelihara.

ISBN 978-967-14799-0-2



WOMEN'S AID ORGANISATION
PERTUBUHAN PERTOLONGAN WANITA